

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 15	Rabu	30 Mac 2016
----------------	-------------	--------------------

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015	(Halaman 24)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 30 Mac 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Raime bin Unggi [Tenom]** minta Perdana Menteri menyatakan tahap keselamatan termasuk prasarana anggota keselamatan bagi seluruh Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) walaupun tiga tahun sudah berlalu sejak peristiwa pencerobohan kumpulan pengganas di Kampung Tanduo, Lahad Datu.

Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, status keselamatan di kawasan ESSZONE pada umumnya adalah selamat dan terkawal ketika ini di mana semua agensi yang terlibat, ATM, PDRM, APMM dan pihak berkuasa awam sentiasa berwaspada menghadapi sebarang kemungkinan ancaman walaupun sering mendapat maklumat tentang cubaan-cubaan penculikan.

ESSCOM sentiasa bertekad untuk menyifarkan sebarang pencerobohan dan penculikan dari berlaku. Namun demikian, ancaman seperti *kidnap for ransom*, dengan izin, masih boleh berlaku sekiranya kita kurang berwaspada.

Semenjak insiden penculikan terakhir pada 14 Mei 2015, ESSCOM berjaya menyekat dan mematah beberapa percubaan yang dilakukan dari semasa ke semasa untuk menculik rakyat Malaysia dan rakyat asing. Kejayaan ini adalah kerana tumpuan yang dilakukan oleh kerajaan sejak ESSCOM ditubuhkan.

Sehubungan ini, pelbagai inisiatif dalam mengukuhkan keselamatan ESSZONE telah dan sedang diambil termasuk:

- (i) Mengukuhkan pos-pos keselamatan di pulau-pulau yang ada *resort* dengan peningkatan trup dan kelengkapan;
- (ii) meningkatkan kehadiran *vesse/* sepanjang perairan ESSZONE kepada purata 85 *vesse/s* sehari daripada 39 *vesse/s* sehari sebelum ini;
- (iii) mengoptimumkan penggunaan teknologi pengawasan UAV, pesawat dan radar;
- (iv) meningkatkan operasi penguatkuasaan di laut dan di darat setiap hari di kawasan laluan berisiko tinggi;

- (v) peningkatan pengumpulan maklumat baik secara domestik dan merentas sempadan serta *engagement* dengan komuniti melalui Program Perang Saraf dan ESSCOM Bersama Masyarakat;
- (vi) mendirikan sebuah *sea basing platform* dan menempatkan sebuah kapal ataupun *mothership*, dengan izin, sumbangan Petronas secara kekal di perairan Sabah Timur di mana kedua-dua ini sudah pun beroperasi; dan
- (vii) mewujudkan dua *Island Forward Operational Based* di Mabul, Semporna dan Pulau Bangi, Kudat di mana kedua-dua ini dijangka beroperasi pada akhir bulan depan.

Semua inisiatif ini adalah dinamik di mana perancangan dan pelaksanaan kawalan penugasan operasi sentiasa disemak suai dari semasa ke semasa.

Sukacita dimaklumkan bahawa pasukan keselamatan yang beroperasi di ESSZONE beroperasi dari prasarana agensi masing-masing. Namun demikian, sepanjang tiga tahun ini, ESSCOM telah menambah baik dan menaik taraf 35 pos-pos pasukan keselamatan di sepanjang ESSZONE. Di samping itu, ESSCOM sedang dalam pembinaan prasarana bagi penempatan dua buah batalion iaitu satu batalion Pasukan Gerakan Am dan satu batalion Tentera Darat serta Pangkalan Maritim Semporna bagi projek dalam tempoh RMKe-11.

Kerajaan juga prihatin dengan keperluan untuk meningkatkan kelengkapan operasi agensi-agensi keselamatan di kawasan ESSZONE. Sehubungan itu, kerajaan telah memberikan peruntukan bagi meningkatkan keupayaan sistem radar pengawasan serta perolehan 92 buah bot pelbagai jenis bagi melengkapkan kelengkapan yang wujud di sepanjang ESSZONE.

Dalam perihal pengurusan operasi di ESSZONE, ESSCOM juga telah membangunkan *ESSCOM Fusion Centre* Fasa 2, dan Fasa 3 menyusul dalam RMKe-11. Prasarana semasa walaupun serba kekurangan tetapi tidak menjejaskan operasi. Namun, penambahbaikan yang disusuli mampu meningkatkan keberkesanan operasi di ESSZONE.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas jawapan. Saya melihat ini membuktikan bahawa kesungguhan kerajaan kita untuk memastikan di negeri Sabah terutamanya, dalam keadaan sentiasa selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa kerajaan telah banyak membelanjakan berjuta-juta ringgit seperti mana yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perancangan kerajaan untuk memastikan terutama di perairan di negeri Sabah di kawasan ESSZONE ini dalam keadaan selamat.

Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan tambahan saya berkenaan dengan ESSZONE ini. Kita melihat bahawa Ops Gasak dan Ops Bersepadu Khas adalah antara operasi yang telah dilaksanakan untuk membanteras pendatang asing tanpa izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah bentuk-bentuk pembaharuan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) di kawasan ESSZONE?

■1010

Ini kerana ini dapat dikekang yang mana apabila berlaku kebanjiran PATI untuk keluar dan masuk di kawasan ESSZONE ini sudah tentu saya percaya sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua mungkin ada di antara mereka boleh menjadi tali barut yang mungkin tidak nampak oleh pihak pasukan keselamatan. Jadi saya minta apa pembaharuan-pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan kemasukan pendatang asing tanpa izin ini melalui kawasan ESSZONE. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua salah satu langkah yang kerajaan lihat amat berkesan ialah untuk meningkatkan maklumat perisikan sebelum mereka masuk dalam kawasan. Sekiranya mereka sudah masuk mengesan mereka dan mengambil tindakan terhadap kumpulan-kumpulan tersebut sebelum mereka mampu melakukan sebarang bentuk keganasan ataupun kegiatan seperti penculikan dan sebagainya.

Saya diberitahu bahawa memang banyak insiden yang akan berlaku kalau sekiranya kita tidak mengambil tindakan proaktif dan pencegahan yang tidak kita maklumkan sebab dia merupakan soal keselamatan. Akan tetapi saya boleh memberi gambaran pada Dewan ini bahawa memang banyak kes yang telah tidak terjadi oleh kerana tindakan proaktif yang telah diambil oleh pihak pasukan keselamatan.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Perdana Menteri. Saya ingin menyentuh tentang bukan hanya di kawasan ESSZONE yang menghadapi banyak ancaman tetapi keseluruhan *South China Sea* adalah merupakan kawasan yang makin bermasalah. Jadi, kenapakah kita Kerajaan Malaysia tidak mengadakan lagi banyak latihan ketenteraan besar-besaran di kawasan tersebut sebagai *deterrent*. Atau juga menggembelng tenaga dengan rakan-rakan ASEAN supaya kita menambahkan lagi sepakatan kita dan menunjuk *show off force* kerana masalah *regional* akan bertambah dari semasa ke semasa.

Saya rasa ini adalah satu cara kita boleh memberi satu signal yang amat positif kepada penceroboh luar supaya jangan memasuki kawasan-kawasan yang tidak sepatutnya. Ini adalah lebih berkesan daripada kita mengambil bahagian dalam latihan tentera luar seperti baru ini di Timur Tengah. Saya rasa ini adalah lebih positif dan ini adalah satu cara yang lebih berkesan dan akan memberi kepercayaan bukan hanya kepada penduduk Sabah tetapi nelayan dan juga peneroka-peneroka laut lain yang bermasalah sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada unsur-unsur seperti pencerobohan oleh kapal-kapal nelayan dari negara asing yang masuk dalam perairan kita, kita mampu mengambil tindakan bagi mengusir mereka keluar daripada kawasan. Apa yang menjadi satu cabaran bagi kita ialah soal tuntutan bertindih antara negara di kawasan Laut China Selatan. Soal ini tidak boleh ditangani dengan soal ketenteraan, pada hakikatnya ia hanya dapat diselesaikan melalui rundingan dengan juga *solidarity* di kalangan negara-negara ASEAN dan juga pihak-pihak yang memberi sokongan kepada pendirian kita.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang tepat sekali kerana kita tidak mahu menggunakan ketenteraan. Akan tetapi apa yang kita difahamkan bahawa ESSCOM ini sudah mengenal pasti tempat-tempat mereka masuk. Di Tawau kita ada tiga tempat Kampung Titingan, Kampung Hidayat dan Kampung Wakuba Laut.

Jadi kita mahu buat pos kawalan tetapi pos kawalan begitu lambat sekali. Kita tidak mahu pos kawalan ini berjuta harga mungkin RM150,000, RM200,000 untuk jaga tempat mereka masuk di kampung-kampung di tepi laut. Jadi minta sama Yang Amat Berhormat mungkin boleh mengarahkan supaya pos kawalan ini dapat disegerakan supaya orang-orang tidak boleh masuk lagi. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua secara cadangan daripada Ahli Yang Berhormat saya akan kemukakan kepada pihak ESSCOM sebagai spesifik kepada kawasan-kawasan tertentu yang disebutkan. Jadi saya akan sampaikan cadangan ini kepada pihak ESSCOM untuk diberi pertimbangan yang sebaik mungkin.

2. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta Menteri Kewangan menyatakan langkah bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi kini.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua kerajaan sedar wujudnya kebimbangan dan kerisauan di kalangan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan masalah kos sara hidup yang kian meningkat boleh menjejaskan kebajikan dan masa depan mereka. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kerajaan sentiasa meletakkan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan dalam setiap agenda pembangunan negara selari dengan konsep rakyat didahulukan pencapaian diutamakan.

Walaupun berdepan dengan senario ekonomi global yang tidak menentu, kerajaan tetap komited dengan usaha mensejahtera kehidupan rakyat dan menangani kos sara hidup mereka melalui pelbagai inisiatif yang dijalankan menerusi dasar dan strategi kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan, Rancangan Malaysia Kesebelas dan Bajet 2016.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program-program telah dan sedang dijalankan oleh kerajaan bagi meringankan kos sara hidup rakyat adalah seperti berikut:

- (i) pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi mereka yang berpendapatan RM4,000 ke bawah;
- (ii) pemberian bantuan persekolahan sebanyak RM100 pada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah dari isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah;
- (iii) rancangan makanan tambahan turut disediakan kepada pelajar daripada keluarga miskin, wang saku dan tambang pengangkutan kepada pelajar Orang Asli;

- (iv) pelajar institut pengajian tinggi baucar buku 1Malaysia disediakan;
- (v) penubuhan Kedai Rakyat 1Malaysia yang menyediakan barangan dengan harga 15% hingga 30% lebih murah daripada harga runcit biasa;
- (vi) melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, Ops Catut dijalankan bagi mengawal kenaikan harga yang terlalu tinggi;
- (vii) penubuhan Klinik 1Malaysia dengan bayaran cuma RM1 sahaja memberi kemudahan kesihatan yang cepat, selesa, yang murah kepada rakyat; dan
- (viii) meningkatkan pendapatan kerajaan menyediakan pelbagai latihan keusahawanan, skim pembiayaan dan mudah cara perniagaan kepada individu dan perusahaan kecil sederhana menerusi agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN, SME Corp, SME Bank, MARA, KEMAS dan lain-lain.

Bagi membantu lebih ramai rakyat memiliki rumah kerajaan melancarkan Skim Rumah Pertamaku dan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama serta meningkatkan penjualan rumah mampu milik seperti perumahan PR1MA, Program Perumahan Rakyat, Rumah Mesra Rakyat, Rumah Aspirasi Rakyat, Rumah Idaman Rakyat dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Tambahan pula penjualan rumah berharga sehingga RM300,000 hanya terhad kepada pembeli rumah pertama sahaja.

Bagi meningkatkan pendapatan golongan pekerja, kerajaan menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,000 sebulan bagi semenanjung dan RM920 sebulan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Julai 2016. Manakala bagi kakitangan awam gaji permulaan terendah dinaikkan kepada RM1,200 sebulan. Selain itu pelbagai insentif pelepasan cukai individu diberikan oleh kerajaan dan pengurangan caruman KWSP bagi menambah pendapatan boleh guna rakyat.

■1020

Bagi membela nasib nelayan, kerajaan telah meningkatkan elaun sara hidup bulanan daripada RM200 kepada RM300. Manakala untuk membantu pekebun kecil getah dan kelapa sawit, kerajaan mengadakan beberapa inisiatif seperti insentif pengeluaran getah, program tanam baru dan tanam semula getah dan skim tanaman baru sawit pekebun kecil yang kesemuanya bertujuan untuk memastikan pendapatan pekebun kecil tidak terjejas sekiranya berlaku perubahan harga komoditi di peringkat global.

Kerajaan turut bersetuju meluaskan pengecualian GST kepada beberapa barangan keperluan utama seperti makanan keperluan asas harian, ubat-ubatan terpilih, bahan bacaan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan kewangan dan perumahan kediaman termasuk sewa beli. Sistem jaringan perlindungan sosial juga diperkukuh dengan penyediaan bantuan kewangan dan sistem sokongan kepada golongan miskin, kumpulan mudah terjejas, OKU dan warga emas.

Bagi menambah bekalan yang konsisten, kawalan kuota import atau AP bagi lapan buah produk pertanian terpilih telah diliberalisasikan. Untuk memastikan rakyat menikmati harga barangan yang berpatutan, MyFarm Outlet diperkenalkan dan kedai harga patut ditambah bilangannya. Sehingga itu di bawah program MyBeras, sebanyak 20 kilogram beras setiap bulan akan diberikan secara percuma setiap keluarga miskin tegar yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin pelbagai inisiatif yang dijalankan untuk meringankan beban kos sara hidup telah memberikan impak yang positif dalam usaha kita untuk membantu rakyat. Pendekatan kerajaan yang bersifat holistik jangka pendek dan jangka panjang ini secara tidak langsung membantu pertumbuhan ekonomi negara dan menyumbang kepada pembentukan struktur sosial negara yang lebih progresif.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menjawab soalan saya dengan begitu panjang. Saya berharap semoga semua program kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ada banyak yang saya hendak tanya, cuma saya terpaksa memilih satu dan saya tumpukan kepada kumpulan sasar yang paling miskin.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu kes cerita di sebuah kawasan di Kedah, sebuah kedai runcit dimasuki pencuri dan apabila tuan kedai ini tahu keesokannya bahawa kedainya dimasuki pencuri, beliau mengambil keputusan untuk tidak membuat report polis kerana dia mendapati bahawa yang dicuri adalah beberapa kampil beras. Beliau dapat merasakan bahawa pencuri ini adalah orang kampung yang tidak mampu untuk membeli beras untuk keluarganya. Kita pembuat dasar di sini mungkin banyak dosa kerana mungkin sebahagian dari dasar kita inilah yang menyebabkan kos sara hidup naik di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, pihak kerajaan akan melancarkan program MyBeras yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri awal tahun baru ini dan program ini sebenarnya telah dilaksanakan di Kelantan semenjak lima tahun lepas iaitu pembahagian beras kepada orang-orang miskin, rakyat yang termiskin. Tahun lepas Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan satu program yang dinamakan program Dapur Hijau yang berkonsepkan taman yang produktif, yang mampu memberikan hasil keperluan dapur kepada keluarga.

Program ini adalah aspirasi yang diambil daripada konsep *edible garden* ataupun *kitchen garden* yang telah dilaksanakan di Amerika, Australia dan beberapa buah negara besar. Program ini bertujuan menggalakkan dan menyemarakkan budaya bercucuk tanam di kalangan kaum wanita, terutamanya suri rumah di laman rumah mereka. Walaupun sempit, tetapi dengan penggunaan teknik-teknik tertentu dan penggunaan bahan kitar semula, ia mampu memberikan hasil yang baik untuk dapur. Maksud dapur hijau ini ialah dapur rumah ini penuh dengan sayur-sayuran dan juga ternakan. Ia telah dilaksanakan di Kelantan tahun lepas dan tahun ini, cuma peruntukannya adalah kecil.

Soalan saya, adakah pihak kerajaan bersedia untuk melihat kepada program Dapur Hijau ini yang dilaksanakan di negeri Kelantan? Jika baik dan menarik, adakah pihak kerajaan bersedia

untuk membantu kerajaan negeri daripada segi peruntukan, malahan menjadikannya model yang boleh diperluaskan ke seluruh negara? Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan usaha-usaha untuk menambahkan pendapatan di kalangan rakyat, termasuk mereka sanggup bercucuk tanam dan sebagainya. Walaupun kita tidak ada program yang atas nama Dapur 'Hijau', sebab ia hijau itu ada signifikan tertentu. *[Ketawa]*

Akan tetapi untuk Kelantan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita memberikan bantuan kepada Kelantan ini begitu tinggi sekali bantuannya. Kita beri untuk tahun 2015 ini, kesemua bantuan yang kita berikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM400 juta. Jadi bukan sedikit. Maksudnya kita berharap daripada RM400 juta ini dan ditambahkan lagi duit Ehsan dan peruntukan RMKe-11, terpulang kepada kerajaan negeri untuk memikirkan bagaimana agihan yang sebaik-baiknya untuk pelbagai program membantu rakyat di negeri Kelantan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup ini dalam banyak perkara telah salah diinterpretasikan dan salah dibincangkan. Tuan Yang di-Pertua, di samping harga yang umum, kos sara hidup banyak bergantung kepada cara hidup yang kita jalankan. Pasti kita mahukan Malaysia mencapai standard hidup yang tinggi, tetapi kalau impiannya terlalu tinggi sehingga melebihi kemampuan dan juga menyebabkan kos sara hidup yang tinggi. Soalan saya, adakah penilaian kos sara hidup di Malaysia disandarkan dengan standard kehidupan yang bersesuaian? Saya mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada punca besar tekanan daripada segi kos sara hidup ini ialah kerana taraf pendidikan sebahagian besar rakyat masih di peringkat yang rendah. Maksudnya kalau kita setakat kelulusan SPM sahaja, tidak ada lagi sarjana, tidak ada diploma, tidak ada kemahiran tertentu, kita tidak boleh mendapat pekerjaan yang memberikan pendapatan yang lebih baik.

Jadi puncanya daripada kita, untuk meningkatkan lagi bilangan rakyat Malaysia yang mendapat kelulusan tambahan. Maksudnya pendidikan 11 tahun ini, sampai peringkat SPM ini sepatutnya kita fikir lebih daripada itu dan kita hendak lebih ramai lagi rakyat yang mempunyai kelulusan. Apabila rakyat ada kelulusan ataupun menjadi usahawan, maka pendapatan mereka akan bertambah. Jadi inilah yang mesti kita tanam dalam minda rakyat untuk terus mencari kelulusan dan kemahiran yang lebih tinggi lagi.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya cuma ingin mendapatkan kepastian daripada jumlah peruntukan yang disebutkan sebentar tadi, RM400 juta kepada negeri Kelantan. Apakah ia masuk 100% ke kantung kerajaan negeri ataupun ia ada diagihkan kepada agensi-agensi yang lain sehingga kerajaan negeri tidak boleh memanfaatkan keseluruhan peruntukan yang diberikan itu?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, semua masuk kepada kerajaan negeri, RM400 juta. Untuk agensi persekutuan itu lain, sebab itu lagi besar

sebenarnya. Jadi pada hakikatnya, bantuan untuk Kelantan itu boleh dikatakan antara yang tertinggi kita berikan walaupun Kelantan tidak di bawah Barisan Nasional.

3. Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah perancangan atau inisiatif kementerian bagi menjadikan Pulau Langkawi sebagai pulau berkarbon rendah seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada tahun lepas.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Langkawi.

■1030

Sebagai langkah permulaan bagi menjadikan Pulau Langkawi sebagai pulau berkarbon rendah. Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui dana *United Nations Development Program* (UNDP) telah melantik Rekarancang Sdn. Bhd. sebagai perunding bagi menjalankan kajian kemungkinan bagi pembangunan modul pulau karbon rendah untuk Pulau Langkawi. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada pelepasan gas rumah kaca atau karbon dioksida serta mengenal pasti program dan projek yang berpotensi untuk menyumbang ke arah pembangunan Langkawi sebagai pulau rendah karbon.

Kajian ini bermula pada April 2015 dan akan berakhir pada bulan Mac 2016 dan pihak kementerian sedang menunggu laporan akhir syarikat perunding tersebut. Laporan awal kajian mendapati bahawa pihak-pihak berkepentingan di Pulau Langkawi telah bersedia dan komited untuk menjadikan Langkawi sebagai pulau rendah karbon.

Base line data pelepasan gas rumah kaca bagi empat sektor utama iaitu sektor tenaga yang meliputi pengangkutan, sektor pembuatan, sektor sisa pepejal dan sektor pertanian telah dikenal pasti dalam kajian ini, iaitu dianggarkan sebanyak 3.2 juta tan CO₂ *equivalent*, dengan izin. Berdasarkan kajian ini juga, beberapa program *planship* dan pembangunan kapasiti modul insan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan bagi menjadikan Pulau Langkawi sebagai pulau rendah karbon. Dalam hal ini, KeTTHA dalam proses memohon kelulusan dan peruntukan bagi projek ini di bawah *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia ke-11 pada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. *Thank you.*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memilih Langkawi sebagai *Low Carbon Island* pada tahun 2030. Selaras dengan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan karbon dioksida 40 peratus pada 2065 pada tahun 2020. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, lanjutan daripada hasrat kerajaan untuk mengurangkan 40 peratus daripada *carbon dioxide* dan Langkawi menggunakan 120 mega watt *capacity electricity*.

Apakah boleh kerajaan meluluskan sebanyak 48 mega watt ataupun 40 peratus daripada 120 mega watt untuk *renewal energy* diadakan di Pulau Langkawi bagi manfaat pulau ini sebagai *low carbon island* seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *First,*

buat masa kini Langkawi menggunakan asas *geopark* dalam *geotourism* untuk pelancongan Langkawi yang telah menjadi satu agenda yang cukup hebat menyebabkan Langkawi terkenal di serantau dunia sebagai pusat pelancongan utama di rantau ini. Adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan *low carbon* agenda ini dalam *ecotourism* untuk digabungkan dengan *geotourism* agar ia menjadi asas kepada pembangunan pelancongan di Langkawi di masa hadapan dan apakah kebaikan yang boleh diperolehi oleh rakyat tempatan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan pada Yang Berhormat Langkawi. Bahagian pertama tersebut mengenai dengan kemungkinan daripada 120 mega watt keperluan tenaga di zon atau Pulau Langkawi tersebut adakah berpeluang untuk menggunakan 40 peratus daripada itu membekal itu dengan tenaga yang boleh dibaharui. Saya rasa ini tertakluk kepada permintaan pada masa akan datang.

Oleh sebab kapasiti sedia ada, kita tidak boleh sekadar ganti kecuali mesin-mesin yang sudah tua dan juga kalau tidak ada peningkatan permintaan di pulau-pulau tersebut. Namun dalam perancangan untuk menjadikan Pulau Langkawi modul sebagai satu pulau modul *low carbon*. Dalam perbincangan kita dengan pihak EPU kita telah menekankan bahawa sektor tenaga boleh baharui dan kecekapan tenaga perlu dimasukkan dan ini termasuklah untuk memberi peluang kepada pihak swasta untuk membina sumber-sumber tenaga boleh baharui mahupun melalui solar, PV ataupun angin ataupun *floating solar* di atas ampangan.

Jadi, ini telah kita kenal pasti antara yang kita masukkan dalam permohonan peruntukan untuk menggunakan tenaga boleh dibaharui untuk permintaan akan datang ataupun mengganti *generators*, khususnya yang pulau yang bersendirian itu dengan tenaga yang boleh dibaharui dan mudah-mudahan pihak EPU boleh setuju dengan cadangan kita.

Mengenai dengan perkara yang kedua yang telah pun disentuh tadi, soal mobiliti atau telah pun kita masukkan dalam permohonan *electric mobility* termasuk *transportation* di peringkat pulau supaya lebih menggunakan tenaga yang boleh dibaharui ataupun menggunakan *fuel* yang akan membantu menurunkan penggunaan karbon dan ini termasuklah penggunaan bas dan skuter dan teksi elektrik dan basikal elektrik pada masa akan datang dan pihak kita berharap bahawa pihak sektor pelancongan akan menyokong ini.

Tidak semestinya kerajaan yang harus membiayai infrastruktur seperti ini, pihak kerajaan boleh menyokong usaha pihak swasta untuk mempromosikan teknologi masing-masing dan kita telah masukkan ini dalam senarai projek perancangan untuk mencapai Langkawi sebagai modul pulau ataupun zon rendah karbon. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita tahu Pulau Langkawi kaya dengan tumbuh-tumbuhan dan kurang dari sudut pengangkutan. Jadi, saya ingin tahu secara rasional kalau kita tengok dari sudut pencemarannya agak lebih selamat sebab dalam keadaan *environment* persekitaran yang lebih, yang banyak dengan tumbuh-tumbuhan hijau dan kenderaan dan begitu juga industri yang tidak begitu banyak berbanding dengan tempat lain.

Jadi, apakah dalam perancangan yang telah dibuat oleh pihak kementerian yang mengambil, menjadikan Langkawi sebagai modul ini satu contoh yang terbaik untuk memastikan, untuk melahirkan modul *low carbon* ini dapat dijadikan rujukan di seluruh negara. Apakah selain daripada Langkawi, tempat-tempat lain yang akan dibuat dan akan dilaksanakan di peringkat kementerian untuk memastikan bahawa negara kita bebas daripada bahaya karbon ini. Terima kasih

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sememangnya dari segi ciri-ciri ekonomi Langkawi itu sepertimana yang saya katakan tadi sumbangan kepada pengeluaran CO₂ setakat 3.2 tan setahun. Maka, walaupun itu dianggap sederhana besar dari segi ekonomi Langkawi tersebut lebih berasaskan kepada dua sektor iaitu pertanian dan perikanan dan memang sektor *services* pada perkhidmatan iaitu pelancongan. So, dari segi *generation carbon dioxide* ini Tuan Yang di-Pertua satu adalah daripada *transport* dan satu daripada tenaga.

Akan tetapi kerana tenaga sekadar menggunakan 120 mega watt dan pada saat ini bakal melalui generator kita yang menggunakan gas dan sedikit diesel di pulau-pulau. So, kita telah mulakan usaha-usaha seperti *and then* supaya pada masa akan datang sebahagian daripada peratusan *in store capacity* ini harus kita peroleh dari segi tenaga yang dibaharui khususnya solar dan ada nampak potensi sedikit untuk *wind* ataupun untuk angin.

■1030

Juga sumber yang lain itu, transportasi saya sudah katakan tadi kerana dari segi 3.2 megawatt tan CO₂ ini 40% adalah daripada tenaga elektrik dan juga daripada transportasi. Jadi transportasi saya rasa ada satu sektor yang senang dan boleh dimulakan. Selain daripada itu, perusahaan pertanian. Pihak Yang Berhormat Langkawi sedang membuat *roll out* kesedaran supaya lebih berasas kepada penggunaan hijau.

Bukan hijau yang satu itu, yang bendera hijau tetapi *lifestyle* hijau dari segi mengurangkan karbon supaya ini mulai dipraktikkan di peringkat pulau dengan menggunakan input-input yang berasas kepada *renewable*. So *it's a total approach*, tidak bolehlah dari segi aktiviti sahaja tetapi daripada *lifestyle*. Dalam perkara ini, rakyat Langkawi perlu memberi kerjasama dan penglibatan yang kita boleh bantu bersama. Terima kasih.

4. **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan harga dan sebab perbezaan harga yang ketara bagi kelapa sawit dan getah antara negeri di Malaysia dan antara negara di Asia Tenggara. Apakah langkah kerajaan dalam membantu sektor kelapa sawit dan getah yang mengalami kemerosotan harga.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelumnya saya mohon izin untuk menjawab sekali soalan-soalan daripada Yang Berhormat Lipis bertarikh 4 April 2016 dan Yang Berhormat Sepanggar bertarikh 5 April 2016 kerana menyentuh isu yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga urus niaga jual beli getah di dalam negara berbeza di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak berdasarkan kepada beberapa faktor. Ini termasuk:

- (i) kadar diskaun atau kos pemprosesan yang ditolak dari harga pembelian di peringkat ladang oleh kilang-kilang;
- (ii) kandungan getah kering dan kualiti getah; dan
- (iii) jarak di antara kilang dan peniaga getah iaitu semakin jauh jarak semakin tinggi kos pengangkutan dan ini juga ditolak daripada harga pembelian di peringkat ladang.

Faktor-faktor tersebut juga terpakai bagi perbandingan harga pembelian di lain-lain negara di Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin tentang isu kejatuhan harga getah dan kesannya kepada pendapatan lebih 300,000 orang pekebun kecil getah di seluruh negara. Sebagai langkah bagi menjaga kebajikan para pekebun kecil getah, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah seperti, tadi turut dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan:

- (i) menyediakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015 dengan dana keseluruhan sebanyak RM200 juta dan pelaksanaan telah ditambah baik daripada harga pengaktifan IPG ini pada awalnya pada harga RM5.10 SMR20 kepada RM5.50 sekilogram. Bagi *cub lump* daripada RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram mulai Januari 2016;
- (ii) menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi untuk terlibat di dalam aktiviti urus niaga getah dan ini di samping mengurangkan lapisan pembeli, akan dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang. Setakat ini, 18 buah koperasi sudah pun dalam proses mendapat pembiayaan tersebut;
- (iii) menyentuh peruntukan, menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks dan ini digunakan untuk memperkukuhkan infrastruktur kutipan lateks;
- (iv) menyediakan geran dalam bentuk insentif tanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih kelim getah yang berkualiti tinggi kepada para pekebun kecil dan geran tanam semula ini agak tinggi iaitu RM9,230 sehektar untuk Semenanjung manakala di Sabah dan

Sarawak masing-masing pada kadar RM14,000 sehektar dan RM13,500 sehektar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah tersebut, menyentuh soalan Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Sepanggar, pihak kerajaan juga menyediakan strategi jangka panjang seperti:

- (i) menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara sehingga 10% daripada jumlah pengeluaran getah asli negara;
- (ii) memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan pembangunan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berasaskan getah; dan
- (iii) bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli bagi menstabilkan harga getah seperti di bawah kerangka ITRC ataupun dengan izin *International Tripartite Rubber Council* dan *Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor sawit pula, perbezaan harga yang ketara di antara negeri-negeri di dalam negara dipengaruhi oleh kuasa pasaran di wilayah utara, selatan, tengah, pantai timur, Sabah dan Sarawak. Perbezaan harga minyak sawit mentah (CPO) dan isirung sawit (*palm kernel*) di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung berpunca daripada permintaan industri pemprosesan di ketiga-tiga wilayah tersebut. Selain daripada itu, harga turut dipengaruhi oleh kos pengangkutan dan ditolak juga dari harga pembelian dan kos pengangkutan adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga telah melaksanakan beberapa strategi bagi mengukuhkan pembangunan industri sawit dalam menangani kemerosotan harga. Ia termasuklah pelaksanaan program B7 iaitu peningkatan penggunaan minyak sawit dalam negara dengan meningkatkan program Adunan Bio Bahan Api Sawit dari 5% kepada 7% dan pelaksanaan Skim Tanaman Semula 2015 menyediakan dana sebanyak RM100 juta bagi Skim Insentif Tanam Semula 2015 (SITS) bermula Oktober tahun lepas sehingga 31 Disember 2015 dan masih berterusan.

Selain daripada itu, kerajaan akan meneruskan langkah-langkah jangka panjang seperti mempertingkatkan aktiviti promosi minyak sawit dengan memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada, meninjau pasaran-pasaran baru dan juga meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi produk-produk baru untuk tujuan makanan dan juga bukan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akan meneruskan usaha-usaha ke arah meningkatkan daya saing industri sawit dan getah negara dan memastikan pasaran eksport diperluaskan dan akan memperkukuhkan harga getah dan sawit bagi membantu para pengusaha tanaman komoditi ini khususnya di kalangan para pekebun kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ada soalan tambahan kerana saya menerima banyak aduan daripada pekebun kecil khususnya bukan lagi pekebun kecil getah tetapi kelapa sawit. Perbezaan dalam harga, saya bagi contoh di Kudat dan pedalaman, harga sawit hanya dapat kurang lebih RM375 atau RM380. Akan tetapi di pantai timur, harga boleh dapat RM480 sampai RM500. Jadi saya tidak tahu kenapa harga begitu beza yang besar?

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, bolehkah kerajaan tetapkan satu harga di seluruh Sabah? Ini kerana orang yang dapat harga yang rendah ialah orang miskin di Kudat dan Keningau. Jadi saya mahu tanya bolehkah tetapkan satu harga supaya seluruh Sabah, orang miskin pun dapat sama satu harga yang adil? Minta penjelasan.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan tadi terdapat beberapa faktor yang akan memberi kesan kepada harga sama ada getah ataupun sawit terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ia melibatkan kos pengangkutan, jarak, rantaian peniaga, penjual dan sebagainya.

Tentang cadangan untuk menyelaraskan satu harga untuk seluruh Sabah. Boleh dipertimbangkan Yang Berhormat melalui mungkin perbincangan kita sebab di sana kerajaan negeri ada sedikit hak yang melibatkan cukai jualan yang mana mungkin tidak dikenakan di Semenanjung tetapi ada tambahan cukai jualan yang menjadi hak Kerajaan Negeri Sabah dan ini pastinya akan melibatkan *stakeholders* dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk terlibat dalam perbincangan cadangan Yang Berhormat. Insya-Allah kita akan bawa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di Baling ada koko kah?

■1050

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: 80% Tuan Yang di-Pertua, rakyat Baling adalah penoreh getah. Jadi itu amat *significant* untuk Baling, Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pengerusi LGM ada sebelah itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Hari ini kita menyahut baik segala usaha kerajaan bagi membela pekebun kecil dan penoreh getah dengan memperkenalkan Insentif Pengeluaran Getah (IPG).

Oleh sebab itu, saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan ses 14 sen setiap satu kilo yang mungkin akan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah umum sudah kelmarin.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...yang akan menjadi pulangan, itu satu. Keduanya, kita semua sedia maklum, kita semua sedia maklum bahawa

harga getah seperti komoditi lain bergantung kepada ekonomi dunia terutama di negara-negara pengimport utama serta ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran.

Justeru, saya selaku Ahli Parlimen Baling, ingin tahu apakah bentuk kerjasama yang telah dijalinkan oleh Malaysia di persada antarabangsa untuk memperkukuhkan dan menstabilkan harga getah bagi membela rakyat khususnya di negeri Kedah, Baling dan seluruh negara dalam konteks penoreh dan pekebun kecil termasuk Yang Berhormat Parit Sulong. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah umum sudah. Menteri daripada Bera umum sudah kelmarin.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih, Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Baling ini memang pasti ya kita tahu akan menjuarai isu-isu yang berkaitan dengan pekebun kecil getah khasnya, sebab kawasan Baling memang tumpuan pekebun kecil getah, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai IPG menghargai, terima kasih bagi pihak kerajaan atas penghargaan Yang Berhormat dan penangguhan ses ini, bukan mansuhkan, penangguhan kutipan sahaja dan ia sudah dibincangkan dan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Kabinet dan sekarang dalam proses untuk disahkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri, *insya-Allah*. Ramai juga sudah membaca berita ini di surat khabar, *insya-Allah* pelaksanaan dalam masa yang terdekat. Ini masa pekebun kecil dihimpit kesusahan dengan kos sara hidup yang bertambah dan kita cukup prihatin untuk menanggukkan kutipan ses ini sehingga pada suatu harga yang lebih wajar kelak, *insya-Allah*.

Tentang soalan kedua Yang Berhormat Baling tentang apakah bentuk-bentuk kerjasama sebab getah khususnya adalah harganya berkait rapat dengan penawaran dan permintaan di pasaran global. Antara kerjasama di peringkat antarabangsa dengan negara luar yang negara Malaysia terlibat selain daripada perjanjian-perjanjian dua hala dengan negara-negara pembeli adalah juga melalui IPRC ataupun yang saya sebut dalam jawapan induk tadi, *International Tripartite Rubber Council* di mana melibatkan negara Malaysia, Indonesia dan juga Thailand.

Kita merangkumi pengeluaran getas asli dunia lebih 68% bagi ketiga-tiga negara ini dan langkah yang terkini yang kita ambil melalui kerangka IPRC ini, Tuan Yang di-Pertua adalah pelaksanaan AETS ataupun dengan izin *Agreed Export Tonnage Scheme*. Ini adalah kali keempat yang kita laksanakan untuk membantu menstabilkan harga dan mengelakkan kejatuhan harga getah asli secara berterusan.

Kita nampak walaupun baru bulan pertama kita laksanakan untuk kali keempat ini, kita nampak peringkat awalnya ada satu pergerakan harga yang lebih baik dan lebih positif dan kita tunggulah sampai enam bulan ya. *Insya-Allah* daripada Mac sehingga Oktober nanti di mana kita menghadkan eksport getah asli daripada tiga buah negara ini dengan kadar kongsi ataupun *share* masing-masing yang telah dipersetujui dan ditetapkan.

Lain-lain langkah juga Tuan Yang di-Pertua, di bawah kerangka ini adalah dengan meningkatkan penggunaan getah asli di dalam negara masing-masing. Ini bagi mengelakkan

lambakan di pasaran luar jadi *target* kita atau sasaran kita adalah meningkatkan lebih kurang 10%, meningkatkan penggunaan domestik ini termasuklah *rubberized road*, dengan izin ataupun penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya yang kita sudah pun bekerjasama dengan pihak JKR.

Kita juga mengadakan dialog-dialog di peringkat ASEAN seperti negara-negara pengeluar getah lain Kemboja, Laos, Myanmar dan juga Vietnam, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi adalah kerangka NRPC sebelas buah negara pengeluaran getah asli dunia di mana merangkumi pengeluaran sebanyak lebih 90% dan kita sentiasa memantau harga, membincangkan isu-isu global yang mungkin boleh membantu menstabilkan harga khususnya untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang lebih daripada 95%, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, mohon satu lagi soalan. Fasal getah ini saya

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Di Pokok Sena mana ada getah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Di Pokok Sena cuma pokok di situ.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya pokok getah banyak, pokok getah banyak. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak, Tuan Yang di-Pertua. Saya sama dengan Yang Berhormat Baling tadi. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Baling memang selalu dia bercakap cuma hari ini diberi pula soalan tersebut itu oleh Pengerusi LGM, itu lagi baguslah. *[Ketawa]*

Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri daripada Bera tentang penangguhan dan saya ucap terima kasih cadangan saya dalam perbahasan titah baru-baru ini diterima oleh kerajaan tetapi saya hendak katakan bahawa kerajaan harus memilih kerana itu kaedah yang tidak memberikan implikasi kewangan kepada kerajaan maknanya kerajaan tidak perlu *top up* duit iaitu tangguh kutipan.

Ada satu perkara lagi yang saya hendak minta adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji balik potongan proses yang diambil oleh kilang. Sampai RM1 lebih, sampai RM1 lebih, RM1 ke RM2 kalau begitulah. Maknanya bagi saya terlalu tinggi. Jadi seharusnya kerajaan harus berbincang balik dengan pengilang-pengilang ini untuk melihat balik berapa kos sebenarnya. Saya ingat kos proses itu sepatutnya tidak sampai RM1 lebih. Jadi sepatutnya dikurangkan kalau boleh kurang 50, 60 sen dikurangkan, jadi sepatutnya bagi saya itulah akan balik kepada pekebun itu juga dan hasil itu akan dapat diperoleh oleh penoreh. Jadi saya minta kerajaan.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena samalah perjuangan kita untuk rakyat.

Walaupun Yang Berhormat Pokok Sena kata tanggungan ses atas hujah tetapi Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat dari Barisan Nasional juga berhujah atas isu yang sama dan kita prihatin untuk mengambil tindakan ke atas penanggungan kutipan ses tersebut.

Kaedahnya akan kita maklumkan, Tuan Yang di-Pertua sebelum pelaksanaan dalam bulan April kelak, insya-Allah dan pastinya kita akan laksanakan sebaik mungkin untuk rakyat tanpa memberi implikasi yang berat kepada pihak kerajaan. Tentang potongan oleh pengilang Tuan Yang di-Pertua, terhadap kadar diskaun ataupun potongan yang menjejaskan ataupun yang memberi impak kepada penetapan harga getah di ladang.

Sebenarnya kita sudah pun ada mekanisasi iaitu penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga SMR20 dan juga harga yang diterima oleh pihak pekebun kecil. Itu sejak November 2014 dan kita melalui mekanisme ini, kita menggalakkan pekebun-pekebun kecil memasuki sebagai ahli mana-mana koperasi. Oleh sebab koperasi yang membeli, ia akan pastinya mengurangkan lapisan peniaga dan itu pasti akan memberi kurang ataupun mengurangkan kadar potongan.

Untuk di bawah kerangka ini di bawah mekanisme penetapan harga ladang melalui koperasi ini selain daripada kerajaan memberikan wang pinjaman mudah sebanyak RM6.4 juta kita membuka kepada koperasi-koperasi tersebut untuk menjadi modal pusingan bagi menjadi orang tengah kepada pekebun-pekebun kecil ini. Jadi kalau jauh ataupun dua tiga lapis peniaga untuk sampai ke kilang maknanya ia dapat dikurangkan. Jadi kita sangat-sangat galakkan untuk menjadi ahli-ahli mana-mana koperasi, Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 5 - YB. Dato' Sri Hasan bin Malek (Kuala Pilah) tidak hadir]

■1100

6. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah kementerian bersama kementerian lain akan mengeluarkan Sijil Kelayakan Kerja (*Certificate of Competency*) kepada lulusan vokasional (MLVK) dan Kolej Vokasional sebagaimana sijil yang diberi kepada pendawaian elektrik dan dendang (*boiler*) bagi membolehkan mereka memasuki bidang pekerjaan dengan penuh yakin dan dapat bertanding dengan pekerja asing.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mengeluarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3. Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.

Setakat ini belum di dalam pengeluaran Sijil Kelayakan Kerja. Sistem persijilan Kemahiran Malaysia dilaksanakan berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dibangunkan secara kerjasama industri, pelatih yang memenuhi NOSS berpeluang dipersijilkan dengan sijil BSKN, DKM atau DLKM merangkumi tahap berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1964 hingga tahun 2015 seramai 652,000 orang pekerja berkemahiran telah dilatih melalui 32 institut latihan di bawah Kementerian Sumber

Manusia secara sepenuh masa dan juga separuh masa. Para pelajar yang terlatih dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 hingga Tahap 5. Bagi bidang-bidang seperti kimpalan, elektrik, ICT dan lain-lain bidang pekerjaan yang mempunyai sijil profesional pelajar-pelajar diberi nilai tambah dengan kurikulum latihan dengan sijil kekompetenan dan dari Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam bidang elektrik, *welding qualification test* (TWI) bagi bidang kimpalan, Sisco dan Microsoft dalam bidang ICT, teknologi, penyelenggaraan kapal terbang dari DCA, teknologi penyejuk, pembekuan dan penyaman udara dari Israel dan lain-lain. Selepas tamat pelatihan di institut dan lulus dalam peperiksaan persijilan tersebut.

Jabatan Tenaga Manusia Tuan Yang di-Pertua juga menjalankan kajian kebebasan atau *tracers study* bagi ILJTM iaitu Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Hasil kajian mendapati bahawa 90% *graduate* mendapat pekerjaan dan menyambung pelajaran setelah tamat latihan dalam bidang yang mereka dilatih dan hanya 20% sahaja pekerja di luar latihan. Bagi memantapkan latihan kemahiran yang ditawarkan, latihan industri diwajibkan kepada semua pelajar sebelum menamatkan latihan. Latihan industri dijalankan selama tiga bulan bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana pekerjaan sebenarnya dan teknologi terkini yang terdapat di industri.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Sumber Manusia yang telah berjaya memberi sijil kelayakan dalam pelbagai bidang teknikal. Hasrat saya sebenarnya untuk memastikan bahawa pekerja mahir tempatan ini mempunyai sijil kemahiran kerana tidak mahu dalam industri mereka bertanding ataupun peluang itu diberi kepada pekerja asing sedangkan rakyat kita mempunyai kemahiran yang banyak dalam pelbagai bidang seperti yang disebutkan tadi elektrik, kimpalan, *boiler* dan sebagainya.

Sebab itulah saya mencadangkan bahawa perlu ada satu sijil kompetensi macam umpamanya katalah dia lulus MBBS, dia ada lagi sijil royal seperti *something*, jadi saya mengharapkan kementerian menubuhkan satu *board*, satu lembaga dan menilai pelajar-pelajar lepasan vokasional ini untuk diberi sijil khas dan kementerian juga perlu memaklumkan kepada industri-industri bahawa inilah tenaga mahir yang kita keluarkan untuk membantu industri. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat sememangnya adalah dalam perancangan Kementerian Sumber Manusia. Dalam mana pelajar-pelajar yang telah pun mendapat sijil kemahiran keluaran ILJTM iaitu institusi-institusi termasuk ADTEC di bawah Jabatan Tenaga Manusia. Kita memerlukan agar mereka melanjutkan pelajaran dengan mengambil latihan-latihan yang memberikan mereka kompetensi yang lebih dan sudah tentunya dengan kompetensi yang lebih ini mereka satu akan dapat kebolehpasaran yang lebih dan keduanya sudah tentu akan mendapat gaji yang lebih lumayan. Sekian, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dalam pelan induk Rancangan

Malaysia Kesebelas, antara fokusnya adalah supaya mewujudkan lebih ramai lagi graduan yang berkualiti dalam bidang vokasional yang mampu berdaya saing dalam peringkat global. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, sehubungan dengan itu apakah langkah-langkah penambahbaikan yang dibuat oleh pihak kementerian, yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam usaha untuk memperkasakan TVET bagi merancakkan lagi industri vokasional dalam pasaran buruh. Adakah kementerian juga ada membuat kajian mengenai nisbah pengangguran hasil daripada pendidikan vokasional kalau dibandingkan dengan akademik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Seperti yang tertera di Rancangan Malaysia Kesebelas, di Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu rancangan yang bermula pada tahun ini dan akan berakhir pada tahun 2016, kalau sekarang peratusan tenaga mahir yang berada di negara kita hanyalah ada yang menyatakan 26% ada yang menyatakan 28%, *skill work force* atau pekerja yang berkemahiran di negara ini 28%.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas adalah menjadi ke sasaran kerajaan untuk memastikan agar peratusan pekerja mahir di negara kita itu dinaikkan ke 35% berbanding dengan negara Singapura sekarang yang mempunyai tenaga mahirnya 50% dan jauh sekali kalau dibandingkan dengan negara Germany dalam mana peratusan pekerja yang mahirnya adalah 82%. So, usaha sedang dibuat tentang itu. Terima kasih.

7. Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai perancangan dalam menggunakan teknologi terkini bagi menjalankan pengawasan dan pemantauan aktiviti pembalakan haram dan pencerobohan hutan di negara kita dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Tuan Yang di-Pertua, hutan merupakan khazanah yang penting dan mempunyai nilai tinggi dalam negara kita. Ia berfungsi bukan sahaja sebagai sumber komoditi kayu-kayan tetapi juga sebagai kestabilan ekologi.

■1110

Pengurusan hutan turut menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sosioekonomi negara. Melalui pengurusan hutan, kerajaan bukan saja komited dalam protokol antarabangsa malahan turut memenuhi kepada keperluan indeks syariah yang diperkenalkan oleh kerajaan baru-baru ini.

Bagi memenuhi tuntutan tersebut seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Kanowit, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di bawah kementerian ini telah pun menerima pakai sebenarnya, telah pun ada penggunaan teknologi terkini untuk kerja-kerja pemantauan, penguasaan hutan dan pengemaskinian maklumat-maklumat hutan yang berkaitan.

Penggunaan teknologi terkini untuk pemantauan perubahan litupan hutan secara masa nyata ataupun *real time* telah memberi impak besar ke atas aktiviti penguatkuasaan yang

dijalankan iaitu menjurus kepada mengesan, mengenal pasti perubahan landskap kawasan hutan dengan cepat dan tepat dan sekali gus dapat meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan ke atas kegiatan pencerobohan hutan, pembalakan tanpa lesen dan lain-lain kesalahan. Teknologi yang sama dapat membantu dalam mengenal pasti kawasan berisiko tinggi berlakunya aktiviti pembalakan haram dan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di kawasan tersebut.

Butiran teknologi yang diaplikasi itu Yang Berhormat boleh tanya dalam soalan tambahan sekiranya diperlukan. Sekian, terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, pengurusan hutan ini memang amat penting untuk negara kita. Tapi soalan saya tertumpu kepada pembalakan haram. Kita melihat di negara kita, pembalakan haram ini kalau tidak ditangani dengan jayanya akan mengakibatkan banyak kerugian kepada negara. Saya tahu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia tertumpu kepada pengurusan hutan di Semenanjung saja dan tidak melibatkan hutan-hutan di Sarawak.

Tapi soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pengurusan hutan ini memang bermula daripada sistem GIS yang memang sudah ternyata ada di semua jabatan hutan di Malaysia. Tapi kalau kita tidak mempunyai teknologi yang baru— jadi untuk membanteras pembalakan haram ini, teknologi yang paling moden adalah menggunakan satelit. Satelit ini adalah untuk mengambil gambar atau imej untuk di Malaysia ini. Kita mempunyai *spot* dari *French* yang dapat memberi gambar dalam setiap 21 hari. Selepas itu kalau memang kita sudah menyaksikan ada pembalakan haram, kita memang pergi ke kawasan yang ditentukan dengan teknologi yang lebih canggih lagi, menggunakan dron ataupun *unmanned aviation vehicle* yang boleh pergi dengan sendiri ke kawasan-kawasan tersebut dan lepas itu kita boleh menghantar pasukan-pasukan Jabatan Perhutanan untuk menangkap dan untuk *cease*.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah teknologi ataupun langkah-langkah ini telah diambil oleh kerajaan untuk kita lebih berkesan lagi menangani masalah *illegal logging* ataupun pembalakan haram di negara kita ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kanowit.

Seperti yang saya sebutkan tadi, penggunaan teknologi terkini sedang dilaksanakan. Benar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kanowit tadi, penggunaan GIS, penggunaan UAV, dron dan sebagainya yang bertujuan untuk, di antaranya yang paling penting, mengawal pembalakan haram, pencerobohan hutan dan sebagainya.

Dan terkini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat Kanowit ialah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sendiri, dan kita berkongsi dengan Sabah dan Sarawak, telah pun ada satu inovasi kita sendiri, maknanya ciptaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang dipanggil aplikasi sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing +5*, dengan izin.

Inovasi ini menggabungkan komponen-komponen seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kanowit tadi, komponen GIS, komponen sensor *hyperspectral* termasuklah dron, UAV, pasukan rondaan JPSM secara konvensional, operasi bersepadu penguatkuasaan dalam usaha untuk mengumpulkan dan menyatupadukan maklumat dan sekali gus dapat membanteras pembalakan haram, seperti yang disebut tadi, dengan lebih cepat. Kita mengakui ada beberapa kekurangan. Misalnya, kita berkongsi imej dengan Agensi Remote Sensing Malaysia kerana imej tersebut tidak berapa terang, kerap dilindungi oleh awan. Maka dengan sebab itulah perlunya penggunaan sensor *hyperspectral* yang lebih canggih.

Saya hendak maklumkan iaitu satu berita baik, di Sarawak sendiri dalam Rancangan Malaysia Kesebelas sedang membangunkan Sistem Cerapan *Hyperspectral* secara *turnkey* di mana sistem ini mempunyai julat operasi sebanyak 10 kali ganda, boleh mengesan pada jarak 2,000 kilometer daripada paras bumi. Ini di antara yang terancang.

Inilah antara perkara-perkara yang saya hendak sebutkan di sini selain daripada JPSM sendiri telah pun memperuntukkan RM140,000 bagi tujuan perolehan atau penyewaan perkhidmatan kemudahan alat-alat canggih seperti yang disebutkan tadi, UAV, GIS, FMRS dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya sebenarnya berkaitan dengan berita yang mengatakan bahawa ada penglibatan warga asing dalam mencuri kayu-kayan yang berharga dari hutan kita dan juga mengenai Jabatan Perhutanan terpaksa menambah senjata kerana untuk mengekang pencerobohan ini.

Soalan saya ialah sejauh mana penglibatan pendatang asing yang telah dibawa masuk dengan kegiatan pembalakan haram ini dan pencerobohan hutan? Seterusnya, apakah langkah keselamatan untuk melindungi pegawai penguatkuasaan yang diugut dan diancam oleh penceroboh hutan ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Benar, perkara tersebut berlaku tapi banyak kalau yang melibatkan pendatang asing menceroboh hutan, ia lebih tertumpu kepada kegiatan mencuri gaharu ataupun kayu karas dan termasuklah haiwan liar, bukannya pembalakan haram. Pembalakan haram saya tidak berapa pasti. Mungkin yang dimaksudkan adalah lebih kepada kayu karas ataupun gaharu.

Pertanyaan daripada Yang Berhormat Kota Raja tadi, dalam usaha untuk membanteras, kita perlukan pegawai penguat kuasa yang dibekalkan dengan senjata yang terkini atau sebagainya. Ada cadangan daripada kementerian sebenarnya. Ini di antara beberapa cadangan yang kita akan kemukakan termasuk bukan saja dari segi senjata malahan juga dari segi penambahan bilangan penguatkuasaan serta sistem yang terbaik untuk mengawal pembalakan haram, mengawal pemburu haram dan sebagainya terutamanya dalam kawasan hutan. Pada masa yang sama, kita juga mendapat kerjasama daripada pihak polis dan badan-badan penguat kuasa lain seperti tentera marin dan imigresen.

Ada maklumat tambahan di sini iaitu penggunaan senjata api oleh pegawai-pegawai perhutanan negeri. Maknanya ada, ada senjata walaupun sekurang-kurangnya senjata api

disediakan. Ini saya hendak betulkan jawapan saya di peringkat awal tadi iaitu sebenarnya penggunaan senjata api ada oleh pegawai-pegawai perhutanan di peringkat negeri. Sekian, terima kasih.

8. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta Perdana Menteri menyatakan atas dasar apa tambang pengangkutan awam seperti ERL, KTM, LRT dinaikkan secara drastik.

Menteri Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy bin Shukri]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meneliti dan mempertimbangkan pelbagai faktor dalam menentukan kadar tambang pengangkutan awam yang berpatutan, adil dan berdaya saing bagi memastikan pengguna mampu menggunakannya dan pada masa yang sama membolehkan pihak operator terus mampan untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang berkesan.

■1120

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem rel transit di Lembah Klang terdiri daripada sistem LRT yang mempunyai dua laluan iaitu laluan Ampang dan laluan Kelana Jaya, sistem Monorail dan sistem KTM Komuter. Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, struktur kadar tambang bagi keempat-empat perkhidmatan rel bandar berkenaan adalah berbeza sama sekali. Sebagai contoh, tambang perkhidmatan LRT bagi laluan Kelana Jaya adalah berdasarkan perjanjian konsesi manakala tambang perkhidmatan LRT bagi laluan Ampang dan Monorail KL adalah berdasarkan perjanjian francais. Sementara itu perkhidmatan KTM Komuter pula adalah berdasarkan *Memorandum of Fare Structure*, dengan izin.

Semakan semula kadar tambang rel bandar pada tahun lalu turut dapat mengatasi beberapa kelemahan kepada beberapa struktur tambang sebelum ini iaitu seperti berikut:

- (i) mewujudkan rangka kerja ataupun dengan izin *framework* yang lebih konsisten bagi mewujudkan sistem tambang bersepadu di antara sistem yang dikendalikan oleh operator yang berbeza;
- (ii) mengurangkan anomali dalam struktur kadar tambang sedia ada. Saya bagi contoh di sini maksudnya kadar tambang sebelum ini tidak konsisten di mana tambang bagi sesetengah *origin* ke destinasi iaitu asalnya ke destinasi berbeza walaupun jarak perjalanan adalah sama. Sebagai contoh, tambang sebelum ini bagi perjalanan LRT sehala dari Stesen Bangsar ke KL Sentral iaitu 1.1 kilometer adalah RM1 manakala tambang dari Ampang ke Cheras juga adalah RM1 walaupun jarak perjalanannya melebihi tujuh kilometer;
- (iii) memastikan hasil tambang mampu menampung kenaikan kos operasi; dan
- (iv) memperkenalkan perbezaan tambang di antara bayaran tunai dan *cashless* melalui penggunaan kad prabayar.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, tambang perkhidmatan bagi LRT laluan Ampang, LRT laluan Kelana Jaya dan Monorail KL tersebut tidak pernah disemak sejak masing-masing mula

beroperasi pada tahun 1996, 1998 dan 2003 manakala *Memorandum of Fare Structure* bagi perkhidmatan KTM Komuter pula ditetapkan pada tahun 2003. Ini bermakna kadar tambang sebelum ini tidak disemak antara 12 hingga 19 tahun. Oleh yang demikian, kadar tambang baru diperlukan dalam memastikan perkhidmatan dapat terus ditawarkan oleh pihak operator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, struktur kadar tambang perkhidmatan rel bandar yang diperkenal sejak akhir tahun lalu adalah jumlah dua komponen iaitu komponen tambang asas atau *flat four* sebanyak 90 sen dan komponen tambang berdasarkan jarak perjalanan per kilometer. Kadar tambang bagi komponen jarak per kilometer bagi setiap sistem adalah berlainan kerana setiap perkhidmatan rel mempunyai ciri-ciri dan kos operasi yang tersendiri. Kadar yang lebih rendah juga digunakan untuk jejari jarak yang lebih panjang.

Dalam pada masa yang sama, pelbagai insentif boleh dinikmati oleh pengguna harian ataupun *daily commuters* dengan izin atau pengguna kerap yang kita gunakan perkataan *frequent users* dengan izin, seperti diskaun pas mingguan dan pas bulanan. Diskaun sebanyak 50% turut dinikmati oleh kanak-kanak berumur dua hingga enam tahun, golongan pelajar, warga emas dan OKU manakala kanak-kanak di bawah umur dua tahun boleh menggunakan perkhidmatan rel bandar ini secara percuma.

Sementara itu kadar tambang bagi perkhidmatan ERL adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani pada tahun 1997 di antara operator ERL iaitu Express Rail Link Sdn. Bhd. dengan kerajaan. Kadar tambang siling berfasa bagi ERL telah pun ditetapkan dalam perjanjian tersebut. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah saya sudah dengar penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai *fare structure*, polisi dan sebagainya. Akan tetapi pada hakikatnya, pada keseluruhannya, kadar kenaikan tambang pengangkutan adalah sebanyak 58% dan ini menjejaskan warga kota terutamanya yang tinggal di Lembah Klang yang di kalangan warga kota penuntut universiti dan juga orang-orang yang berpendapatan rendah. Kalau kita lihat dalam kajian perbelanjaan isi rumah, sebanyak 14% daripada pendapatan digunakan untuk kos pengangkutan. Bagaimana rakyat hendak mengatasi kos pengangkutan yang naik sebanyak 58% ini dengan keadaan gaji tidak naik, GST, harga minyak naik dan ringgit juga sudah turun.

Saya juga dengar tadi Yang Berhormat Menteri menceritakan tentang ada kadar dan sebagainya yang tidak mengikut *distance*, kasi purata dan sebagainya tetapi pada hakikatnya kalau kita lihat perjalanan daripada UKM ke KL Sentral menaiki komuter, naik sebanyak RM3, sebanyak RM3. Ini bermakna seseorang itu harus menambahkan kos perbelanjaan pengangkutan mereka hampir RM120 sebulan daripada yang biasa RM30. Pengguna LRT ada juga yang mengeluh. Tadi sebut tentang Ampang. Kita juga nampak ada peningkatan tambang. Daripada LRT Taman Bahagia ke Ampang, daripada RM5.80 dua hala sekarang sampai RM12 *that means* hampir 100%. Ini amat menjejaskan kemampuan rakyat dan Laporan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2014 menyasarkan 500,000 pengguna semua pengangkutan.

Jadi kalau ini terjadi, bermakna kalau bandingkan dengan 2014, kita hanya ada 4% sahaja peningkatan dan kalau mengikut perkhidmatan rel, ada peningkatan sebanyak 23% yang mana pada 2014, kita ada 507,000 pengguna dan sekarang ada 685,000 pengguna rel. Jadi kalau peningkatan mengikut statistik ini menunjukkan aliran penumpang yang bertambah dari tahun ke tahun untuk waktu puncak (*peak hours*) sahaja dari jam 6.00 sampai 10.00, jika diambil keseluruhan, diambil kira sebelum tempoh operasi, pertambahan penumpang ini sudah tentu mungkin dapat menampung kos penyelenggaraan operasi pengangkutan ini.

Jadi harus diberikan pertimbangan sama ada perkara-perkara ini diambil kira dalam menentukan kos tambang pengangkutan dan tidak hanya bergantung kepada polisi dan *price structure*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Lenggong, di Lenggong tidak ada LRT.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tadi. Saya hendak nyatakan di sini, tadi Yang Berhormat tanya melibatkan kos kehidupan juga yang mana telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ini adalah satu perkara sampingan tetapi berkaitan dengan kereta api ini yang melibatkan penumpang. Ingin saya nyatakan dari segi impaknya kepada penumpang, impak kadar tambang baru ini kepada penumpang bergantung kepada beberapa faktor iaitu:

- (i) misalnya dari segi kekerapan perjalanan;
- (ii) sama ada mereka adalah penumpang harian. Tadi kita menyebut dari segi *daily commuters* dengan izin; dan
- (iii) asal tuju dan jarak perjalanan dan sistem rel yang digunakan dan sebagainya.

Impaknya adalah lebih rendah bagi penumpang yang membuat pembayaran melalui pas diskaun bulanan atau mingguan iaitu golongan penumpang harian biasa. Impak yang paling tinggi adalah golongan yang bukan penumpang harian dan tidak melakukan pembayaran secara *cashless* tetapi membayar secara tunai.

Tadi Yang Berhormat juga menyentuh mengenai sasaran kita 500,000. Memang betul yang menggunakan kereta api ini lebih daripada itu. Kalau dilihat dari segi bilangan penumpang harian telah meningkat dari 506,339 pada tahun 2012 kepada 593,156 jumlah penumpang pada tahun 2014. Ini contohnya. Sebenarnya banyak lagi yang boleh saya nyatakan di sini. Cuma hendak dikatakan di sini, kalau penambahan penumpang itu menentukan keuntungan syarikat-syarikat yang menjalankannya, itu tidak betul. Ini kerana untuk mengoperasikan sebuah syarikat yang berkaitan dengan pengangkutan terutama sekali memberi perkhidmatan kepada masyarakat secara umum, kosnya begitu tinggi sekali.

■1130

Jadi apa pun yang dilakukan mereka, kalau adapun daripada segi keuntungan itu sedikit sekali kerana kos operasinya sahaja begitu banyak dan perlu ada digantikan peralatan dan juga mengambil kira pekerja juga. Jadi, hendak dikatakan dengan adanya penambahan daripada segi penumpang boleh menampung kos operasi itu, masih tidak tepat Yang Berhormat. Ini kerana apa

yang dilakukan oleh kerajaan adalah obligasi secara sosial untuk membantu memberi perkhidmatan itu kepada pengguna. Ini adalah perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan dan kerajaan masih lagi perlu *to subsidize* dengan izin, kos-kos ini untuk membantu masyarakat menggunakan tren ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA(PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.32 pg

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Akta 4 pada amnya memberi perlindungan kepada semua pekerja yang bergaji RM3,000 sebulan dan ke bawah. Objektif utama akta ini adalah untuk memberi perlindungan dan jaminan keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja di negara ini. Akta ini berkuat-kuasa di seluruh Malaysia.

Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1971, akta ini telah melalui proses pindaan sebanyak sembilan kali selaras dengan perubahan dan keperluan semasa, di mana pindaan kali terakhir telah dikuatkuasakan pada tahun 2012. Akta ini dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa supaya ia relevan dan sesuai dengan perkembangan sosioekonomi penjarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta meningkatkan lagi kualiti perlindungan dan penyampaian perkhidmatan PERKESO kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 ini telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk bacaan kali yang pertama pada 30 November tahun yang lalu. Objektif utama cadangan pindaan kepada Akta 4 pada kali ini adalah untuk meluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja, memberi kuasa kepada PERKESO untuk mentadbir rancangan keselamatan sosial baru dan meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan kepada penjarum PERKESO.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga pindaan-pindaan yang dibuat untuk melicinkan lagi urusan tadbir akta ini. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi

12 fasal yang melibatkan lapan seksyen sama ada dipinda atau ditambah peruntukan baru dan pindaan kepada tiga jadual seperti berikut.

Seksyen 5 dipinda dengan menjelaskan bahawa semua pekerja hendaklah diinsuranskan di bawah Akta 4 tanpa mengira amaun gaji. Ia bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua pekerja hendaklah diinsuranskan tanpa mengira amaun gaji, tetapi mengehadkan syiling caruman dan faedah kepada RM4,000 jika gaji orang berinsurans tersebut melepasi syiling tersebut. Setakat ini, syilingnya adalah RM5,000.

Risiko kemalangan di tempat kerja dan kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja adalah terdedah kepada semua golongan pekerja tanpa mengira gaji yang diterima. Menyelit sedikit Tuan Yang di-Pertua, tiga hari yang lepas satu kejadian kemalangan berlaku dalam mana sebuah van pekerja telah bertembung dengan sebuah lori.

Dalam *accident* itu, tujuh orang telah terkorban dan tiga daripada mereka itu adalah orang Sarawak dan seorang daripadanya adalah orang Serian. Saya sendiri telah pergi ke rumah si mangsa semalam iaitu untuk menyambut pekerja yang terkorban dalam kemalangan itu. Risiko kemalangan di tempat kerja dan kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja adalah terdedah, saya telah sebut sebentar tadi, kepada semua golongan pekerja tanpa mengira gaji yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, statistik kemalangan di tempat kerja pada tahun 2014 merekodkan sebanyak 63,331 kes dan melibatkan 933 kes kemalangan maut. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 62,863 kes direkodkan dengan 1,000 kes melibatkan kemalangan maut. Tuan Yang di-Pertua, selain itu, kes-kes kemalangan jalan raya yang berlaku ketika perjalanan ke tempat kerja atau sebaliknya juga menunjukkan trend yang semakin membimbangkan. Berikutan itu, adalah wajar aspek perlindungan keselamatan sosial ini diperluaskan kepada segenap lapisan masyarakat pekerja di negara ini.

Cadangan ini merupakan manifestasi keprihatinan kerajaan ke atas kebajikan golongan pekerja di negara ini. Cadangan ini dijangka akan memberi manfaat langsung dalam bentuk nilai faedah perlindungan PERKESO kepada tambahan kira-kira setengah juta orang pekerja dan meningkatkan liputan perlindungan PERKESO daripada 6 juta kepada 6.5 juta pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 58 dipinda dengan mewujudkan peruntukan baru bagi memberi kuasa kepada PERKESO untuk mendaftar skim dan jaringan keselamatan sosial yang baru. Cadangan pindaan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan agar PERKESO meluaskan liputan perlindungan skim keselamatan sosial kepada golongan yang bekerja sendiri atau *self employ* dan melaksanakan apa-apa skim perlindungan bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan.

■1140

Seksyen 71 dipinda dengan memasukkan subseksyen 71(iiia) yang baru yang membenarkan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial KWKS dibelanjakan untuk menubuh atau mengambil alih syarikat selaras dengan cadangan pertukaran baru seksyen 74A.

Seksyen 72A dipinda bertujuan untuk membenarkan PERKESO memberi kemudahan pembiayaan lain kepada pegawai dan pekhidmat PERKESO. Pada masa ini, PERKESO hanya boleh memberikan pinjaman sahaja. Cadangan PERKESO ini akan membolehkan pegawai dan pekhidmat PERKESO memohon pembiayaan daripada PERKESO bagi pembelian rumah, kenderaan atau komputer mengikut skim pembiayaan yang patuh syariah.

Lima, peruntukan baru seksyen 74A adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada PERKESO dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan bagi menubuhkan syarikat atau mengambil alih syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan, mentadbir, mengendalikan dan menguruskan apa-apa projek, usaha sama, program penswastaan, skim perusahaan atau apa-apa lain perkara yang telah dirancang atau diusahakan oleh PERKESO.

PERKESO telah pun menubuhkan pusat rehabilitasi di Melaka yang telah pun beroperasi mulai 1 Oktober 2014 untuk membolehkan orang berinsurans bagi membolehkan mereka kembali bekerja atau *return to work*. Buat masa ini, PERKESO mentadbir pusat ini secara pentadbiran dan kakitangan pusat tersebut dilantik secara kontrak. Dengan adanya peruntukan baru ini Tuan Yang di-Pertua pusat tersebut boleh diuruskan dengan lebih efektif sebagai sebuah syarikat dan pelantikan kakitangannya secara tetap boleh dilaksanakan.

Saya terus pergi ke seksyen 75A(2). Seksyen 75A(2) dipinda dengan memotong perenggan (e) untuk meniadakan wakil Bank Negara (BNM) daripada menganggotai panel pelaburan PERKESO. Bank Negara Malaysia sebagai badan *regulatory* atau *regulatory body* kurang sesuai terlibat sebagai pemutus, sebagai pembuat keputusan bagi agensi kerajaan yang lain kerana boleh menimbulkan isu konflik kepentingan dalam pelaksanaan dasar Bank Negara Malaysia jika PERKESO berurusan dengan pihak yang melibatkan bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

Berikutan itu Tuan Yang di-Pertua, seksyen 75A(2) perenggan (f) dipinda untuk memberi kuasa kepada menteri untuk menambah pelantikan ahli panel pelaburan PERKESO daripada dua orang kepada tiga orang.

Seksyen 95A dipinda bagi menghendaki ketua pengarah atau mana-mana pegawai untuk mendapatkan keizinan bertulis pendakwa raya sebelum mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 4 atau mana-mana pandangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 4. Pindaan ini mewujudkan *check and balance* ke atas tindakan penguatkuasaan dan pengeluaran kompaun oleh PERKESO.

Seksyen 105 dipinda bagi memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang memperuntukkan kriteria bagi mengkompaun apa-apa kesalahan-kesalahan di bawah Akta 4 atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya. Jadual pertama Akta 4, dipinda bagi membolehkan semua pekerja tanpa mengira gaji diinsuranskan. Ini adalah pindaan susulan yang selaras dengan pindaan seksyen 5 untuk memperluaskan liputan perlindungan PERKESO kepada semua pekerja.

Perenggan 224 dalam jadual ketiga dipinda dengan memperuntukkan kadar caruman berkenaan dengan pekerja susulan daripada seksyen 5 dan Jadual Pertama. Jadual Keempat dipinda bagi memperuntukkan gaji bulanan, anggapan yang bersamaan dengan kadar caruman.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat akan kebajikan para pekerja. Kerajaan berharap dengan pindaan dan cadangan baru yang dibuat menerusi rang undang-undang ini akan dapat menambah baik perlindungan keselamatan sosial pekerja di samping memberi perkhidmatan yang lebih efisien bagi membela nasib orang berinsurans atau OB. Khususnya untuk memerlukan pemulihan akibat bencana kerja supaya dapat bekerja semula.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk disesuaikan dengan perkembangan sosioekonomi negara di samping meningkatkan kualiti penyampaian dan perkhidmatan PERKESO kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada ahli yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sila juara buruh. Dahsyat, dahsyat, memang dahsyat.

11.47 pg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman memberi ruang kepada saya untuk menyertai perbahasan dalam meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Saya merenung sebegitu lama daripada ia dihantar kepada semua Ahli-ahli Dewan namun saya melihat daripada segi pembangunan untuk melebar luaskan akta ini tidak kenampakan. Beberapa seksyen yang perlu dipinda secara segera.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Selamat datang kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menggantikan Tuan Yang di-Pertua mendengar perbahasan saya yang serius ini. Seksyen-seksyen yang terlihat diperlukan dalam penambahbaikan seperti seksyen 24, seksyen 106– laluan utama, tempoh yang dikenakan, proses untuk mendapatkan kelayakan dalam menuntut hak bilamana berlakunya musibah atau kemalangan yang membolehkan kelayakan itu dipanggil–tidak kelihatan.

Namun, saya ingin buat rayuan secara total kepada kementerian mengambil perkara keseluruhan antara yang terlibat secara langsung untuk dilihat bagaimana kita hendak memperkukuh dan memastikan caruman yang di carum oleh pencarum-pencarum ini

mendapatkan kelayakan yang lebih selesa dalam birokrasi yang amat ketat dan memberikan kesan yang keterlaluan payahnya mereka untuk menuntut hak mereka.

Oleh sebab itu, saya tidak terperanjat rata-rata pekerja ini tidak tahu hak mereka dan terlepas pandang. Oleh sebab itu, dalam kerangka untuk kita menjamin hak itu dijaga dengan begitu baik maka perlulah ada beberapa seksyen membolehkan ia dilindungi atau dirujuk untuk memberi lorongan atau pun peluang kepada mereka untuk menuntut hak mereka. Itu jelas. Kedua, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dahsyat tidak pakai lagi Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Pakai sekejap lagi. *[Ketawa]*

■1150

Saya melihat daripada bila pindaan di bawah Seksyen 72A itu diperakukan seolah-olah dilihat bahawa kebolehan untuk dilebar luaskan berkenaan dengan pinjaman ini memberikan kesan yang agak merunsingkan. Di luar sana di alam maya mereka mengatakan bahawa PERKESO terlibat dengan pemberian pinjaman yang berlaku dalam 1MDB sebagai contoh yang diperkatakan di sana. Ini tidak boleh diberikan ruang untuk pinjaman dibuat secara berleluasa hinggalah menyebabkan pencarum esok menjadi kesukaran untuk mendapatkan hak mereka sebab tabungan tidak ada duit. Boleh berlaku begitu, sebab saya kluatir perkara sebegini amat diperlu pentingkan dilihat sebagai sudut menjaga kepentingan pencarum-pencarum yang membolehkan mereka menuntut hak mereka sebagai berbentuk dalam keputusan kelayakan.

Jadi saya ingin mendapat lebih penjelasan, pinjaman yang bagaimana yang dibolehkan supaya tidak menjadi kerunsingan kepada pencarum-pencarum yang bukan menunggu tetapi dikluatiri bahawa mereka akan mendapat musibah, kemalangan dan hak mereka itu tidak dapat dituntut kerana wangnya sudah tiada. Jadi kita tidak mahu perkara itu berlaku maka pinjaman ini saya hendak diperincikan bentuk mana yang ia dikatakan pinjaman ini. Saya cukup kluatir Tuan Yang di-Pertua, cukup takut dan perkara ini kemungkinan akan terheret kalau masalah negara menjadi unjukan untuk diselamatkan. Ini tidak boleh diambil daripada wang pencarum-pencarum yang menunggu ataupun kemungkinan musibah itu dijelmakan dalam penghidupan mereka.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Boleh, Tuan Yang di-Pertua, boleh silakan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Setuju atau tidak, oleh kerana Yang Berhormat Kuala Langat ini merupakan yang saya panggil dia ulama pekerja ini yang alim dalam bidang hal-hal ehwal pekerja. Setuju atau tidak, Yang Berhormat Kuala Langat di antara apabila disebut

tentang di antara benda yang kita hendak bincang pada hari ini adalah soal pembiayaan. Perkataan pembiayaan itu sudah menjadi satu trauma kepada rakyat Malaysia.

Apabila sebut tentang pembiayaan ini kita membayangkan macam-macam kerana banyak institusi-institusi yang terdapat di negara kita ini seperti mana KWSP, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Tabung Haji, Petronas, dan sekarang ini pula PERKESO yang kita bimbang takut ianya boleh dijadikan juga sebagai tempat untuk hendak menampung pinjaman-pinjaman seperti contohnya ialah kes 1MDB. Jadi bersetuju atau tidak daripada Yang Berhormat Kuala Langat apabila sebut tentang pembiayaan ini kita menjadi satu kebimbangan dan kerunsingan di kalangan kita. Ini sebab kita harapkan perkara ini menjadi di *stick* kan, ditetapkan iaitu pembiayaan ini hanyalah dikhususkan kepada untuk kebajikan pekerja-pekerja sahaja. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Langat ?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya cukup bersetuju dengan kerunsingan dan kekhuatiran yang ada pada Yang Berhormat Bukit Gantang. Ini ulama Feqah dekat dia. Jadi saya setuju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sama-sama ulama Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua juga ulama mentadbir [*Ketawa*]. Saya masukkan dalam sebahagian ucapan saya. Saya melihat daripada keempat perkara penambahbaikan kelulusan kelayakan. Apabila kita tidak dapat menuntut di peringkat mahkamah SOCSO Tuan Yang di-Pertua, dia akan boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Saya melihat daripada, sebab saya pun panel buat keputusan juga pada waktu itu dan pernah pengalaman begitu, saya melihat bahawa keperluan mahkamah ini juga perlu diambil berat. Sekiranya kalau tuntutan itu gagal, rayuan seterusnya tidak payahlah pergi ke Mahkamah Tinggi. Dia perlu ada lagi satu tingkatan untuk rujukan mahkamah yang boleh mendengar dan melihat daripada bukti-bukti dokumen rujukan yang khilaf daripada peringkat mahkamah SOCSO itu sendiri. Bila dia terkhilaf jadi kita boleh tanpa dibebankan dengan kos yang tinggi mahkamah ini boleh mengoverrule atau mengambil keputusan dirujuk balik dengan fakta-fakta dan dokumen yang baru.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, bila kita gagal di mahkamah SOCSO, kita akan pergi ke Mahkamah Tinggi. Ini mengambil kos yang terlalu mahal, sedangkan kita tahu pekerja rata-rata bila mana dipinda Akta SOCSO ini melibatkan pendapatan yang dulu tahun 2009, ke RM 3,000 ke RM 3,000, sekarang ini RM 4,000 ke bawah menunjukkan bahawa pekerja dalam negara ini adalah kumpulan sederhana dan miskin tegar. Kalau tuntutan tidak dapat dilaksanakan maka hendak pergi ke Mahkamah Tinggi satu beban baru dan mereka terpaksa menggantungkan hasrat tuntutan mereka.

Jadi saya hendak cadangkan kepada kementerian juga memikirkan sebegitu untuk memastikan bahawa mereka juga yang sepatutnya yang terkhilaf itu dapat diberikan juga tuntutan untuk didengar kali yang kedua dalam proses menegakkan keadilan. Ini adalah perkara

yang saya ingat munasabah yang perlu difikirkan oleh kementerian untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan.

Kelima, data pekerja yang dimaklumkan oleh SOCSO. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini 1.5 juta pekerja yang telah dikutip daripada caruman mereka itu mempunyai pendapatan bawah RM900 gaji minimum. Ini data yang dibuat ataupun *statement* yang dibuat oleh PERKESO. Jadi amat mengejutkan seluruh negara, sebegitu dua tahun proses itu dilaksanakan. Hari ini PERKESO mengumumkan bahawa 1.5 juta mereka yang dibayar caruman SOCSO itu ialah pendapatan RM900 ke bawah. Dua tahun menyepi diri membisu bahasa hari ini kita dikejutkan dengan ada lagi mereka yang tidak dibayar mengikut Akta Gaji Minimum yang ada dalam proses data PERKESO dan dua tahun berlalu kita telah pun diumumkan. Ini adalah satu perkara Tuan Yang di-Pertua yang memalukan dan amat-amat menjijikkan.

Saya anggap ianya sebagai satu proses peralihan yang amat memilukan. Ini sebab saya hendak bagi tahu kepada PERKESO apabila diberi maklum untuk mendapatkan data saya dimaklumkan data-data terperinci itu tidak dapat dilaksanakan amat meruncingkan. Kita berbelanja jutaan ringgit untuk mengadakan sistem *computerized* dengan data terkini tetapi bila maklumat itu hendak dibuktikan dalam bentuk dokumen ia tidak dapat diadakan. Proses ini saya anggap kegagalan PERKESO yang perlu diperbaiki segera kerana PERKESO memainkan peranan untuk menyumbang maklumat kepada Majlis Gaji Minimum yang telah pun diwujudkan yang mempunyai aktanya tersendiri untuk membantu kawal selia untuk menghukum majikan yang tidak menepati akta itu, Akta Gaji Minimum 2012 yang boleh diberi hukuman. Akan tetapi kita tidak dapat dokumen tersebut dalam proses kita untuk mengenal pasti majikan mana yang biadab yang tidak boleh bayar bagi gaji minimum ini berterusan dua tahun tanpa dijatuhkan hukum ataupun diadili dengan setara yang adil.

Saya ingin menyarankan kepada kakitangan PERKESO atau pengurusan PERKESO ini adalah tanggungjawab, amanah ini penting. Rakyat di bawah sana sedang sengsara dengan pendapatan yang sepatutnya mereka terima tetapi mereka tidak terima dalam akta pun yang telah diluluskan Dewan yang mulia ini. Maka saya tegaskan saya tidak mahu dengar lagi cerita data tidak ada dan sebagainya, perlu dibuat segera dan pastikan tidak ada lagi orang yang tidak sambut atau tidak *apply* gaji minimum. Kalau syarikat itu berbuat demikian, kementerian harus wajib bertanggungjawab dan menghukum mereka ini.

■1200

Seterusnya saya ingin menyinggung dalam membenarkan ataupun memberikan dalam katakan syarikat tadi, kita – Yang Berhormat Bukit Gantang pun sudah sambung. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa pinjaman ini terbabit dengan akta pindaan 95A, membatalkan keanggotaan dari Bank Negara dan ini sebenarnya tidak masuk akal tetapi tegas ini dalam *investment* badan ini, pelaburan ini, kita mahukan transparensi. Kita mahukan ketelusan, kita tidak mahu ada dalam kalangan anggota– tidak menuduh tetapi lebih baik Tuan Yang di-Pertua berjaga-jaga dan pastikan ia tidak diselewengkan. Maka keperluan mereka ini perlu dan saya

tidak nampak keperluan untuk dibatalkan keanggotaan *investment* pelaburan daripada panel ini dibuat terhadap anggota Bank Negara.

Saya ingin merayu sekali lagi supaya ia dipertimbang untuk dikekalkan, supaya kedudukan *investment* ini tidak *dimanipulate* atau tidak dibuat tidak tentu arah. Saya ingin menyatakan dengan tegas bahawa saya tidak boleh berkompromi kalau ada ruang untuk mereka meminggirkan sesuatu badan yang lain untuk mereka membuat sesuatu yang tidak baik. Ini bukan tuduhan tetapi ini kerisauan yang saya kawatir akan terjadi apabila berlakunya banyak tabungan dewasa ini dibuktikan telah pun tidak mengikut lunas-lunas atau peraturan dalam tabungan masing-masing.

Oleh sebab PERKESO ini Tuan Yang di-Pertua, ia merangkumi pekerja khususnya, tidak oleh diperlakukan atau tidak boleh diambil kesempatan atas tabungan ini kerana kita tahu tabungan ini Tuan Yang di-Pertua, kita potong wang tetapi duit itu tidak boleh kita ambil macam EPF sebab ini dipanggil sistem sedekah. Kita sedekah, bila kita tidak sihat, *alhamdulillah*, tidak jadi apa-apa, duit itu digunakan oleh orang yang menerima musibah. Begitu juga dengan *retrenchment fund*.

Oleh sebab itu saya mengucapkan sekalung tahniah, berkali-kali saya sudah kata, Dato' Sahar, Menteri sendiri, tahniah kerana wujudnya *retrenchment fund* ini yang sewaktu dengan PERKESO, sewaktu, sebiji, malah seketul dia. Dengan Dato' Sahar nya, dengan Setiausaha yang namanya saya lupa, mereka ini bekerja keras dan sistem ini kita bersedekah. Orang itu gaji RM1,000, RM2.50. Kalau RM2,000, RM5.00 sampai RM4,000, RM10.00. Sistem sedekah ini sepatutnya wujud dalam negara yang penuh dengan kemajmukan ini. Saya akui dalam kita prihatin ini, kita tidak mahu tabung-tabung ini disalahgunakan oleh mereka yang ada kuasa dan kita kena pastikan bahawa tabung-tabung ini ataupun simpanan-simpanan untuk mereka yang memerlukan ini sahaja yang digunakan.

Kalau daripada segi pelaburan yang hendak dibuat pindaan yang dinyatakan oleh Menteri tadi pun mengkhawatirkan saya juga. Silap-silap melabur, melabur di tempat yang tidak betul, orang beli berapa lama hotel dengan harga RM300 juta, kita beli RM600 juta. Orang beli kereta dengan harga RM100,000, kita beli RM400,000. Ini pun menakutkan saya juga. Oleh sebab itu saya kata tadi daripada segi *investment panel* ini, Bank Negara itu diperlukan. Saya tidak nampak – jangan melolong perkara yang mungkar. Takut ruang itu disampuk oleh syaitan. Jadi, ini yang kita takutkan. Maka, saya ingin cadangkan supaya kekalkan keanggotaan Bank Negara itu sebagai *challenging*, mencabar apa yang saya maksudkan bahawa tidak benar dan ini tidak boleh berlaku.

Akan tetapi Dewan yang mulia ini saya ingin rakamkan, kekhuatiran saya apa yang saya bicara tadi, itulah kekhuatiran yang menyelubungi mereka yang di luar sana, yang memikirkan apakah tabungan ini bermanfaat atau tidak pada hari tua mereka. Maka, memendekkan bicara Tuan Yang di-Pertua, saya dalam segi pindaan ini tentang penggajian yang kategori-kategori daripada RM3,000 naik ke RM4,000, itu perkara yang kita terima tetapi dalam masa yang sama, pindaan yang lain perlu diambil serius kerana pindaan-pindaan ini merumitkan keadaan. Ini

kerana ruang lingkup yang diberikan ini menjurus kepada persoalan persepsi yang terlampau banyak negatifnya di luar sana. Saya memikirkan bahawa perkara ini perlu diambil berat oleh kementerian dan kerajaan supaya tidak berlaku penyelewengan wang tabungan rakyat pekerja. Pendek bicara, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya terus menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Perbincangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Perbincangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Seputeh, kenapa selalu ketawa hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa Yang Berhormat Menteri, tidak apa.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya, perkara serius macam ini janganlah ketawa, tertawa dengan kawan Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Pasir Gudang.

12.06 tgh.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbincangan ini. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan melalui kementerian ini kerana telah membuat beberapa pindaan bagi menjaga kepentingan pekerja-pekerja. Suka saya mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa bukanlah kawan kita sahaja yang mengambil berat soal pekerja ini. Ramai yang mengambil berat. Saya sendiri pun mengambil berat juga.

Seorang Ahli: Betul. [*Tepuk*]

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Akan tetapi ada beberapa perkara yang kita kena fikir rasionalnya. Kita tahu dan sedia maklum bahawa di Malaysia ini kita mengikut *minimum standard social protection* adalah berdasarkan kepada Konvensyen ILO 102.

Secara prinsipnya, Malaysia mempunyai *social protection* menyeluruh dengan baik tetapi apa yang kita harapkan ialah dengan pindaan ini, kementerian juga menambahbaikkan beberapa perkara terutama sekali daripada tanggungan dan *coverage*, dengan izin untuk pekerja-pekerja *self-employed*. Ini kerana mereka sekarang ini tidak mempunyai sebarang *social safety net* sama ada kepada diri atau keluarga. Oleh itu dicadangkan supaya kerajaan menyalurkan sebahagian daripada peruntukan kewangan di bawah BR1M untuk mewujudkan skim keselamatan sosial untuk golongan pekerja yang bekerja sendiri seperti nelayan, petani, penjaja, pemandu teksi dan sebagainya yang ditadbir oleh SOCSO.

Penyediaan skim sebegini akan dapat memastikan peruntukan disampaikan kepada kumpulan sasar yang sebenar dan mampu menjamin masa depan dan *social safety net* pekerja yang bekerja sendiri dan ahli keluarga mereka. Oleh itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kementerian Sumber Manusia perlulah mengambil perhatian serius akan skim keselamatan sosial untuk golongan *self-employed* ini.

Sebagai seorang daripada warga industri selama 33 tahun, saya sangat rapat dengan perkara-perkara dengan SOCSO dan saya juga adalah salah seorang panel Jemaah Rayuan kes-kes SOCSO. Bekas ya. Dalam peruntukan, diadakan untuk rayuan bila ada kes-kes yang ditolak untuk mendapatkan tuntutan. Ini menunjukkan kerajaan kita sangat prihatin. Sudah tolak kerana tidak mengikut syarat, boleh dilalukan kepada jemaah-jemaah kes rayuan SOCSO ini dan ada beberapa kes dipertimbangkan dengan sebaiknya.

Apa yang ingin saya cadangkan di sini supaya jawatan ini diperluaskan kepada beberapa orang yang memang faham tentang soal-soal pekerjaan ini. Sebagai contoh, sekarang ini, kalau mereka pergi balik kerja seperti Yang Berhormat Menteri tadi Tuan Yang di-Pertua beritahu itu, di kawasan saya dan Tebrau, berlaku kemalangan itu, di Kulai, dalam mereka balik kerja, kerja di kawasan saya.

■1210

Jadi, pergi dan balik kerja kalau laluan mereka akan mendapat perlindungan SOCSO itu tuntutan. Akan tetapi jika ada sedikit lencongan dan sebagainya kes ini akan ditolak. Jadi dalam keadaan sekarang, kadang-kadang keadaan jalan *jammed*. Walaupun di Johor *jammed*nya boleh tahan juga. Sekarang dalam Pasir Gudang hendak pergi ke Johor pun jalan *jammed* juga. Kalau dikira jalan biasa lalu, kalau sayalah dulu kerja Masai ke Pasir Gudang itu ambil 10 minit.

Akan tetapi apabila berlaku *jammed* kita terpaksa ambil jalan lain yang memang bukan laluan biasa. Jadi perkara-perkara ini bolehlah dipertimbangkan untuk manfaat pekerja-pekerja. Saya juga ingin mencadangkan dengan pindaan ini supaya apa yang kita panggil bagi kelayakan tuntutan untuk sama ada pencen ilat dan pencen penakat diperhalusi dengan 36 bulan ini. Mungkin boleh dipendekkanlah untuk jumlah kelayakan untuk menuntut.

Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia melalui jabatan SOCSO, pejabat SOCSO negeri kerana saya sendiri membuat urusan dengan mereka untuk membantu pekerja-pekerja kilang yang mendapat kemalangan dan saya telah berhubung

dengan pengarah-pengarah negeri, mereka telah respons dengan baik. Dia ada tim sekarang ini, mereka telah memberi respons baik dan bersama dengan saya pergi ke rumah yang mendapat bencana ini dan tuntutan untuk kematian diserahkan secara segera. Inilah satu kebaikan oleh kerajaan kita melalui SOCSO ini sendiri kepada rakyat jelata menunjukkan keprihatinan. Jadi dalam ini saya memohon menambahbaikkan ialah dari segi jumlah masa tuntutan iaitu kelayakan untuk mereka boleh menuntut dipendekkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya kes-kes SOCSO ini kita mengambil kira juga mereka yang berhenti. Sekarang ini SOCSO ada mengadakan skim untuk- *what do you call*, dengan izin pemeriksaan kesihatan. Pemeriksaan kesihatan yang diberikan juga kepada pekerja-pekerja secara tahunan dan kalau bolehlah, kalau macam saya ini sudah lama mencarum diberi juga peluang yang sama. Ini kerana kita mencarum lebih daripada 36 bulan.

Kalau saya bekerja 33 tahun dulu, apa kata dipanjangkan juga kepada mereka kerana rata-rata kalau ikut kelayakan mereka yang mencarum ini adalah pendapatan bawah RM3,000. Jadi sekarang ini dengan pindaan 4,000 bermakna bawah RM4,000. Daripada segi gajinya masih lagi rendah, apabila mereka sudah tidak bekerja dan sebagainya patut juga diberikan peluang untuk mereka menikmati kemudahan pemeriksaan kesihatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak SOCSO untuk memberi penjelasan yang lebih konkrit kerana dalam pindaan untuk seksyen baru 74A iaitu tentang kebenaran penubuhan syarikat-syarikat dan mengambil alih syarikat dan sebagainya. *National Insurance*, saya sudah beberapa kali mengutarakan perkara ini sebagai badan yang bertanggungjawab apalah kiranya di lebar luaskan sayapnya untuk kepentingan semua rakyat. Soal *National Insurance* ini di bawah SOCSO kerana melalui mereka yang sudah bekerja, sudah ada caruman. Jadi mungkin pihak SOCSO yang *take the lead* dengan izin, bekerjasama dengan *insurance provider* supaya *national insurance* ini dapat diberi juga kepada pekerja-pekerja. Bukan semua syarikat ada insurans.

Begitu juga pekerja-pekerja sendiri, tidak mampu mereka hendak bayar insurans setahun RM2,000, RM3,000. Kalau hendak lebih baik RM4,000 dan RM5,000 supaya memikirlah dengan teliti untuk kepentingan menjadi pilihan kepada pekerja *if* dia hendak *take up the National Insurance* dengan izin. Fikirkanlah sesuatu yang lebih bersesuaian dengan rakyat dalam memenuhi aspirasi kerajaan, "Rakyat didahulukan, pencapaian"- rakyat didahulukan ini. Seterusnya rakyat diutamakan. Jadi SOCSO harap dapat melihat apa yang saya suarakan ini.

Seterusnya tentang pindaan Bank Negara. Kenapa rasionalnya Bank Negara dikeluarkan? Sebagai SOCSO bukannya 20 tahun. Sudah lama kita wujudkan keberadaan mereka di sana apa sebenarnya yang menghalang keberadaan mereka di sana menyebabkan susah kerja SOCSO atau sebagainya. Apabila melibatkan pelaburan, kita memang kena telitilah kerana kita tidak hendak ada fitnah. Orang kadang nanti ini silap hari bulan Tuan Yang di-Pertua, baru cakap macam ini sudah keluar dekat mana-mana nanti bahawa tengok SOCSO sekarang pun keluarkan juga Bank Negara daripada menjadi panel.

Ini kerana apa? Mudah mereka hendak guna duit ini. Jadi lebih baik fitnah ni kita perlu hindari. Jangan kita dekat dengan fitnah. Kadang-kadang kita bagi ruang orang buat fitnah. Ini penting juga, ini pandangan sayalah yang tidak berapa hendak pandai agama ini. Akan tetapi apabila mendengar sana dan sini saya rasa lebih baik kita mengelak daripada perkara-perkara yang tidak sepatutnya kita cari pening kepala. Kita elakkan adalah lebih baik, "*prevention is better than cure*" dengan izin.

Jadi saya kira bagi pihak pekerja, saya harap sangat-sangatlah pihak SOCSO dengan pindaan-pindaan ini akan mengambil kira apa yang telah saya suarakan dan saya sendiri akan bersama-sama untuk terus menguar-uarkan kepada rakyat di luar sana bahawa SOCSO adalah sebuah badan yang sangat membantu mereka dengan caruman yang diberikan. Itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

12.17 tgh.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya memerlukan beberapa statistik. Jika Yang Berhormat Menteri tidak dapat memberikan statistik-statistik yang saya minta itu pada hari ini, bolehlah Yang Berhormat Menteri berikan secara bertulis kepada saya. Akan tetapi bagi perkara-perkara lain saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab dalam Dewan yang mulia ini.

Saya mendapati sejak tahun 2009 sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 27,449 kompaun pelbagai kesalahan berjumlah RM9 juta telah dikeluarkan. Daripada jumlah itu 68% adalah kesalahan mendaftar perusahaan dan pekerja. PERKESO telah memberi tempoh pemutihan dengan membuka peluang kepada semua majikan yang layak dan masih belum berdaftar supaya berbuat demikian sebelum 1 April tahun ini. Sejauh manakah pendekatan pemutihan ini mendorong majikan-majikan berdaftar dan apakah hasilnya? Majikan yang mendaftar sebelum tarikh itu tidak akan dikenakan tindakan kompaun walaupun melebihi tempoh yang ditetapkan serta akan dikecualikan daripada faedah caruman lewat bayar.

Yang Berhormat Menteri di sini saya ada beberapa soalan:

- (i) berapakah jumlah majikan yang secara aktif mencarum dalam PERKESO?
- (ii) berapakah jumlah majikan yang sepatutnya mencarum tetapi tidak mencarum?
- (iii) selain daripada pemutihan apakah langkah-langkah lain yang telah diambil untuk memastikan semua majikan mencarum?
- (iv) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap majikan-majikan yang gagal mencarum? Berapakah ramai yang telah dilaporkan di mahkamah?

- (v) berapakah ramai pekerja yang telah menjadi mangsa kerana kecuaiannya majikan yang tidak mencarum?
- (vi) akibatnya pekerja tidak terima tuntutan. Keenam, berapakah jumlah pekerja yang layak tetapi masih belum berdaftar untuk mencarum dalam PERKESO?
- (vii) berapakah jumlah tunggakan yang masih belum dikutip oleh PERKESO?

■1220

Saya juga ingin tahu, sejauh manakah keberkesanan Ops Kesan PERKESO 2015 yang telah dimulakan pada 1 September 2015? Saya difahamkan 300 hingga 350 pegawai PERKESO turun mengesan majikan-majikan yang tidak berdaftar dengan PERKESO di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Sumber Manusia pernah mengumumkan pada Januari 2015 bahawa PERKESO akan memulakan proses pengurusan bayaran faedah kepada waris mangsa pesawat MAS MH370 yang layak. Adakah ini telah dilaksanakan? Jika ya, nyatakan faedah-faedah yang telah dibayar kepada keluarga anak kapal dan penumpang-penumpang lain yang layak.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Jemaah Doktor dan Lembaga Rayuan. Saya sering kali didatangi oleh pencarum, pekerja-pekerja yang mencarum dan mereka membuat pengaduan bahawa mereka uzur, mereka telah banyak kali pergi untuk membuat permohonan daripada PERKESO dan mereka juga telah dihadapkan kepada panel, doktor dan permohonan mereka sentiasa ditolak.

Memang saya bukan seorang doktor tetapi apabila mereka datang berjumpa dengan saya dan saya berbual dengan mereka, saya dapati bahawa mungkin juga apa yang mereka katakan itu betul. Perhatikan keadaan fizikal mereka, mereka memang tidak boleh bekerja. Bukan sahaja keadaan mereka tetapi majikan pun tidak mahu menerima. Majikan telah memberhentikan dia daripada bekerja dan dia pun tidak boleh bekerja di mana-mana tempat.

Jadi saya tidak tahu, apabila mereka buat permohonan di PERKESO, mereka pergi dan permohonan mereka sentiasa ditolak. Apakah nasib orang-orang seperti ini? Adakah kita hendak ada satu bentuk ataupun satu kaedah lain untuk membantu orang-orang yang sedemikian? Saya rasa adalah tidak wajar mereka mencarum dalam PERKESO bertahun-tahun dan apabila mereka menghadapi satu keadaan yang betul-betul saya rasa mereka layak untuk terima PERKESO tetapi dengan syarat-syarat tertentu, syarat-syarat kesihatan tertentu, mungkin panel doktor itu tidak memberikan kelulusan kepada mereka. Jadi saya rasa kita kena cari kaedah tertentu untuk membantu orang-orang seperti ini. Bukan sekadar hanya kita merujuk kepada Lembaga Rayuan dan Lembaga Rayuan tolak habis. Mereka buat permohonan kali kedua, Lembaga Rayuan tolak kali kedua, habis tidak boleh buat apa-apa.

Jadi saya rasa ...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua, mencelah. Boleh sedikit?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Boleh.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya juga bersetuju dengan apa Yang Berhormat cakap sebab saya juga menghadapi masalah yang sama di kawasan saya di mana seorang pekerja itu dia sakit jantung. Sakit jantung, *you* tengok dari luar macam tidak ada apa-apa tetapi dia tidak boleh kerja. Akan tetapi dia pergi panel satu – dia ada dua panel. Satu panel bagi tetapi yang satu panel tidak mahu. Hendak tunggu dia tidak ada tangan, tidak ada kaki dahulu baru hendak bagi. Saya setuju sangat apa yang Yang Berhormat cakap dan saya pun mintalah supaya perkara ini dipertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya rasa semua Ahli Yang Berhormat yang ada di sini pun menghadapi masalah yang sama. Kita sering kali didatangi oleh pencarum-pencarum dengan masalah yang sama. Kita rasa begitu kasihan dan saya minta Menteri meneliti tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa faedah pengurusan mayat sebanyak RM1,500 yang dibayar oleh PERKESO kepada keluarga pencarum adalah terlalu rendah. Saya minta... *[Disampuk]* Sama ada sekarang masih RM1,500 ataupun telah dinaikkan? Sebab, saya rasa jumlah itu kalau masih lagi RM1,500 terlalu rendahlah. Kalau sudah ditingkatkan, saya minta penjelasan daripada Menteri, adakah kerajaan mempunyai cadangan lain untuk menambahkan jumlah ini pada masa akan datang?

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Menteri menjawab. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

12.24 tgh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015.

PERKESO ini merupakan satu organisasi yang ditubuhkan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk mentadbir, menguat kuasa dan melaksanakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat beberapa perubahan yang dilakukan. Umpamanya, had maksimum gaji yang dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000 sebulan dan pendapatan pekerja yang lebih RM3,000 ke atas tidak diwajibkan sebenarnya untuk melakukan sumbangan bergantung atas kerelaan mereka dan juga disebabkan prinsip badan ini iaitu sekali disertai sentiasa menjadi ahli.

Sebenarnya PERKESO ini adalah sistem keselamatan untuk pekerja yang sangat penting kerana pekerja-pekerja yang rata-ratanya gaji bawah RM3,000 rata-ratanya tidak ambil insurans pun. Kita lihat perkara-perkara yang berlaku apabila mereka pergi kerja dan balik kerja, kemalangan dan sebagainya dan juga kemalangan di tempat kerja yang melibatkan situasi di

mana dia tidak boleh berfungsi lagi, pada masa itu kita lihatlah muka majikan-majikan macam mana. Berapa orang yang ambil berat tentang pekerja yang menderita ini? Kita lihat ada majikan-majikan yang tidak mencarum pun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, semasa saya kerja dahulu, saya lihat banyak kes juga yang mana tangannya sudah putus, jarinya sudah putus, hendak makan pun tidak boleh. Ataupun ada masalah-masalah lain yang kita nampak pada zahirnya memang nampak ada kelemahan tapi tidak boleh melakukan kerja. Apabila dihadapkan kepada panel kesihatan, mereka tidak dapat kelayakan untuk mendapat SOCSO umpamanya, ataupun kelewatan. Sedangkan, mereka ini telah bekerja bertahun-tahun dan mempunyai keluarga dan mempunyai tanggungan dan mereka inilah yang selalu datang ke klinik dan merayu kerana menghadapi banyak kesusahan-kesusahan yang lain.

Jadi sebab itu pindaan-pindaan yang dilakukan untuk memperbaiki PERKESO ini adalah sangat-sangat penting sebenarnya. Ini kerana mereka ini juga terdiri daripada orang-orang yang tidak berkemampuan untuk mengambil insurans umpamanya. Sudahlah insurans mendapat persepsi yang tidak baik.

Hari ini bila ada orang kita kata hendak ambil insurans, dia akan kata ini dia hendak ambil duit kita. Akan tetapi, sebenarnya ini adalah perkara untuk masa depan kita, jaminan keselamatan kita. Sediakan payung sebelum hujan, jangan terhantuk baru tengadah. Jangan sampai nasi jadi bubur. Jadi, sedikit wang daripada pendapatan kita, kita carumkan, sama ada dalam insurans ataupun yang diwajibkan ini, PERKESO, adalah untuk membantu kita jika berlaku apa-apa pada kita.

Tadi saya dengar ada Ahli Parlimen yang menyatakan rayuan juga dibenarkan. Ini bagus sebab banyak kes yang melibatkan mereka-mereka yang mendapat kemalangan sama ada di tempat kerja ataupun semasa pergi dan balik kerja, mereka tidak mendapat pampasan ataupun bantuan yang secukupnya. Kalau dapat pun pencen ilat, berapa banyak yang dia dapat? Adakah ini dapat menjamin kerja dia sedangkan masa ini dia hilang keupayaan untuk bekerja. Ada di antara mereka yang hilang jari, hilang tangan semasa bekerja di kilang-kilang. Jadi nampak gaya balik macam itu mengharap belas kasihan orang lainlah. Jadi sebab itulah saya sangat-sangat setuju dengan pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, macam subfasal 2(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 5(2) ke dalam Akta 4 yang memperuntukkan walaupun semua pekerja hendaklah diinsuranskan tanpa mengira amaun gaji. Ini satu perkara yang penting, yang boleh membantu sesiapa sahajalah yang bekerja yang kalau jadi apa-apa, macam mana dia hendak buat.

Kalau tidak jadi tidak apalah tetapi bila jadi ini, kita hendak jumpa kawan-kawan, hendak tolong? Kawan kata aku pun susah. Kita hendak jumpa adik-beradik, hendak tolong? Dia kata aku kasihan, sabarlah, sabarlah, sabarlah. Bolehlah orang bagi derma RM50, RM100 tetapi bagaimana dengan kehidupan selepas itu? Jadi sebab itulah ini perkara yang sangat-sangat penting sebenarnya terutama bagi mereka yang tidak ada insurans yang lain. Apa lagi yang ada?

Bila sudah jadi kemalangan, bila sudah tidak boleh kerja, apa lagi yang ada? Siapa lagi yang hendak tolong? Jadi satu perkara yang sangat penting yang saya hendak bagi tahu.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2014, statistik rasmi PERKESO menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 412,039 majikan aktif telah mendaftar dan seramai 62 juta pekerja sedang mendapat perlindungan PERKESO.

Saya ingin tanya, apakah prosedur yang diambil kira oleh PERKESO dalam memberikan skim pencen ilat atau Skim Insurans Bencana Kerja? Ini kerana ia sering dilihat sebagai suatu yang memakan masa bertahun lamanya. Juga, berapakah jumlah kes yang telah berjaya diselesaikan oleh PERKESO sepanjang tahun 2015?

■1230

Jadi saya ingin bertanya, sejauh manakah peningkatan caruman yang dibuat oleh majikan terhadap pekerjaannya sejak Ops Kesan dilaksanakan. Sehingga hujung 2015, berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dan jumlah pekerja yang telah didaftarkan?

Tuan Yang di-Pertua, ada juga program untuk membuat pemeriksaan kesihatan ke atas pekerja-pekerja melalui PERKESO. Kalau tidak silap saya sudah beberapa tahun dilaksanakan. Jadi, saya ingin tahu apakah kesannya daripada itu? Berapa banyak PERKESO dapat mengesan atau membantu mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, jantung dan sebagainya sebelum mereka jatuh sakit dan tidak boleh bekerja. Apakah tindakan-tindakan susulan yang dilakukan selepas pemeriksaan yang banyak dijalankan di klinik-klinik swasta? Kita tidak tahu apa yang terjadi selepas itu.

Pemeriksaan dilakukan, laporan dihantar selepas itu apa terjadi dengan pekerja-pekerja ini? Saya juga hendak tahu statistik berapa banyak pekerja yang mencarum yang sebenarnya datang ke klinik untuk membuat pemeriksaan? Tentang kesihatan ini memanglah, selagi kita tidak sakit kita tidak akan rasa sangat, hanya orang yang sakit sahaja yang mengadu baru ingat dengan Tuhan. Bila tidak sakit, dia lupa diri. Jadi ini benda berlaku.

Saya lihat walaupun diberikan peluang menjalani pemeriksaan percuma di klinik-klinik swasta oleh PERKESO tetapi ramai yang tidak datang dan kalau dia datang pun, dia datang ambil *test free* dia kata. Akan tetapi apabila kita cuba hendak menerangkan keputusan daripada segi pemeriksaan darah, air kencing dan sebagainya, saya tengok yang datang semula tidak banyak. Jadi saya bimbang adakah matlamat ataupun objektif PERKESO membuat perkara ini berhasil? Adakah kurang orang-orang yang mendapat penyakit yang tidak boleh bekerja dengan program yang dilakukan ini? Saya minta penjelasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kepada PERKESO supaya menggalakkan penglibatan pekerja mahupun ahli keluarga pekerja tersebut supaya membuat laporan jika caruman tidak dibuat oleh majikan serta memudahkan prosedur untuk menuntut pampasan jika berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini. Inilah perkara yang penting sekali, kadang-kadang pekerja pun tidak tahu sebab pekerja ini bukan semuanya tahu. Dia bekerja dia pun tidak tahu, dia tidak *check* pun. Adakah betul-betul majikannya bayar atau mencarum atau tidak mencarum. Jadi kalau dia dapat tahu perkara ini merekalah yang patut tampil ke depan dan juga beritahu buat laporan dan

sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai menyokong pindaan ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

12.32 tgh.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri saya sebenarnya mengharapkan bahawa pindaan ini lebih berat kepada untuk menolong pekerja tetapi saya tengok di sini yang positif bagusnya adalah perluasan akta ini untuk *cover* pekerja-pekerja yang bekerja sendiri, *self-employed*. Saya tidak melihat bahawa apa yang diperkatakan oleh rakan-rakan saya tadi dapat ditangani melalui pindaan kali ini. Saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua bahawa peluasan, perlindungan kepada orang-orang yang bekerja sendiri ini sangat-sangat dialu-alukan. Akan tetapi saya hendak tahu adakah satu pendapatan minimum ataupun caruman minimum bagaimana sedikitlah secara mikro kerana rakyat akan bertanya kepada kita nanti, *insya-Allah*.

Saya dari dahulu lagi pernah menyebut tentang satu lagi kategori pekerja yang tidak diiktiraf sebagai pekerja iaitu suri rumah tangga. Dari dahulu pernah kita mengatakan bahawa mereka ini adalah pekerja negara yang tidak diiktiraf dan kalau hendak dinilai ganjaran pekerjaan seorang suri rumah tangga itu bukan RM900 Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi bolehkah kita meluaskan caruman kepada suri rumah?

Maknanya kita di sini walaupun kita masukkan dia dalam kategori *self-employed* dan kalau dia sanggup mencarum mengikut jadual yang telah ditetapkan misalnya dia hendak mencarum pada tahap gaji RM2,000, misalnya berapa dia hendak carum walaupun dia tidak ada majikan. Jadi ini adalah satu lagi *safety net* kepada suri rumah kerana ingat ya, suri rumah apabila dia masuk umur 40 tahun, 50 tahun, 60 tahun, dia sudah tidak boleh bekerja, dia tidak dianggap sebagai orang yang telah memberikan sumbangan kepada negara. Kebanyakan kita membuat andaian bahawa seorang suri rumah itu esok anak-anaknya yang akan jaga.

Saya percaya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah bertemu dengan ibu-ibu yang sudah berumur dan anaknya mungkin lima, enam ke-10 orang tetapi seorang hendak memberikannya RM50 sebulan pun tidak mampu ataupun tidak mahu. Jadi saya mengharapkan bahawa sekali lagi kalau ada pindaan dibawa masuk suri rumah dalam kategori ini. Pada mudanya ini, dia boleh mencarum, mungkin suaminya mencarumkan, tidak kiralah siapa yang mencarum asalkan dia ada caruman dan dia boleh mendapat – dahulu saya minta ini dalam KWSP supaya dilakukan.

Akan tetapi mungkin saya juga ingin menyambut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang bahawa kita perlu meluaskan sistem ini kepada sistem insurans kesihatan. Ini kerana yang banyak datang kepada kita adalah mereka yang bekerja tetapi ilat mereka itu ataupun mereka menghadapi ilat tidak kekal, penyakit dan bukan disebabkan oleh faktor kerja, misalnya seseorang itu boleh bekerja di kilang. Dia tidak putus jari dan kaki atau

tidak mengalami kemalangan tetapi oleh sebab penyakit-penyakit kronik yang disebutkan tadi, maka dia sepatutnya dimasukkan ke hospital untuk rawatan.

Apabila dia tidak boleh bekerja, majikan dia hanya memberikan gaji setakat beberapa hari, kemudian dia sudah tidak ada saraan hidup. Alasan PERKESO adalah tentu betul mengikut undang-undang bahawa ini bukanlah ilat ataupun ketidakupayaan yang disebabkan oleh pekerjaannya tetapi disebabkan oleh penyakit yang ada. Kita menyambut baik tentang *medical examination* ataupun pemeriksaan kesihatan yang bertujuan sebagai pencegahan ataupun *early detection* kepada pekerja-pekerja, tetapi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai, adakah pemeriksaan kesihatan ini mandatori? Mungkin kita perlu juga masukkan dalam peraturan kita sebagai langkah awal bahawa mereka wajib melakukannya dan kemudian wajib untuk *follow up*, oleh doktor dengan izin. Saya pun tidak teringat apa istilah *follow up* ini oleh doktor dan seterusnya mengambil rawatan.

Jadi, kalau kita boleh masukkan di dalam ini, saya rasa apa yang ditawarkan oleh PERKESO kepada pekerja-pekerja ini akan meninggalkan kesan. Kalau tidak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai, maka ia pada mulanya ia pergi kepada doktor, gula dalam darahnya dipanggil *borderline* kemudian sudah kerana tidak ada kaunseling, tidak menjaga diet dia, tidak melakukan apa yang disarankan, selepas itu dia masuk kepada *frank diabetes* ataupun kencing manis. Kemudian tidak *control* lagi, tidak mahu makan ubat, pergi homeopati dan sebagainya. Minta maaf, saya sebut kerana kata tidak payah makan ubat *next thing* dia ada masalah kena potong kaki.

Kemudian bila kakinya sudah dipotong, dia datang kepada kita dia tidak boleh bekerja dan PERKESO hanya boleh memberikan elaun untuk dia pergi program pemulihan tetapi masa itu dia tidak boleh bekerja dan ada majikan-majikan yang memaksa mereka untuk berhenti kerja. Apabila mereka berhenti kerja, hendak pergi pemulihan tidak ada saraan hidup, tidak ada pendapatan, saraan atau elaun yang diberikan untuk pergi ke pemulihan itu tidak membayar tambang teksi pun tidak lepas.

Jadi perkara-perkara ini perlu kita tekuni bersama kerana mereka ini adalah pekerja yang baik, membayar setiap bulan daripada awal bekerja sehingga mereka bersara mungkin mendapat penyakit-penyakit kronik hanya apabila berumur 40 tahun, 50 tahun ke atas. Maka selepas itu mereka ini sudah masuk satu program takaful. Orang lain boleh dapat, kerana ada kemalangan di tempat kerja, kemudian mereka mendapat imbuhan, ada yang mendapat pencen ilat, ada yang mendapat pencen penakan, kalau dia meninggal keluarganya dapat dan sebagainya. Akan tetapi mereka yang menyumbang begitu lama, *nothing, burn*. Inilah istilah-istilah yang mereka gunakan, sudah menyumbang berpuluh-puluh tahun, bila sampai pencen ataupun mendapat penyakit di akhir hayat kerja dia, lepas itu dia sudah tidak dapat apa-apa sedangkan dia penyumbang yang tegar.

Saya ada satu contoh Tuan Yang di-Pertua, seorang lelaki yang kiranya tidak ada masalah kesihatan langsung dan tidak tahu bahawa dia ada *slow on sight glaucoma*. ia adalah satu penyakit mata yang menyebabkan kebutaan perlahan-lahan.

■1240

Semasa dia bekerja, dia masih boleh nampak, dia tidak ada masalah. Akan tetapi penyakit ini menjadi *full-blown* apabila dia pencen. Dia berhenti kerja dan kemudian dia jadi buta, dia merayu. Oleh kerana konsep penyakit ini tidak didiagnosis sebelum dia pencen, dia tidak layak pada pencen ilat. Dia pergi sampai ke mahkamah, mahkamah pun tidak boleh hendak buat apa sebab tidak ada peruntukan. Jadi ini adalah satu contoh di antara contoh ramai orang yang sihat, penyakitnya bermula sebelum dia pencen atau sebelum dia ditamatkan pekerjaan dan kemudian selepas itu dia tidak ada manfaat langsung. Itu sebabnya untuk kita masukkan insurans kesihatan ini, amat perlu bersama dengan caruman PERKESO ini.

Kemudian, saya hendak sebut juga tentang majikan. Saya juga mendapat beberapa kes di mana apabila seorang pekerja itu mengalami penyakit, bukan oleh kerana kemalangan semasa kerja dan masih di dalam rawatan, masih lagi *follow up* dengan doktor. Akan tetapi majikan mengambil jalan yang senang untuk pencen, suruh dia meletakkan jawatan, suruh dia berhenti kerja. Mereka ini dalam keadaan yang amat tertekan, tidak tahan majikan menekan mereka, lalu mereka meletakkan ataupun berhenti kerja. Kemudian bila berhenti kerja, tidak ada saraan hidup dan kemudian terpaksa, makna berulang alik ke hospital untuk merayu untuk mendapat bantuan daripada PERKESO ini.

Dalam beberapa kes, bila mereka datang kepada saya, saya tengok kes itu, kita terpaksa masuk campur. Masuk campur, maksudnya kita terpaksa telefon, pegawai PERKESO akan beritahu kita, "*Yang Berhormat kami hendak tolong, tetapi ini adalah peraturannya. Kalau panel doktor mengatakan mereka ini tidak layak, kami tidak boleh bagi*".

Akan tetapi di dalam kes-kes tertentu juga, ada orang yang makna diberi. Kes yang sama, tetapi dapat. Ini terutamanya saya tengok beberapa kes-kes *low backache*, sakit belakang yang tidak boleh bekerja. Ada yang tidak boleh duduk dengan betul, tetapi sudah rayuan tidak dapat kerana doktor mengatakan ini bukan ilat kekal. Memang bukan ilat kekal, dia boleh berjalan, dia boleh makan, tetapi dia tidak boleh duduk lama. Sudah kerja di kilang yang perlu dia berdiri. Jadi katanya bukan ilat kekal, sedangkan saya juga ada orang-orang yang saya hairan kenapa dia tidak bekerja dan kemudian saya diberitahu dia dapat SOCSO. Saya tanya dia alasannya kenapa, "*Oh, saya dahulu sakit belakang, tetapi I got a friend doktor yang boleh tolong di dalam panel*" dia kata, dia dapat pencen ilat.

Benda ini pun saya bawa juga, tanya juga kepada PERKESO. PERKESO kata kami tidak boleh buat apa Yang Berhormat, sebab doktor sudah tanda tangan pencen ilat. Jadi keselarasan ini tidak ada. Saya merasakan kadang-kadang mungkin doktor-doktor yang duduk dalam panel itu juga perlu dikursuskan untuk merasakan apa yang dirasai. Contoh saya yang paling ini ialah beberapa orang yang mengalami kencing manis, terpaksa potong kaki, tidak boleh bekerja. Ini bukan pencen, ini bukan ilat kekal. Diberi sebagai alasan tidak dapat pencen ilat, ini bukan ilat kekal. Jadi, macam mana dia kerja? Kalau dahulu dia pemandu lori, kaki dipotong, macam mana hendak memandu lori? Bagaimana pengawal keselamatan yang dipotong kakinya? Siapa hendak bagi kerja kepada dia kalau dia sudah tidak ada kaki? Ini perkara-perkara makna dia *social net*

kita, jaringan sosial kita ini tidak berapa komprehensif dan masih lagi rasa saya menzalimi sebahagian besar pekerja.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri tentang sistem pengkomputeran maklumat PERKESO yang dipanggil PINTAR (*PERKESO Information Technology Automation Reformation*). Saya difahamkan bahawa sistem ini telah dibangunkan dan diguna pakai bermula 2012 dengan satu peruntukan tidak silap saya RM100 juta. Akan tetapi baru-baru ini, PINTAR ini telah diberhentikan penggunaannya kalau tidak silap saya, ataupun digantung, *wallahua'lam* penggunaannya. Saya hendak tanyalah, satu sistem komputer atau sistem *software* yang dibangunkan dengan harga RM100 juta selepas pakai tidak sampai lima tahun, digantung atau diberhentikan.

Jadi kenapa? Kepada siapa diberi? Adakah pihak syarikat kontraktor yang membangunkan ini bukan pakar? Adakah ia diberi secara kontrak langsung, rundingan terus? Apakah yang akan dilakukan oleh PERKESO sekarang kerana saya dimaklumkan bahawa penyata pencarum bekerja sehingga hari ini, penyata menunjukkan bayaran hanya hingga bulan Februari 2014 sahaja. Tahun 2015 tidak ada dan 2016 *wallahua'lam*.

Jadi, ini adalah serius. Ini yang kadang-kadang bila pihak pembangkang sebelah sini bawa perkara-perkara begini, kita bukan hendak mencari kesalahan, tidak. Kita tahu PERKESO atau mana-mana badan kerajaan ditubuhkan dengan tujuan-tujuan dan objektif murni. Namun dalam pelaksanaan, terutamanya memberi kontrak-kontrak jutaan ringgit ini, bila dia gagal baru kita tahu kepada siapa diberi dan berapa harganya. Jadi, saya minta penjelasan yang terperinci daripada Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

12.46 tgh.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk berbahas sama dalam Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja untuk pindaan 2015. Pertamanya, saya kira ini adalah perkara yang amat baik iaitu membuat perubahan jumlah wajib carum kepada RM4,000 berbanding RM3,000 sebagai langkah bijak untuk memastikan kebajikan pekerja di Malaysia ini kita dapat jaga dengan baik.

Memandangkan Malaysia pada kali ini akan menerapkan proses untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang teknikal dan juga industri iaitu berkaitan dengan 3D (*dirty, dangerous dan difficult*) yang lebih ramai, jadi saya alu-alukanlah peningkatan daripada RM3,000 kepada RM4,000 ini. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita tahu hari ini banyak jawatan-jawatan yang mempunyai kemahiran yang amat tinggi. Contohnya seperti operator pelantar minyak, *wireman, chargeman* dan lain-lain lagi ini. Mereka sebenarnya ditawarkan pada gaji yang selalunya melebihi daripada nilai RM3,000.

Jadi, sebelum ini kalau gaji mereka itu RM3,200, RM3,500 dan sebagainya ini, mereka tidak dilindungi oleh skim di bawah PERKESO. Jadi dengan terlaksananya rang undang-undang ini nanti, pindaan ini nanti, kita harap lebih ramai pekerja ini akan dapat dilindungi di bawah skim

PERKESO. Kita tahu juga gaji permulaan lepasan universiti ketika ini adalah sekitar RM3,000 ke atas, jadi juga secara langsung dapat menjamin keselamatan mereka-mereka yang dapat pekerjaan ini dan terutamanya kepada rakan-rakan kita yang baru mula bekerja ini dengan gaji yang RM3,000 ke atas ini, mereka lebih yakin apabila pulang bekerja dan juga pergi bekerja pada masa ini.

Ramai rakan tadi menyebut tentang pentingnya polisi untuk PERKESO ini kerana kita tahu ramai di kalangan rakan-rakan yang berada di luar ini, terutamanya bergaji bawah RM4,000 ribu ini, mereka tidak dilindungi oleh polisi insurans. Jadi secara tidak langsung rang undang-undang yang dibentangkan pada kali ini akan dapat memberikan peluang kepada mereka untuk mendapat perlindungan di bawah PERKESO.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Ops Kesan. Perkara utama yang kita perlu lakukan selepas kita mewajibkan cukai kepada syarikat ini adalah untuk memastikan mereka mendaftarkan pekerja-pekerja mereka di bawah PERKESO.

■1250

Untuk rekod, kadar RM3,000 yang kita letakkan sebelum ini pun banyak syarikat-syarikat yang belum mendaftar di bawah PERKESO ini dan secara tidak langsung ia sebenarnya memberikan kesan yang tidak baik kepada industri. Seperti yang disebut oleh sahabat saya tadi, sehingga 31 Disember tahun lepas, 499,000 hampir 500,000 orang majikan yang mendaftar di bawah PERKESO ini dan hanya dapat melibatkan sebanyak 6.3 juta pekerja yang dapat perlindungan PERKESO. Akan tetapi kita tahu di bawah SSM, banyak syarikat yang telah berdaftar, mengambil pekerja tetapi mereka ini tidak didaftarkan.

Jadi bermula pada 1 Mac 2016 yang lepas, Ops Kesan yang dimaklumkan oleh pihak kementerian diadakan untuk kali yang kelapan kalau tidak silap. Ini bermakna banyak lagi syarikat atau majikan yang tidak mengetahui tentang Ops Kesan ini dan mereka sebenarnya perlu dimaklumkan tentang kewajipan mereka untuk mendaftarkan pekerja-pekerja di bawah PERKESO. Jadi, saya hendak cadangkan kepada pihak kementerian agar dapat menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM dengan mengadakan kempen kesedaran dan juga penerangan kepada syarikat-syarikat terutamanya yang baru mendaftar di bawah SSM tentang kewajipan untuk mencarumkan pekerja.

Selain daripada kadang-kadang ada syarikat-syarikat baru ini mereka tidak faham ataupun tidak tahu tentang kewajipan untuk mencarum tetapi kebanyakan kes bila pegawai-pegawai SOCSO ataupun pegawai-pegawai PERKESO datang ke syarikat-syarikat mereka, mereka terus mengeluarkan saman. Jadi mungkin untuk tindakan yang pertama ini diberikan amaran, tidak terus diberikan saman, diberikan makluman penerangan dan sebagainya. Jadi ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan ketakutan di kalangan syarikat-syarikat baru yang ada dalam negara kita ini.

Jika perlu saya hendak cadangkan kepada pihak PERKESO supaya dapat terus daftarkan syarikat-syarikat ini melalui SSM walaupun kita tahu mereka masih belum mempunyai pekerja sebab kebiasaannya bila syarikat ini berdaftar, mereka tetap memerlukan pekerja untuk

membantu syarikat mereka. Memandangkan kita tahu sekarang ini PERKESO sudah ada perkhidmatan di atas talian, jadi syarikat boleh pada bila-bila masa mendaftarkan pekerja-pekerja mereka untuk kemudahan mereka pada masa yang akan datang.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang perlindungan pemandu teksi. Baru-baru ini saya didatangi oleh beberapa orang pemandu teksi bertanyakan tentang perlindungan yang kerajaan janjikan untuk diberikan kepada mereka kerana tahun lepas, kalau saya tidak silap Timbalan Menteri ada menyatakan pemandu teksi akan menikmati perlindungan pada penghujung tahun 2015. Akan tetapi, sehingga sekarang mereka masih belum mengetahui perkembangan lanjut tentang perkara tersebut. Jadi, adakah skim perlindungan kepada pemandu teksi ini telah pun dimulakan. Jika belum, mengapa ada berlaku kelewatan dan tidak seperti yang dinyatakan pada tahun lepas.

Mengikut kenyataan yang dikeluarkan pada tahun lalu, jika benar ia sepatutnya bermula, bermakna sudah ada perancangan di peringkat akhir, di peringkat kementerian. Jika begitu, apakah mekanisme yang akan dilaksanakan bagi pemandu-pemandu teksi ini untuk menikmati perlindungan terutamanya di bawah skim PERKESO. Jadi, saya kira perlindungan kepada pemandu teksi ini juga pernah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mei yang lepas. Jadi, saya harap perkara ini kita dapat pandang secara serius dan memikirkan kaedah terbaik untuk membantu mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mereka yang bekerja sendiri. Apakah bentuk perlindungan yang boleh kita berikan kepada mereka? Kalau bukan mungkin di bawah PERKESO, bagaimana kita boleh membantu mereka yang bekerja sendiri ini. Adakah terdapat perancangan untuk juga mewajibkan mereka walaupun dikatakan bekerja sendiri ini untuk berdaftar di bawah PERKESO. Jadi, bolehkah saya hendak cadangkan kepada pihak kementerian agar membenarkan golongan yang bekerja sendiri ini supaya dapat membuat caruman berdasarkan kemampuan dan bentuk perlindungan yang pihak PERKESO boleh tentukan mengikut jumlah caruman yang mereka telah berikan.

Ini penting kerana kita tahu ramai di kalangan kawan-kawan kita ini ataupun mereka yang berada di luar sana bekerja sendiri dan tidak dilindungi oleh insurans selain pendapatan yang tidak menentu yang berkemungkinan tidak mampu untuk menanggung kos rawatan jika berlakunya kemalangan. Mungkin pihak PERKESO boleh melantik mana-mana NGO yang bertanggungjawab mengurus pendaftaran dan membuat pengesahan status mereka ini. Kita tidak mahu ada kes berulang pernyataan palsu yang pernah dibuat oleh pemandu teksi di mana PERKESO membayar pampasan lebih RM11,000 sedangkan perkara itu tidak pernah berlaku.

Seterusnya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, tentang kempen kesedaran awam kepada pekerja. Masih ramai tidak mengetahui tentang fungsi dan peranan PERKESO terutama bagi perjawatan-perjawatan selain daripada pegawai-pegawai yang ada dalam PERKESO itu sendiri. Mereka tidak mengetahui tentang keistimewaan dan perlindungan yang boleh dinikmati jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini sehinggakan majikan mengambil kesempatan untuk tidak membuat tuntutan. Perkara ini banyak berlaku dan saya kira ramai pun di kalangan

rakan-rakan tadi menyatakan ada rakyat yang berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat dalam kawasan masing-masing apabila terdapat majikan yang langsung tidak mengambil peduli bila berlakunya kemalangan, mereka membuat laporan dan majikan terus memandang sepi tentang laporan yang telah mereka buat.

Mungkin kes-kes sebegini dapat ditangani dengan baik di peringkat PERKESO, saya ucapkan tahniah tetapi ada masih lagi terdapat banyak kes sebegini yang masih berlaku dan kita mengharapkan agar majikan-majikan ataupun syarikat yang gagal memenuhi keperluan untuk mendaftarkan pekerja dan juga menyepi dalam isu berkaitan dengan kemalangan ini dapat diambil tindakan dengan segera oleh pihak PERKESO.

Saya ingin membuat cadangan yang terakhir iaitu memperbanyakkan Kempen Kesedaran Awam terutamanya di pasar raya, di pusat-pusat membeli-belah selain daripada melantik ejen untuk pergi membuat kempen rumah ke rumah ataupun premis-premis perniagaan terutamanya di kawasan rumah. Kalau di kawasan perumahan ini, kawasan rumah PPR dan *flat* yang kebanyakan mereka ialah pencarum-pencarum PERKESO.

Jadi apabila mereka mendapat maklumat dan juga kenyataan tentang peri pentingnya PERKESO ini, bagaimana mereka boleh melaporkan hal-hal berkaitan dengan kemalangan di tempat kerja dan apakah faedah-faedah yang mereka boleh terima dan mungkin bagaimana PERKESO boleh membantu memudahkan mereka membuat laporan jika sekiranya majikan tidak bertanggungjawab dan bagaimana pihak PERKESO boleh memastikan urusan-urusan, proses-proses *claim*, tuntutan dan sebagainya ini dapat dipercepatkan.

Saya kira antara program yang baik boleh dilaksanakan oleh PERKESO ialah mungkin mengadakan sesi dialog pendek ataupun dialog secara santai dengan mereka-mereka ini agar segala isu yang berlaku di peringkat bawahan ini terutamanya laporan-laporan daripada mereka yang terlibat dalam kemalangan ini yang mendapat, ada yang mengatakan mereka tidak mendapat tuntutan yang sebenarnya dan mereka diketepikan dan sebagainya dapat diselesaikan dengan baik oleh pihak PERKESO.

Saya rasa itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk berbahas tentang rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

12.58 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya juga untuk turut sama berbahas mengenai pindaan ke atas Akta Keselamatan Pekerja-pekerja 1969 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pertamanya bertanya kepada pihak Menteri khususnya kepada pindaan melibatkan fasal 6 yang meminda seksyen 74A. Izinkan saya membaca seksyen 74A, *'kuasa pertubuhan untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat. Pertubuhan boleh dengan kelulusan menteri dan Menteri Kewangan ditubuhkan atau mengambil alih mana-mana syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan, mentadbir,*

mengendalikan dan menguruskan projek, usaha sama program penswastaaan, perancangan perusahaan dan apa-apa perkara lain yang telah dirancang atau diusahakan oleh pertubuhan bagi maksud rancangan keselamatan sosial'.

Ada dua perkara di sini yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, kita tahu bahawa Parlimen ini akan membuat juga pindaan ke atas Akta Syarikat 1965 di mana saya rasa dalam senarai itu adalah selepas bil ini akan dibuat pindaan ke atas Akta Syarikat di mana Akta Syarikat ini, Akta Syarikat 1965 *Companies Act* akan dengan izin, *totally revoke* dan diganti dengan satu akta yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sambung petang Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

2.32 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dalam sebelum *lunch* tadi saya telah menyentuh mengenai pindaan ke atas Seksyen 74 yang dimasukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 74A. So, ada dua perkara yang saya ingin bangkitkan di sini Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, berkaitan dengan seperti mana saya katakan tadi bahawa dalam seksyen baru ini membenarkan *organization* ini ataupun pertubuhan ini untuk *establish*, menubuhkan syarikat dan juga mengambil alih syarikat.

Akan tetapi dikatakan di sini ialah mengambil alih syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Jadi dalam keadaan Parlimen ini akan meluluskan akan membentangkan satu pindaan besar-besaran ataupun bukan pindaan, satu akta baru menggantikan Akta Syarikat 1965 bermakna saya merasakan bahawa pindaan ini akan hadapi masalah kalau kita teruskan.

Bagaimanakah kita membenarkan ke atas akta ini tanpa kita meminda Akta Syarikat 1965 itu bermakna kita akan- pertubuhan ini akan dibenarkan untuk menubuhkan satu syarikat di bawah akta yang tidak ada, tidak wujud. Jadi ini satu perkara yang saya rasa mungkin terlepas pandang ataupun saya tidak tahu apa rasionalnya pihak kementerian merasakan bahawa masih mengekalkan Akta Syarikat 1965 ini.

Jadi ini mungkin satu pindaan yang saya rasa mungkin perlu dibuat, itu yang pertama dari satu sudut, sudut teknikal lah. Kedua, saya juga ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri apakah rasional membenarkan atau memberi kuasa kepada pertubuhan untuk menubuhkan atau mengambil syarikat ini? Saya merasakan bahawa *social security organization* ini ataupun badan-badan yang terlibat dengan keselamatan sosial ini yang telah kita *design* pertubuhan itu adalah untuk tujuan-tujuan tertentu.

Dalam kes yang melibatkan sama ada EPF kah, SOCSO kah ataupun PERKESO ataupun melibatkan KWAP ini ia adalah syarikat-syarikat ataupun pertubuhan-pertubuhan yang kita tubuhkan untuk tujuan tertentu. *Basically* tugasnya ialah ambil duit daripada majikan dan juga pekerja masuk dalam satu dana dan digunakan dana itu untuk memastikan apabila ada tuntutan dibuat oleh pekerja dapat menolong pihak pekerja.

Apabila kita mula *diversify*, dengan izin kita lencongkan matlamat pertubuhan ini kepada buat benda-benda yang mungkin bukan kepakaran pertubuhan itu dan bukan sebenarnya bertujuan falsafah pertubuhan ini ditubuhkan. Jadi ini akan menyebabkan mungkin nanti kalau ada masalah saya khawatir duit-duit yang caruman ini akan digunakan untuk menolong syarikat-syarikat ini. Akan berlaku *bailout* pula.

Jadi saya minta supaya kalau boleh seksyen 74A ini dibuang sama sekali. Tidak perlulah kita bebankan SOCSO ini ataupun PERKESO ini dengan satu tugas yang bukan peranannya. Contoh mengambil alih syarikat, dia mengatakan mengambil alih syarikat apa-apa syarikat, kalau syarikat yang rugi adakah dia kena ambil alih juga. Kalau ada arahan daripada Menteri suruh ambil syarikat sebab dalam akta ini peranan Menteri begitu luas.

Bukan sahaja Menteri definisi Menteri walaupun definisi Menteri dalam seksyen 2 melibatkan Menteri Sumber Manusia tetapi dalam akta ini juga ada dalam seksyen-seksyen yang tertentu melibatkan Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan juga berkuasa. Jadi kalau ada satu arahan daripada Menteri tolong ambil alih syarikat ini, pulihkan syarikat ini, gunakan duit daripada caruman ini, jadi ini sudah tentulah akan mengakibatkan *safety of the money* itu sendiri boleh terdedah kepada risiko.

Jadi saya mengharapkan Menteri, kalau boleh tolonglah buang seksyen 74A ini tidak perlu adalah. Mungkin bukan belum masanya untuk kita menggunakan ini. Berdasarkan *track record* sebelum ini kita melihat bagaimana wang-wang amanah ini digunakan, disalahgunakan untuk *bailout*. Jadi kita mempunyai sebab yang kukuh untuk meragui kewujudan seksyen-seksyen seperti ini yang bagi saya satu macam kita bagi *blank cheque* untuk mereka buat sesuatu. Jadi saya harap sangatlah supaya seksyen ini dipinda.

Kita tahu bahawa beberapa pindaan ke atas beberapa seksyen dalam pindaan ini adalah mesti tidak dapat duit. Kalau dahulu hendak dapat duit tambahanlah. Memang kita tahu sekarang kerajaan dalam keadaan kekurangan duit. Kalau dahulu kalau daripada RM3,000 kita naikkan RM4,000 jadi maknanya kalau dahulu tidak *employee* yang bergaji RM3,000 ke atas tidak wajib sekarang ini kita seolah-olah wajiblah walaupun jumlahnya telah pun dihadkan kepada RM4,000 dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000.

Maknanya walaupun dia pendapatan RM5,000 pun dia hanya berhak untuk bayar sekadar RM4,000. Akan tetapi yang saya ingin tanyakan kepada Menteri ini selalu yang banyak *complaint* berdasarkan pengalaman kita buat kes dan juga berdasarkan *complaint complaint* sama ada kita sebagai wakil rakyat ataupun sebagai peguam kah yang mereka selalu keluh adalah hendak dapat duit balik dalam keadaan-keadaan mereka susah.

Kita tidak mahulah SOCSO ini ataupun PERKESO ini menjadi seperti bank. Bank ini ada satu pepatah orang kata dia bagi payung masa tengah panas. Tengah waktu panas-panas ini dia bagi payung, bila hujan dia ambil balik payung itu. Maknanya dalam keadaan orang tidak perlukan payung mungkin dia bagi payung tetapi dalam keadaan orang memerlukan payung ketika itu dia ambil balik payung. Ini selalu yang orang gunakan perumpamaan kepada bank. Yang Berhormat Shah Alam macam hendak bangun sahaja. Yang Berhormat Shah Alam minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Shah Alam minta mencelah ya, jangan berucap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Sepang dengan segala sarkasme nya.

■1440

Saya sebenarnya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Sepang lah ya, hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, tidak boleh fasal saya mencelah, pindaan ini setakat mana yang telah dijelaskan. Adakah ianya hasil daripada permintaan masyarakat bekerja yang selama ini mendapat pendapatan melebihi RM3,000 ataupun RM4,000 dan tidak dibenarkan mencarum dengan PERKESO.

Maka atas sebab selama ini mereka tidak dapat mencarum, maka mereka meminta supaya pindaan ini dilakukan kerana mereka ingin mencarum kerana didapati bahawa PERKESO itu telah memberikan satu khidmat dan perlindungan yang baik, yang mereka tidak dapat menikmatinya ataupun adakah ia hasil daripada satu usaha seperti mana yang telah seolah-olah disebut oleh Yang Berhormat Sepang oleh sebab hendak dapat duit lebih iaitu selama ini tidak perlu dibayar, maka sekarang ini kita hendak supaya dia orang pun juga bayar walaupun dengan kadar yang seperti mana yang disebutkan dan dengan itu maka jumlah kutipan itu bertambah.

Sedangkan bukan atas permintaan mereka. Ini saya rasa perlu dijelaskan, adakah ini hasil daripada permintaan daripada pekerja-pekerja yang selama ini tidak bayar, mereka inginkan ataupun adakah ia hasil daripada keinginan PERKESO untuk mendapat duit yang lebih. So, satu perkara yang mungkin ada dia punya sejarah kah, latar belakang dia yang perlu diperjelaskan. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Sepang, sikit Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik mendengar pandangan daripada Yang Berhormat Shah Alam dan juga Yang Berhormat Sepang tadi, soal kita punya kumpulan sasar yang akan mendapat manfaat daripada pindaan ini. Misalnya sekarang ini kita semua sedia maklum bahawa negara berhadapan dengan masalah ekonomi yang lembap dan kita menyaksikan ramai rakyat di luar sana yang pada ketika tahun lepas misalnya bekerja tapi mungkin tahun ini sudah hilang pekerjaan.

Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat Sepang, apakah berdasarkan pandangan beliau, apakah pindaan ini meluaskan perlindungan kepada kelompok masyarakat dalam kategori ini. Maknanya mereka diberhentikan kerja, selain daripada *unemployment benefit*, dengan izin yang mereka dapat boleh daripada syarikat-syarikat masing-masing, apakah kerajaan mempunyai satu sikap untuk mengemukakan yang sekarang ini saya percaya Yang Berhormat Menteri juga maklum satu sistem dipanggil *unemployment insurance system*, yang tentunya bertujuan untuk membantu mereka yang hilang pekerjaan pada ketika ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Sepang kepada pelajar-pelajar kita di universiti yang sekarang ini bekerja *part-time*. Ramai yang bekerja separuh masa dengan syarikat-syarikat kerana untuk menampung perbelanjaan tetapi bila mereka balik ataupun pulang daripada bekerja, kadang-kadang berhadapan dengan kemalangan. Malah ada yang membabitkan nyawa. Kalau itu undang-undang sekarang, mereka yang bekerja *part-time* ini, kalau kita ikut *Civil Law Act*, dengan izin maka yang boleh keluarga mereka dapat ialah sekadar RM10,000 maksimum dan tidak boleh *claim* lebih dari itu lagi.

Apakah dalam kategori ini bagi meredakan masalah keluarga misalnya yang bergantung harap kepada anak-anak mereka yang belajar tetapi kemudiannya meninggal dan sebagainya. Apakah ada satu sistem *insurance* ataupun *coverage*, dengan izin dalam pindaan ini untuk membantu kelompok sasar begini dan kerana itulah saya fikir tujuan pindaan ini tentunya akan memberikan satu kelegaan kepada komuniti kerja di luar sana dan juga mereka yang bekerja *part-time* dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sebentar Yang Berhormat. Setiausaha Dewan, saya hendak dapat kepastian, ada *limit* tidak atau *time*. Tidak ada ya. Sila Yang Berhormat Sepang. Tidak ada *limit* masa Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *So I have free time ya.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada *ruling*, saya bimbang ada *ruling* sebelum ini yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua atau rakan saya. Ya. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan mungkin *sufficient time*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak respons kepada yang dikatakan oleh kedua-dua sahabat saya daripada Shah Alam dan Bukit Katil. Mengenai Yang Berhormat Shah Alam tadi, saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam itu betul *merit* dia sebab kita tidak jelas berdasarkan *explanatory* ini pun, *statement* ini pun tidak dinyatakan apakah sebenarnya, apa latar belakang dia dan mungkin juga, lagi pun tidak dijelaskan adakah telah ada satu perbincangan, telah ada satu mungkin pungutan suara dan sebagainya lah untuk menaikkan ini.

Secara rasionalnya lah kita nampak begini, memang saya rasa secara rasionalnya orang nampak naikkan ini untuk tambah duit. Sekali gus saya hendak jawab apa dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi, sebenarnya berbeza dengan KWSP ataupun Kumpulan Wang Amanah Pencen ini, akta ini dia bukan secara automatik bila kita carum, kita akan dapat wang itu sebab dia atas konsep *solidarity fund*. Macam persaudaraan lah.

Kita mungkin carum sampai kita mati pun, tidak dapat balik apa yang kita carum sebab dia bagi dia macam kita menolong orang lain, duit yang kita carum itu, kalau kita tidak sakit, kita mati dalam keadaan normal, tidak ada apa-apa yang perlu kita tuntutan, yang layak kita tuntutan, maknanya caruman kita itu akan digunakan tolong orang lain. Itu dia punya skim akta ini. Saya difahamkanlah. Jadi dalam keadaan begitu, memang tidak ada jaminan, cumanya baru-baru ini memang ada diperkenalkan boleh buat *loan* dan sebagainya, itu saya akan sentuh sebentar lagi.

Jadi saya merasakan bahawa apabila kita tidak ada *benefit* yang begitu, memang sedikit sebanyaklah, kita banyaklah, kita seolah-olah macam membebankan juga orang-orang yang mungkin tidak akan dapat apa-apa. Tapi secara prinsipnya saya bersetujulah mesti ada tolong-menolong antara satu sama lain. Tentang yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tentang pelajar yang kerja *part-time*. Saya rasa ini jelas dalam akta ini boleh kita tidak buat potongan sebab mereka adalah pekerja *part-time*, tidak *discover* oleh akta ini sebab *employer* dan *employee* di sini sebagai pekerja *part-time* tidak diwajibkan untuk mencarum.

Jadi dalam keadaan begitu sudah tentulah apabila kepada mereka, mereka tidak mendapat manfaat daripada akta seperti ini. Cuma tentang *Civil Law Act* itu, memang saya rasa ini mungkin bukan bidang kuasa Yang Berhormat Menteri ini sebab dia melibatkan isu yang agak sebenarnya memang perlu pindaan-pindaan tertentu sebab dalam kalau khususnya melibatkan kanak-kanak yang *accident*. Saya hendak terangkan sikitlah, dalam undang-undang sekarang ini bila seseorang kanak-kanak sebagai contoh *accident*, *the most* mereka boleh dapat adalah RM10 *thousand* seperti yang dikatakan Yang Berhormat Bukit Katil iaitu *bereavement*. *Bereavement* ini maknanya wang kasihan, sedih. Dia tidak akan dapat *lost of earning* dan sebagainya. Sebab apa, sebab tidak terpakai.

Begitu juga orang yang dah terlampau tua pun juga tidak dapat. Jadi itu mungkin satu perbincangan dalam akta yang lainlah. Tapi bagaimanapun saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menjawablah apa yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Bukit Katil ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi. Okey sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya tertarik dengan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Sepang berhubung dengan konsep di sebalik pembentukan PERKESO ataupun SOCSO ini iaitu *solidarity fund* dan ianya sebenarnya kalau tidak silap saya bertujuan untuk memberi perlindungan kepada golongan yang berpendapatan rendah kerana yang berpendapatan tinggi dianggap mampu untuk membeli insurans polisi sendiri dan inilah sebabnya kenapa selama ini mereka-mereka yang mempunyai ataupun mendapat pendapatan yang lebih daripada RM3,000, dia tidak payah mencarum dengan SOCSO.

■1450

Akan tetapi sekarang ini kita sudah ada sedikit perubahan dasar falsafah dia sudah berubahlah. Maknanya kita sudah kata bahawa semua kena bayar walaupun yang mampu untuk membeli insurans untuk hendak *cover* diri sendiri kerana perlindungan yang diberikan oleh SOCSO itu mungkin dia punya ganjaran ataupun pampasan dia tidak setinggi lalu. Orang yang ada duit dia boleh beli polisi yang lebih mahal dan sebagainya. Lalu di sinilah yang sekali lagi saya ulangi apa dia punya latar belakang dan kenapa tukar falsafah dia?

Adakah kerana sekarang ini sudah dapat gaji yang lebih, dia sudah tidak mampu hendak beli polisi insurans, dia orang yang minta supaya dia orang pun mencarum dalam SOCSO ataupun kerana SOCSO hendak duit lebih? Apabila sudah dapat duit lebih pula dari segi proses pembayaran dan sebagainya kita pun dengar banyak *complaint* seperti mana yang disebutkan tadi oleh ramai. Inilah yang menjadi satu perkara yang kira tidak senang untuk kita hendak main luluskan begitu sahaja. Kita minta Menteri memberi penjelasan dari sudut itulah ya. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya harap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam itu dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Kita pun tidak mahu nanti apabila kita menaikkan *threshold* itu daripada RM3,000 kepada RM4,000 maknanya sekarang ini apabila gaji RM4,000 ke atas, maknanya gaji RM3,000 kena bayar RM4,000 pun kena bayar. Akan tetapi bila gaji lebih RM4,000 dia punya tahap dia RM4,000 sahaja dikira potongan itu.

Jadi kita tidak mahu nanti mungkin ada suara-suara yang akan mengatakan ini satu pintu belakang untuk dapatkan duit dengan wujudnya pula seksyen 74A ini iaitu dengan pertumbuhan ini boleh menubuhkan syarikat, boleh mengambil alih syarikat, kita takut duit-duit itu akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang seperti itu. Jadi kita tidak mahu segala keresahan ini segala spekulasi ini mungkin akan menjadi kenyataan satu hari nanti. Kita berharaplah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan.

Tentang yang saya katakan tadi, konsep *solidarity fund* ini, jadi kita tahu bawah dalam berkaitan dengan akta ini ia ada kaitan dengan pekerjaan. Kita tahu bahawa baru-baru ini kerajaan telah membuat komitmen akan terus tandatangan TPPA. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, adakah Akta SOCSO ini juga telah dikaji semula, atau diarahkan untuk dikaji

semula bagi memastikan ia selaras dengan komitmen kita untuk menyertai TPPA? Kita tahu bahawa ada beberapa akta yang melibatkan pekerjaan ini akan dipinda dan saya tidak nampak pindaan yang ada sekarang ini pindaan yang atas TPPA itu. Oleh sebab kalau kita lihat sebagai contoh saya lihat antara permintaan daripada Amerika Syarikat untuk meminda *trade union* sebagai contoh, akta melibatkan *trade union*.

Kalau kita lihat banyak cadangan pindaan itu yang dirasakan bahawa akta itu tidak pro kepada *trade union*. Contohnya boleh tolak permintaan untuk tubuh *trade union*, dia kata untuk menghalang pintu mahkamah untuk *challenge* keputusan *registrar* dan sebagainya. Semua pindaan dan *provision* mengenai *Trade Union Act* telah diminta itu dipinda.

Dalam akta ini ada beberapa peruntukan yang saya ingin tanya kepada Menteri walaupun tidak dinyatakan dalam pindaan ini. Sebagai contoh ada akta ini yang menyatakan bahawa kalau melibatkan *dispute* ataupun pertelingkahan mengenai layak tidak layak orang ini, adakah dia *employer* ataupun *employee*, layak tidak layak menerima SOCSO ini. Dia kata kuasa ini kuasa *Board* sahaja, tidak boleh ada *Civil Court* tidak ada bidang kuasa langsung. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apabila kita dengan izin, *oust the jurisdiction of the court*, katakanlah keputusan yang dibuat oleh *Board* ini mungkin tidak menepati prinsip-prinsip undang-undang. Jadi kalau kita hendak merayu tidak ada kuasa, dia kata tidak ada sebut tidak boleh merayulah.

Akan tetapi kita hendak *challenge* itu bukankah apabila kita hendak *challenge* keputusan *board* itu, kita dengan sendirinya juga membawa mahkamah untuk turut sama *interpret* keputusan. Jadi sedangkan kuasa mahkamah telah ditutup. Jadi saya hendak tanya, bagaimanakah kita hendak *reconcile* perkara ini, ataupun bagaimanakah kita hendak berhadapan dengan perkara ini?

Seterusnya ada satu peruntukan juga dalam akta ini berkaitan dengan surcaj di mana tadi dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Sekijang yang menyatakan bagaimana wujudnya keadaan di mana terlebih bayar ataupun bayar kepada orang yang mungkin tidak layak untuk menerima *benefit* itu. Di dalam undang-undang ini menyatakan bahawa boleh dikenakan surcaj kepada pekerja yang bekerja di dalam PERKESO ini. Di dalam kategori-kategori tertentu mereka dikenakan surcaj.

Persoalan saya, saya hendak tanya berapakah jumlah bayaran surcaj yang telah pun dikutip oleh PERKESO? Berapa ramai yang telah dikenakan dan kalau mereka dikenakan ini apa *basically* kesalahan mereka terutamanya? Adakah kita merasakan bahawa apabila kita kenakan kepada *employer* atau *employee of the PERKESO* ini, adakah adil kalau kita menggunakan individu seseorang? Saya merasakan bawah ia adalah merupakan satu keputusan *collective* sebab saya tidak yakin seseorang individu itu boleh membuat keputusan berseorangan begitu. Dia mesti ada, contohnya kalau dia hendak buat keputusan hendak bagi duit ini, dia mungkin rujuk kepada ketua dia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap ya, Yang Berhormat Shah Alam. Jadi bermakna kita kluar hanya dengan izin *small fish* yang dikenakan. Akan tetapi apabila ada *big fish* dalam pertubuhan itu mungkin terlepas. Jadi saya hendak tanya berapa ramai yang telah kena surcaj ini? Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Apabila dikenakan surcaj kepada orang yang membayar pekerja PERKESO yang membayar kepada orang yang tidak layak terima, ini akan menjadi satu penghalang kepada membuat pembayaran. Maka sekarang ini orang sudah banyak *complaint*, dia tidak dapat sedangkan dia sudah mencarum, tiba-tiba dia kena kemalangan dan tidak dapat. Dengan adanya surcaj ini, ini akan menyebabkan pegawai PERKESO itu lagi berhati-hati seboleh-bolehnya tidak mahu bayar kerana takut tersilap bayar.

Sepatutnya selain daripada kalau hendak dikenakan surcaj pada orang yang tersilap bayar, tidakkah sepatutnya ada sejenis penalti surcaj ke atas mereka yang tidak bayar kepada orang yang layak. Kalau tidak bagaimana pandangan Yang Berhormat Sepang ya, kalau tidak orang akan ambil jalan mudah, lagi baik tidak bayar.

Kalau bayar silap-silap tengok aku kena surcaj sedangkan matlamat dan tujuan di sebalik penubuhan badan ini ialah untuk membantu orang. Saya berpengalaman walaupun ringkas di luar negara, di UK. Cara mereka bayar dahulu selepas itu mereka akan siasat tengok ada penipuan ke tidak dan sebagainya. Akan tetapi dia punya semangat kita di sini untuk hendak tolong orang yang sudah ditimpa sesuatu musibah ataupun malapetaka. Dia takut orang yang layak dinafikan. Akan tetapi kita nampak macam di sini kita lebih takut beri kalau boleh jangan beri, sila-silap kena surcaj. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Jadi itu pun satu-satu yang saya rasa perlu Yang Berhormat Menteri jawab. Cuma apabila Yang Berhormat Shah Alam memberikan contoh di negara-negara yang maju dan moden, memang mereka lebih - saya rasa sistem di sana boleh kekal dan *survive* sebab adanya dipanggil *trust*.

Trust, kepercayaan itu, maknanya lingkaran kepercayaan itu begitu kuat, dia telah *embedded* dalam *society* itu. Oleh sebab itu dia boleh perkenalkan sistem yang dia tahu orang tidak akan salah gunakan. Sebagai contoh kita tahu kalau kita pergi ke UK, atau negara-negara barat kita konsep *khayar (option)* kalau kita beli satu barang, lepas itu dalam dua tiga hari kita rasakan barang itu ada kerosakan kita pulang balik barang itu, dapat balik duit.

Dengan mereka, langsung tidak ada periksanya, kita salah. Tetapi mereka kata bila pelajar-pelajar Malaysia pergi sana, ada juga yang salah guna. Dia dah pakai, dia dah *boring*, dia pulang balik dan dapat duit sahaja.

■1500

Jadi sistem begitu, dia akan boleh kekal, boleh berjaya kalau ada *trust*, ada kepercayaan. Tetapi saya merasakan dalam negara kita ini, kepercayaan itu sudah tunggang terbalik sudah. Hendak *trust* macam mana kalau tengok kerajaan pun mereka tidak *trust*? Dia tengok orang atas

pun buat lebih teruk. Macam ada seorang jumpa saya dia kata, “*Yang Berhormat, saya pernah complaint dengan orang, saya parking kereta, saya punya CD itu...*”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, tidak sudi menghadap ke saya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan takut, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menghadap. Saya tidak ada apa-apa perasaan ke atas, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya perasaan dendam itu tidak ada. Perasaan sayang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab, saya tengok daripada awal tadi tidak tunjukkan muka.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *No.* Tuan Yang di-Pertua, jangan bersangka begitu. Tidak begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya ikut peraturan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I am profesional.* Biasa macam itu. Kalau kita bertengkar pun kerana *law, nothing to do with* perasaan. Saya tidak macam Yang Berhormat Tenggara, semalam kata lain, hari ini lain ya. Tuan Yang di-Pertua kacau *floor* sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab saya hendak sekat daripada jauh melilau itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, tidak. Saya nak cerita Tuan Yang di-Pertua, sebab dia ada kaitan. Tuan Yang di-Pertua, ini di peringkat dasar, Tuan Yang di-Pertua kena bagi lebih sikitlah. Tadi apa dia punyai itu? *Trust.* Okey.

Bila saya *complaint*, kata saya punya ini hilang dalam kereta, dia kata, “*Apalah pelik, Yang Berhormat? Sekarang ini kalau enjin kapal terbang boleh hilang, apa masalah ini?*” Jadi, orang sudah jadikan bahan *joke*. Katakan ada polis yang rasuah RM100, dia kata RM100 kena ambil tindakan, kalau yang RM2.6 bilion tidak kena. Jadi, orang merasakan—sebab itu orang kata... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Manusia ini ikut apa yang pemerintah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Sepang, sikit sahaja Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang bangun. Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Sepang cerita yang tadi itu dimaksudkan cerita yang kes dekat *Penangkah* apa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tidak, yang dimaksudkan tadi itu yang ada tindakan apa semua itu, adakah maksudkan kes yang dekat Pulau Pinang kah apa suruh ambil tindakan segera terutamanya berkaitan dengan SPRM ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Sekijang ini nak kena. Nanti terduduk tidak boleh bangun-bangun. Yang Berhormat Sekijang, di *Penang* ini tidak sama dengan RM2.6 bilion. Itu jauh sangat. “*Macam langit dengan bumi*”.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Dia bukan tentang RM2.6 bilion. Kita cerita pasal tadi yang banglo itu. Itu sahaja, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada juga yang samakan *Penang* dengan Khir Toyo. Lainlah. Jauhlah. Kecualilah kita tidak faham kes *Khir Toyo is all about*, mungkin kita akan kata samalah.

Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Sepang, cuba cerita kes Khir Toyo macam mana, Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Cerita Khir Toyo ini— tidak apalah, saya tidak mahu ceritalah. Tapi, tahniahlah kepada Khir Toyo dapat parol. Enam bulan dia masuk, okeylah itu ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mana okey?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi saya hendak katakan, *trust* itu mesti kita bina dulu untuk kita memastikan bahawa segala permintaan seperti dalam kes seperti ini, kata Yang Berhormat Shah Alam, orang takut sekiranya mungkin hendak luluskan sebab dia rasa kalau tersilap, dia mungkin akan kena surcaj. Ini kerana dalam seksyen 59U akta ini mengatakan kalau ada *improper payment*, dia mungkin boleh dikenakan surcaj. Akan tetapi yang saya hendak tanya tadi, butiran-butiran yang saya katakan tadi, kes yang macam mana yang biasa dikenakan surcaj ini? Ya, silakan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang dan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Sepang, saya ada dua soalan. Satu, berkait dengan pindaan 72A dan juga berkait dengan 74A. Kedua-dua itu adalah berkenaan *financing and take over*.

Kalau kita baca seksyen 72A dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati seksyen 72A, “*Principal Act is amended in the shoulder note, by inserting after the word “loans” the words “or other financing facilities”*”. Ini bermaksud bahawa pegawai-pegawai yang berkenaan boleh mendapat bukan sahaja pinjaman tetapi juga boleh mendapat *other financing facilities*. Itu satu. Saya hendak mendapatkan pendapat, Yang Berhormat, apakah *financing facilities*? Haruskah SOCCO sebenarnya memberikan kemudahan seperti itu?

Kedua, kita nampak seksyen 74A. Saya baca Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris. “*Power of the Organization to establish or take over companies.*” Kalau kita baca dalam 74A, “*The organization may, with the approval of the Minister and the Minister of Finance, establish or take over any company under the Companies Act 1965 [Act 125] to carry out,*

administer, conduct and manage any project, joint venture, privatization programme...” dan sebagainya.

So soalan saya dan juga meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang ialah bukannya ini lari daripada tujuan SOCSO ditubuhkan? Sekarang kita dapati pekerja SOCSO sekarang di*expended* untuk *take over and this is allowed for conflict of interest* dan juga mungkin ada isu-isu ketelusan dan juga isu-isu berkait dengan kerajaan hendak ambil alih, *bailout companies. This raises such question*, Yang Berhormat Sepang. Minta pandangan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Klang. Yang *second question* itu saya telah pun sebut tadi. Maknanya yang ini kekhawatiran kita. Maknanya apabila kita benarkan tubuhkan syarikat ini – selepas itu syarikat pula tubuhkan bawah undang-undang *company* yang lama, yang mungkin akan dibatalkan sebentar lagi. Jadi ini pun satu perkara yang memang saya harap Yang Berhormat Menteri juga dapat memberi jawapan.

Cuma tentang pindaan ke atas seksyen 72A, untuk makluman semua, bahawa seksyen 72A ini lebih kepada *loan* bukan untuk *insured*, untuk orang-orang yang mencarum tetapi 72A ialah pinjaman ke atas *officer* ataupun pekerja PERKESO. Jadi sekarang dia telah lanjutkan daripada *loan* kepada juga fasiliti yang lain. Jadi ini pun satu perkara yang mungkin saya harap Yang Berhormat Menteri pun boleh jelaskan kenapakah di*extend*kan sebegitu rupa dan perkataan '*financing facilities*' juga tidak diterjemahkan dalam seksyen 2 akta itu. Jadi ini mungkin kita telah meletakkan begitu luas maksud *financing facilities* ini apatah lagi dia bukan diberikan kepada *insured*.

Akan tetapi kalau kita lihat dalam *website* SOCSO ini, dia mengatakan bahawa memang *loan* boleh diberikan kepada mereka yang mencarum ini. Akan tetapi apa yang berlaku selalunya dalam banyak keadaan, orang membuat aduan mengatakan janji-janji itu memang manis tetapi bila tiba hendak mohon itu, pelbagai birokrasinya.

Saya akui konflik ataupun dilema yang dihadapi oleh pihak PERKESO. Ini kerana kalau kita lihat amalannya sekarang pun, bila hendak buat *loan*, PERKESO akan minta syarat kena ada *guarantor* (penjamin). Sudah tentulah penjamin ini kalau hendak jamin— secara mudahnya, orang yang buat *loan* ini orang-orang susah, orang yang pendapatannya tidak kukuh. Penjamin ini pun kalau dia hendak menjamin orang-orang yang dapat pinjaman, dia pun hendak memastikan dia jamin orang yang kukuh kewangannya. Kalau orang ada RM2.6 bilion contohnya, contoh, dia pinjam *loan*, memang orang berani jamin sebab RM2.6 bilion. Mungkin jadi penjamin dapat pula *10 percent*. Contoh. Tidak ada kena mengena dengan orang mati ataupun hidup, RM2.6 bilion ini. [Disampuk] Bukan mengata orang. Saya cakap contoh.

Okey. Tapi kalau dalam keadaan kita hendak arahkan supaya peminjam ini perlu cari penjamin, saya kesian nanti kalau sekiranya orang gagal bayar hutang ini, penjamin yang akan jadi mangsa pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi, Yang Berhormat Sepang? Panjang lagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kata *free time*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya lihat beberapa nota juga diberikan oleh rakan lain yang ingin berucap juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, okey. Dalam lima minit lagi ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi dalam keadaan begini, saya hendak tanya, bolehkah kalau kita dengan izin, *dispense with* penjamin ini? Kalau orang-orang kaya boleh buat pinjaman, kerajaan *guarantee*, 1MDB buat pinjaman, *guarantee* kepada *government*, tetapi orang-orang susah ini hendak buat pinjaman terpaksa cari penjamin. Penjamin mana yang berani hendak bagi jaminan. Mereka pun takut kalau apa-apa berlaku nanti, dia yang kena saman. Apatah lagi bila kena saman ini, mungkin tidak akan disaman peminjam, dia akan saman penjamin sahaja. Kalau melibatkan RM30,000 ke atas, dia mungkin boleh dikenakan bankrap pula. Jadi ini adalah masalah yang *real*.

Jadi saya harap kalau bolehlah isu jaminan ini kalau boleh dalam kes-kes yang sewajarnya, tidak perlulah kita kenakan syarat itu sebab kalau kita kenakan syarat itu, saya khawatir orang yang betul-betul perlukan pinjaman ini mungkin tidak akan dapat duit itu kerana gagal mencari penjamin.

■1510

Jadi, ini satu yang *real* dan saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan. Yang akhirnya, saya hendak tanya berkaitan dengan kita hendak buang ataupun kita hendak ketepikan wakil Bank Negara dalam dipanggil *investment panel* atau pun panel pelaburan. Nampaknya sudah satu-satu dibuang. Jawapan standard yang diberikan adalah permintaan daripada Bank Negara. Saya tidak pastilah dalam kes yang melibatkan pihak PERKESO ini berapa banyak wang yang telah dilaburkan? Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri bagi satu butiran berapakah wang yang telah dilaburkan dan saya hendak *detail* Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak jawab, bagi jawapan bertulislah tetapi mesti bagi jawapan iaitu apakah syarikat-syarikat yang telah melabur?

Kedua, pelaburan itu di manakah dia punya *benefit*? Berapakah keuntungan yang dapat? Kalau rugi macam Tabung Haji melabur di syarikat roti rugi. Rugi berjuta-juta. Bila rugi berjuta-juta, tipikal dekat Malaysia ini tidak ada langsung siasatan, tidak ada langsung *accountability*. Rugi berjuta tetapi tidak ada apa-apa tindakan? MAS rugi tidak ada apa-apa tindakan. Buat akta baru, selamatkan MAS. Jadi, saya tidak mahu budaya itu juga timbul dalam PERKESO ini sebab kita melibatkan wang rakyat ini. Wang orang miskin.

Jadi, saya hendak tanya kalau ada wang kita yang telah dilaburkan telah buat kerugian dalam pelaburan, adakan ada siasatan telah dibuat? Lepas itu, oleh kerana dia juga mungkin melibatkan pencarum-pencarum orang Islam, adakah kita memastikan syariah *compliance* betul-betul diikuti sebab kita tidak mahu nanti wang-wang yang dilabur itu mungkin ada unsur *gharar*, unsur *uncertainty* yang melibatkan hukum halal dan haram ini. Saya hendak tanya adakah telah *divide* betul-betul, telah dipastikan semuanya ini tidak melanggar atau pun tidak syariah

compliance. Jadi, saya harap segala apa yang saya bangkitkan ini Yang Berhormat Menteri dapat jawab dan memberikan jawapan yang betul-betul jujur, telus dan memuaskan hati. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu.

3.12 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak lebih kepada caruman itu sahaja. Saya berlegar ke arah itu sahaja, tidak lebih daripada itu. Mencarum ini biasanya tidak payah gunakan feng shui. Feng Shui kalau hendak beli rumah. Feng Shui ini biasanya lah, begitulah sebab mencarum ini benda yang baik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Setiu pakai feng shui kah?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya? Kenapa, rasa panaskah Yang Berhormat Shah Alam? Belum bercakap lagi. Saya sentuh dengan fasal 2 itu, pindaan. Pasal caruman. Kita lihat dahulu apa sebenarnya tugas PERKESO ini. PERKESO ini hanya dia melaksanakan apa yang di bawah akta itu sendiri. Di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini bermakna PERKESO yang diamanahkan. Bermakna, bukan benda itu datang dari dia sendiri, bawah PERKESO sendiri. Dia hanya melaksanakan dan juga menguatkuasakan. Dia banyaklah benda-benda yang dilaksanakan itu dari segi rawatan, perubatan percuma, itu yang biasalah. Kemudahan pemulihan jasmani, vokasional dan sebagainya.

Bagi yang ada kena mengena dengan akta kita hari ini ialah mengenai dengan faedah kewangan kepada pekerja sekiranya mereka mengalami hilang upaya atau pun hilang keupayaan terus akibat kemalangan sebagainya dan juga mengidap penyakit yang menyebabkan mereka ini kurang upaya atau pun tidak upaya langsung. Di bawah akta ini juga melindungi pada keluarga yang ditanggung oleh ahli itu sendiri yang telah meninggal dunia. Fokusnya saya akan ke arah itu ya.

Apa yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan apa yang diuruskan oleh PERKESO ini. Perkara yang diuruskan adalah berkenaan dengan yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang ini tadi, *solidarity fund* itu tadi. Dia sebenarnya pada dasarnya caruman yang dibayar kepada PERKESO ini sebenarnya adalah caruman kepada *solidarity fund* tadi. Dia melalui caruman, semua pekerja dia kena berkongsi risiko yang sama. Maksud saya, bermakna semua pencarum tadi dengan rela hati membenarkan PERKESO menggunakan wang dalam *fund* tadi untuk membayar faedah kepada pekerja yang disebut hilang upaya ataupun yang kurang upaya tadi dan juga kepada ahli tanggungan yang dikatakan meninggal dunia tadi.

Mungkin kalau kita lihat pekerja yang mencarum tadi, dia merasakan bahawa kalau dia tidak dapat, mungkin ada juga perasaan tersebut. Maknanya dia rasa kalau dia tidak terlibat kemalangan maknanya dia tidak dapat apa-apa. Jadi, sebenarnya kalau kita ikut prinsip ini sebenarnya rela hati tadi lebih kepada saham. Saham dunia dan juga saham akhirat. Macam

kita membantu orang lain, itu adalah sangat penting. Mungkin saya boleh buat satu cadangan kalau ada lebih dalam *fund* tersebut, kalau mereka bersara, kalau mereka tidak pernah menerima tetapi mereka bersara, kita mungkin boleh bayar sedikit token untuk bagi perangsang kepada yang lain-lain. Kepada mereka yang berpendapatan lebih daripada RM3,000 maknanya ramai akan pergi mencarum.

Jadi, saranan tersebut saya rasa elok kita buatlah. Kalau tidak mungkin kita akan menyekat ataupun tidak memberi rangsangan. Bukan rangsangan lain lah, rangsangan dari segi mencarum ini. Jadi, eloknya kalau kita buat sesuatu, pinda undang-undang dan sebagainya. Jelaslah dalam fasal 2 ini memang jelas, maknanya pindaan dibuat tidak ada tidak bukan tujuan adalah sangat baik.

Daripada dihadkan kepada RM3,000 maknanya selepas itu juga boleh juga mencarum. Sebab kita kena ingat dibayar kepada *fund* ini untuk tujuan membantu. Maknanya kalau kita fikirkan kenapa diletakkan hadnya? Maknanya seolah-olah macam kita hendak minta macam Yang Berhormat Shah Alam sebut tadi. Seolah-olah macam kurangnya *fund*, hendak tambah *fund* lagi dan sebagainya. Saya rasa tidak begitu.

Kalau *fund* itu lebih, lebih baik kita bagi bantuan. Contohnya, dari segi kalau kita hendak lihat mungkin dari segi kesamarataan kita hendak sebut. Maknanya dalam *replacement of income*. Kalau katalah seseorang itu yang mengalami kemalangan dan sebagainya ataupun yang meninggal dunia apa yang kita hendak bagi? Setakat mana kita hendak bagi itu? Maknanya seolah-olah macam kita menggantikan, kita menggantikan hampir kepada pendapatan yang asal. Ini perlu dilihat. Kalau kita banyak *fund*, lagi banyak kita boleh bagi. Ini sangat penting kepada saya.

■1520

Jadi, cuma sedikit persoalannya jumlah itu, bagaimana cara ditentukan jumlah? Ini soalan saya kepada pihak kementerian. Apakah kriteria yang diambil untuk menentukan bayaran tersebut? Selain itu kalau katalah kalau kemalangan yang biasa patah dan sebagainya, kurang upaya mungkin kita boleh tentukan, tetapi katakanlah dalam keadaan yang memang lumpuh dan sebagainya, apakah kriteria pembayaran? Sampingan makna kalau lumpuh, mungkin kena pakai *pampers* dan sebagainya, apakah kriteria yang diambil untuk pembayaran yang dikatakan sebagai *replacement of income* tadi? Itu yang saya cuba sentuh.

Dalam persoalan saya juga, apa sebenarnya usaha pihak kementerian? Ada atau tidak usaha daripada pihak kementerian...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Sekijang hendak mencelah. Dia hendak bagi lima 'ha'...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan *Maharaja Lawak* Tuan Yang di-Pertua, ini Dewan Rakyat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu ada sebut tadi tentang pembiayaan kepada mereka yang

mendapat pampasan ini. Maksudnya mereka kadang-kadang sakit, ada yang kena pakai *pampers* dan sebagainya.

Setuju tidak Yang Berhormat kalau kita cadangkan kepada pihak kementerian, mana-mana mereka yang mendapat pampasan daripada PERKESO ini jika ia dilihat dalam keadaan kurang upaya dan sebagainya ini, kita minta pihak kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya dapat daftarkan terus mereka ini di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mereka menerima bantuan secara bulanan.

Saya rasa ini lebih baik kerana selain dapat pampasan secara *one-off* tadi, mereka boleh diberikan bukanlah pendapatan tetapi bantuan secara bulanan untuk menggantikan pendapatan mereka yang telah tiada tadi itu. Apa pandangan daripada Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima bintang, pandangan baik.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Pandangan memang baik dan saya masukkan dalam ucapan saya, tetapi sedikit saya hendak ulas. Sebenarnya kalau mengikut akta ini, ahli yang kurang upaya atau upaya akan dapat, bayaran akan dapat. Begitu juga keluarga yang suaminya meninggal, juga akan dapat.

Jadi kita lihatlah kalau pendapatan itu tidak berpanjangan, kalau ditentukan RM10,000 atau RM20,000, yang untuk kalau kematian itu mungkin dia boleh hampir kepada persaraan dia. Kita lihat *income* itu dahulu. Kalau *income* itu maknanya perlu kita rujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya rasa itu adalah jalan terbaik untuk menentukan pendapatan dia tidak terjejas. Apa yang penting, akta ini juga untuk menentukan supaya pendapatan setiap ahli yang terlibat kemalangan ataupun yang kematian adalah tidak terjejas sama sekali. Ini sebenarnya kebaikan akta yang kita buat.

Akhirnyalah, soalan saya kepada pihak kementerian. Sebenarnya apabila kita mencarum, tidak semestinya maknanya kita kena fikirkan akan ada kemalangan. Ada tidak usaha untuk kita cuba mengurangkan kemalangan terutama di tempat kerja ini? Kalau ada mungkin kemalangan sifar, kita bagilah apa-apa latihan dan sebagainya. Selain itu, ada tak usaha untuk kita memupuk satu budaya hidup, budaya sihat supaya mereka tidak mengalami sakit dan sebagainya? Ini mungkin kita nampak agak lari sedikit tetapi pada saya, ini sangat penting kita mendidik supaya cuba elakkan daripada kemalangan dan sebagainya dan sakit. Sakit hendak datang itu memanglah kita tahu bukan kerja kita, tetapi mungkin ada cara-caranya di pihak kementerian.

Akhirnya, Presiden MTUC tidak ada hari ini? Ada? Mana presiden? Timbalan. Jadi mintalah kepada timbalan, kalau ada sesuatu yang tidak puas hati dengan akta ini, jangan adakan piket. Sebelum ini ada buat, tidak puas hati dan hari ini kalau boleh janganlah ada piket dan yang lain-lain pun kalau hendak adakan apa-apa pun, tidak payah ada. Kalau hendak adakan. Okey, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Setiu, boleh? Boleh? Yang Berhormat Setiu, boleh? Sudah habis?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Hai, saya minta dengan apa saja. Tidak ada kena-mengena pun dengan lain-lain.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tanya soalan saja.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak kena dengan isu ini pun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Ketawa]* Boleh atau tidak boleh? Habis sudah?

3.26 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja dengan ayat Al-Quran daripada Surah Al-Zukhruf Ayat 32, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Kami telah bahagikan di kalangan mereka itu kehidupan yang berbagai-bagai atas dunia ini dan Kami angkat darjat di kalangan mereka di antara satu dengan yang lain*”. Artinya ialah Allah Taala jadikan atas dunia kehidupan kita tidak sama. Kalau semua di kalangan kita semuanya menjadi majikan, siapakah pula yang akan menjadi buruh ataupun pekerja? Kalau semuanya orang kaya tidak ada orang miskin, maka waktu itu walaupun ada wang tetapi kita lihat wang tidak ada harga kerana barang tidak ada.

Maka, inilah kedudukan kita antara pekerja dengan majikan. Pada hari ini kita membicarakan berkenaan dengan hal kebajikan pekerja kerana ini merupakan suruhan dan arahan terutamanya dalam agama Islam, ia cukup mementingkan soal kebajikan berkenaan dengan pekerja. Pernah berlaku pada zaman Sayidina Umar Al-Khattab, apabila ada seorang yang datang. Majikan dia mengadu kepada Sayidina Umar berkenaan dengan barang dia dicuri oleh pekerjanya.

Maka Sayidina Umar tanya kepada majikan itu, berapa yang engkau bayar kepada pekerja kamu? Maknanya bayaran pada waktu itu tidak cukup. Sayidina Umar kata kalau sekali lagi kamu datang mengadu barang kamu dicuri oleh pekerja kamu, bukan pekerja mu yang aku hukum tetapi kamu yang aku hukum. Ini hendak menggambarkan tentang bagaimana pentingnya soal untuk kita menjaga kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bicarakan pada hari ini ialah berkenaan dengan lebih kurang konsep takaful ataupun insurans kepada pekerja dan sekurang-kurangnya perkara yang kita bincang ini menjadi satu peraturan yang wajib dipatuhi oleh majikan dan juga pekerja. Kebetulan kesedaran daripada kalangan masyarakat Malaysia ini untuk di dalam bidang takaful ataupun insurans agak rendah. Kalau kita melihat daripada segi Insurans Hayat Malaysia, cuma ada sedikit peningkatannya pada tahun 2015. Skim Perlindungan Insurans iaitu 1.24 trilion berbanding dengan tahun 2014, 1.17 trilion. Masih lagi rendah dalam jangkauan 6.2%.

■1530

Maka, apa yang kita bincang pada hari ini sekurang-kurangnya memberikan jaminan kepada pekerja-pekerja yang terutamanya dari kalangan mereka yang berpendapatan rendah.

Memang di kalangan orang yang berpendapatan rendah ini dari segi simpanannya pun kurang dan mereka lebih kepada cukup-cukup untuk mereka berbelanja. Akan tetapi, dengan adanya skim ini ataupun rang undang-undang ini yang wajibkan kepada mereka, mahu tidak mahu mereka kena carum.

Maka, ini merupakan satu jaminan kepada mereka untuk pada masa depan yang kita pun tidak tahu kerana masa depan ini berlaku sebab itu apabila kita masuk di dalam skim insurans ataupun takaful, maka sudah tentu kadang-kadang sesetengah orang kata tidak perlu masuk. Tidak perlu masuk itu ialah pada ketika dia tidak kena munasabah kerana kita yang di depan nanti kita tidak tahu apa yang akan berlaku. Maka, dengan adanya skim ini, sekurang-kurang dia memberikan sedikit jaminan kepada pekerja kita.

Di sini ada beberapa isu yang saya hendak bangkitkan dan walaupun ada disentuh sepintas lalu oleh rakan-rakan daripada wakil yang dibahaskan tadi. Pertama ialah berkenaan dengan walaupun kerajaan untuk sasarkan kepada semua pekerja dan kita harapkan juga berkenaan dengan mereka yang bekerja sendiri seperti pemandu teksi yang tidak mempunyai majikan itu perlu diambil kira dalam skim ini. Mekanismenya pihak Menteri dan pegawai kena bincanglah kerana ini soal untuk menjaga kebajikan masa depan pekerja kita.

Kedua, berkenaan dengan pindaan subseksyen 75A(2) untuk mengeluarkan wakil Bank Negara Malaysia daripada panel pelaburan. Saya harapkan perkara ini perlu dikaji balik kerana isunya ialah kerana kita tahu setakat sekarang ini kedudukan terutamanya daripada Gabenor Bank Negara dan juga dari kalangan mereka bekerja di Bank Negara mereka yang masih diyakini dalam dunia kewangan pada hari ini. Maka dengan sebab itu, untuk mengeluarkan wakil Bank Negara dalam jawatankuasa pelaburan ini perlu difikirkan semula.

Ini kerana sebelum ini kita lihat waktu Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri pindaan 2014 dan Akta Tabung Angkatan Tentera pindaan 1973 juga dicadangkan supaya pengguguran wakil daripada Bank Negara sebagai wakil panel pelaburan. Sekali lagi saya tegaskan sepatutnya wakil Bank Negara ini dikekalkan untuk kita hendak menjaga akauntabiliti sebuah pertubuhan pekerja yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu berkenaan dengan ketiadaan wakil Bank Negara kita hendak juga di sana adanya penasihat syariah di dalam panel pelaburan PERKESO kerana ramai sebahagian besar dari kalangan pekerja-pekerja ini ialah mereka juga dari kalangan orang-orang Islam yang perlu akan kepada soal mereka memikirkan di sana berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan soal halal ataupun berkenaan dengan haram. Maka, saya mencadangkan juga supaya panel syariah ini mesti dibentuk, tidak ada kerugian pun kerana terutamanya dalam dunia perniagaan pada hari ini bagaimana sistem kewangan diterima pakai di peringkat dunia hari ini.

Kemudian, yang keempatnya ialah berkenaan dengan berkaitan dengan tuntutan PERKESO. Kebanyakan beban dibebankan kepada pekerja untuk membuktikan yang dia itu sakit seperti mana yang disebut tadi kadang-kadang memakan masa yang lama sedangkan penderitaan dialami oleh pekerja. Saya mencadangkan supaya biarlah ada pemudah cara untuk

memastikan supaya rang undang-undang ini lebih kepada kita mesra untuk membela kepada pekerja dan kita yakin apabila pekerja sihat, pekerja dibela dan *insya-Allah* di sananya akan mencunya ekonomi yang baik akan membentuk satu [*Berucap dalam bahasa Arab*] negara yang aman makmur dan mendapat keampunan daripada Allah SWT, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

3.35 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pindaan yang dibawa ini ada dua perkara yang saya boleh terima ada dua perkara yang baik dan juga ada dua perkara yang saya ada keraguan. Perkara yang baik ialah dia memperluaskan perlindungan yang diberi oleh PERKESO. Pada masa ini, hanya pekerja yang dapat gaji di bawah RM3,000 yang boleh masuk jadi ahli pada PERKESO sekarang ini *threshold* itu dimansuhkan. Sekarang apa sahaja dia punya gajinya dia boleh masuk ke dalam PERKESO. Saya tengok ini satu yang baik untuk pekerja di Malaysia dan saya terima dengan penuh.

Pindaan seksyen 58 di mana (1A) menyatakan pertubuhan boleh mentadbir apa-apa rancangan keselamatan sosial yang lain. So, ini satu yang baik dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh bagi tahu sedikit apa rancangan keselamatan baru yang akan ditadbir oleh PERKESO. Saya rasa satu skim pemberhentian pekerja, *retrenchment scheme* amat perlu di Malaysia pada masa ini. Saya harap ini antara yang akan di bawah SOCSO jugalah. Ini kerana jika kita tengok di Malaysia setiap tahun kita ada 15 ribu sampai 20 ribu orang yang dihentikan kerja, pekerja yang dihentikan kerja setiap tahun.

Walaupun kita ada undang-undang Akta Pekerja, *Employment Act* yang menyatakan orang yang dihentikan kerja harus dibayar pampasan oleh majikan dia. Jika orang yang kerja lebih daripada lima tahun dia dapat 20 hari gaji setiap tahun kerja, untuk orang yang kerja di bawah dua tahun hanya dapat 10 hari gaji setiap tahun kerja. So, memang ada undang-undang.

Akan tetapi, masalahnya di Malaysia hampir satu per empat daripada pekerja yang dihentikan tidak dapat pampasan ini kerana syarikat-syarikat mereka mengatakan mereka sudah mufliis so mereka tidak dapat bayar. So, jika PERKESO boleh tadbir satu skim yang *handle* ini *one quarter* ini, satu per empat ini yang tidak dapat daripada skim yang sedang wujud oleh sebab syarikat mufliis, ini satu langkah di arah yang baiklah. Ini pun saya terima dengan penuh hatilah, *good addition*.

Saya harap Yang Berhormat Menteri juga boleh adakan satu *actuarial study*, di mana PERKESO kena tengok pada masa depan sekarang dengan hayat hidup, *life expectancy* di Malaysia bertambah orang di bawah *pension* ilat akan hidup lebih lama lagi. So, apakah jangkaan PERKESO dengan caruman yang sedia ada dengan dana yang sedia. Apakah *expectation* kitalah dalam 20 tahun daripada sekarang, 30 tahun jika kita ada banyak skim, skim

ini baik tapi adakah dia *sustainable*. Ini saya harap SOCSO jika boleh beri satu *paper* kertas putih *what is our scheme, apa yang coming in*.

Jika *life expectancy increase*, jika kita tambah sekarang 55, dulu orang boleh minta *pension* ilat sekarang sudah tambah ke 60. So, mungkin lebih ramai akan jadikan pencen ilat dan sekarang *life expectancy* Malaysia sampai ke 75 ke atas. So, ini semua saya harap SOCSO boleh buat satu *actuarial study* dan bentang di Parlimen, ini situasi di SOCSO kita mahu SOCSO ini berterusan, kita mahu SOCSO ini jadi satu dana yang stabil yang kuat kerana dia ada satu program yang baik yang harus diperkukuhkan, teruskan dikukuhkan.

Akan tetapi, ini dua perkara yang baiklah yang antara *threshold* dan juga skim yang baru. Akan tetapi, saya tidak dapat faham apakah rasional yang di bawah pindaan seksyen 71 dan 74A ini, ramai rakan saya pun sudah suarakan ini dan ini saya tidak dapat faham. Jika kita tengok dalam 71 yang sedia dia ini luas juga untuk keperluan SOCSO, saya baca daripada sini.

■1540

Kita SOCSO sekarang dalam akta yang sedia ada 71(ii), "*establishment and maintenance of hospitals, dispensaries and other institutions and the provision of medical and other ancillary services for the benefit of insured persons*". Jadi ertinya SOCSO memang ada kuasa sekarang untuk menubuhkan hospital kah atau klinik kah atau pusat *physio* kah. SOCSO memang ada kuasa itu. So, apakah perlunya SOCSO minta kuasa lagi untuk menubuhkan syarikat-syarikat dan apakah syarikat-syarikat selain daripada hospital, selain daripada *dispensary*, selain daripada *physio centre* yang SOCSO ingin tubuhkan? Ini satu keraguan.

What do we need this for. Memang akta ini yang sedia ada, ada kuasa, boleh buka hospital, boleh buka pusat-pusat rawatan *physio*, boleh. So, kenapa kita perlu syarikat dalam mengendalikan urusan projek usaha sama program penswastan, perusahaan, apa-apa perkara lain? *What are we asking for?* Jadi, saya khawatir jika fokus SOCSO ini *didilute* kepada perniagaan, *then* adakah ini *the right way to go* untuk PERKESO? [*Tepuk*] Ini satu soalan.

Satu lagi yang akhirnya yang saya ada keraguan adalah pindaan pada 75A. Dalam 75A yang sedia ini, ini *investment panel*, dengan izin, kita SOCSO mengatakan 75A(ii) *investment panel* ada beberapa orang. Antara orang-orang ini adalah satu *representative Treasury*, satu *representative* wakil daripada Bank Negara. Sekarang Bank Negara ini digugurkan daripada *investment panel*, panel pelaburan ini. So, apakah sebabnya kita hendak? Jika boleh, bolehkah atau tidak Menteri wujudkan satu seksyen baru dalam perenggan ini, bawa masuk dua orang wakil daripada kesatuan pekerja, dua orang wakil daripada MTUC untuk duduk atas *investment panel* untuk *oversee oversight* kerana sekarang pada masa ini jika tidak salah saya, dana PERKESO ini 25 bilion ke atas. 25 bilion pada masa ini.

So, bukan begitu besar sebagai KWSP tetapi besar juga. Oleh sebab dia ini dikutip daripada caruman pekerja-pekerja, apalah salahnya kita menguatkan suara pekerja dalam *investment panel* untuk semak dan imbang. So, ini saya rasa, saya haraplah Menteri boleh mempertimbangkan ini dan tengok, jangan gugurkan wakil daripada Bank Negara dan jika boleh,

masukkan dua orang wakil daripada pihak pekerja. Ini akan memperkasakan transparensi, keikhlasan, ketelusan dalam PERKESO.

Akhir sekali saya hendak bawa satu kes yang saya baru jumpa di Perak. Ini orang papa Krishnan a/l Muthian. Dia lahir pada tahun 1956. So, pada tahun 2013, semasa dia 57 tahun, dia pohon untuk *pension* ilat dan dia pergi kepada jemaah doktor dan dia diluluskan. Akan tetapi walaupun dia ada 25 bulan dalam 40 bulan sebelum dia pohon itu, jika kita ikut seksyen 17(2) dikatakan kriteria pemohon itu mesti ada sekurang-kurangnya 24 bulan daripada 40 bulan sebelum itu. Dia ada 25 bulan tetapi masalah untuk dia ialah sembilan daripada bulan itu adalah di carum semasa dia sudah sampai umur 25 tahun ke atas dan pada masa itu bila di carum, kita belum lagi pinda akta kita.

Kita masih ada 55 sebagai *cut of point*. So dia ini bila dia mencarum pada masa itu dia 55 tahun ke atas dia carum, hanya caruman untuk skim kemalangan sahaja. Skim keilatan tidak diambil daripada dia tetapi sekarang bila dia pohon untuk ilat, dia tidak cukup bulan dan dia telah ditolak. So, ini bukan salah dia, ini bukan salah PERKESO juga kerana undang-undang ditukar selepas itu. Jadi, bolehkah Menteri campur tangan dalam kes ini kerana dia sudah digagalkan atas *technicality* ini. Ini kerana walaupun dia carum, caruman dia hanya untuk kemalangan, bukan untuk keilatan *because* pada masa itu kita belum lagi luluskan pindaan untuk tukar daripada 55 tahun ke 60 tahun. So, ia tersangkut di situ. Harap Menteri boleh tengok isu ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

3.45 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan dengan membawa perhatian Dewan ini supaya peranan yang dimainkan oleh SOCSO yang mana ia menjadi satu organisasi yang sebagai satu *safety net* kepada pekerja-pekerja di negara ini. Bila ia dimulakan, ia bertujuan lebih kepada orang yang berpendapatan kurang tetapi sekarang nampaknya merangkumi semua pekerja di negara ini. Akan tetapi yang lebih mustahak adalah peranan yang dimainkan oleh SOCSO dan EPF. Pada asas dan polisinya *overlapping* perkara-perkara yang sepatutnya digabungkan.

Saya telah lebih sepuluh tahun dahulu telah mencadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya meneliti pandangan *expert* di dalam hal ini yang mana mereka sependapat bahawa oleh sebab peranan yang dimainkan oleh SOCSO dan peranan yang dimainkan oleh EPF, KWSP nampaknya adalah sama tetapi *the deficit of function*. Maka ia lebih baik digabungkan sebagai satu organisasi. Akan tetapi kita tahu dalam sistem negara kita, EPF tidak boleh berada asing daripada Menteri kepada Perdana Menteri. Maka dari mula sampai sekarang, organisasi EPF itu berada sebahagian di *Ministry of Finance*. Walhal, SOCSO berada di Kementerian Sumber Manusia, dahulu 'Kementerian *Labour*', pekerja. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diingati, dikaji balik dan beberapa pandangan telah diberi maka oleh sebab

peranan yang sama maka lebih *efficient, economical scale* untuk menggabung dan untuk mengawal selia hal ehwal mengenai pekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir kerana apa yang dicadangkan di seksyen 72, saya rasa ini adalah satu yang mengejutkan yang mana *new section 74A, the power of the organization to establish or take over the company*. Ini menunjukkan bahawa peranan asas yang mana SOCSO ditubuhkan telah dilupakan atau *site strap* peranan baru dan peranan yang sedia kala yang dimainkan oleh kerajaan nampaknya adalah satu peranan perniagaan seperti kata seorang *philosopher, it is no business of government to be involving business. It is no business of the government to be involving business*.

Jadi, dalam keadaan yang sama juga di sini, bila menunjukkan bahawa ada *intention* peranan yang mana kemungkinan mengambil alih organisasi akan *joint venture*, semua menunjukkan penglibatan dalam perniagaan. Kita tahu macam mana Menteri, macam mana kerajaan tidak tahu bahawa kesemua atau kebanyakan GLC di negara ini lebih kurang dalam situasi mufliis atau tidak boleh dalam sistem perniagaan keuntungan, menunjukkan *it is no business of the government to be involving business*.

Maka dengan mengadakan cadangan-cadangan yang baru ini menunjukkan satu hala yang tidak masuk akal kerana di seluruh dunia, kementerian-kementerian kerajaan mengurangkan penglibatan dalam perniagaan, dalam situasi perniagaan atau kena mengena kerana nombor satu, kepintaran, kebolehan dan sebagainya, tidak ada dengan kerajaan. So, *there is should not be more, they should be just government as administrator. Do not be involved in day-to-day business*. Akan tetapi nampaknya ini ada satu kegagalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ipoh Barat.

■1550

Adakah bantahan Yang Berhormat Ipoh Barat terhadap niat PERKESO untuk terlibat dalam perniagaan ini termasuk juga niat ataupun mungkin aktiviti sedia ada PERKESO membuat pelaburan, sekadar pelaburan tetapi tidak terlibat dalam perniagaan atau menguruskan perniagaan sehari-hari? Pelaburan sahaja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai. Sebenarnya saya – *when I say perniagaan, not day to day active business. You are not good. Look at the GLCs, the record* dalam beberapa tahun ini *hopeless*.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Hopelessly bad. Don't* menggadaikan wang pekerja ini dalam satu arena menunjukkan bahawa ingin melabur dan memperkasakan, menghayakan pekerja...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Selayang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, pertama ialah di mana wakil Bank Negara telah dikeluarkan dan sekarang juga melabur dalam perniagaan. Ini telah keluar daripada matlamat PERKESO kerana wang tabung ini hendak dilaburkan dalam *low risk* seperti *trustee stock* dan sebagainya. Ini akan dikeluarkan daripada tanggungjawab di mana wang ini akan digunakan untuk perniagaan dan tidak ada *safeguard* yang dalam akta ini. Bagaimana pelaburan dan *the expertise* yang akan diadakan? Setuju atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya setuju pandangan Yang Berhormat. Saya pun – *I, in fact* ini *earthquake proportion of changes*. Satu nampaknya disembunyikan di sini sangat tidak berapa – *very obvious*, di mana *deleting paragraph A* sahaja menunjukkan. Akan tetapi sebenarnya menunjukkan bahawa ini bukan mustahak tetapi ini adalah sangat mustahak kerana nombor satu saya hendak tanya apakah kepakaran yang sedia ada dengan SOCSO? *I can tell you zero*. Kalau *just* kerana dia menjadi *director* atau *financial analysis* bukan semestinya dia boleh pintar atau boleh terlibat dalam pelaburan dan sebagainya. Ini adalah satu risiko yang sangat besar, nombor satu.

Nombor dua, saya rasa dengan kita ada Bank Negara di sini, akan menjadi satu kawal selia *as a safeguard*. Seperti yang saya mula memperkatakan bahawa SOCSO ini adalah satu *safety net* untuk pekerja-pekerja. *What safety net are you giving to the workers of this country? When you remove the foundation and the trustees of the money of this country*. Kenapa Bank Negara *representatives* digugurkan? Apa asasnya? *What is the motive behind there?* Itu yang kita hendak tahu kerana ini adalah sangat bertentangan dengan kehendak pekerja di negara ini, *and I think the Minister must think very hard, it is not too late, differ that of other committee stage*. *There is something, "ada udang di sebalik batu"*. Ada sesuatu yang tidak kena.

Sebenarnya kalau ikhlas atau terbuka atau lebih *transparent* kita perlukan peranan yang dimainkan oleh Bank Negara dan lain-lain *experts*. Saya setuju bahawa kita perlu – sebenarnya kita perlu menambah *representatives* dari MTAC dan organisasi-organisasi pekerja. Itu adalah matlamat yang mustahak kerana ini adalah wang pekerja. Bukankah ini patut diperkasakan? Akan tetapi apakah sebab, apakah rasional *representatives* dari Bank Negara digugurkan? Saya rasa ini perlu satu penjelasan yang sangat dalam...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat boleh minta satu penjelasan?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Kuala Krai. Mana satu Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Klang, sekejap sahaja.

Kita pernah berhadapan dengan isu penarikan atau pengguguran wakil Bank Negara dalam beberapa buah syarikat ataupun entiti GLC ini dalam sidang yang lepas kita bicarakan. Hujah yang diberikan ialah – ini adalah permintaan daripada Bank Negara. Bank Negara yang minta wakil mereka keluar. Jadi saya pun tidak faham kenapa Bank Negara bertindak sedemikian.

Adakah dia hendak memainkan peranan sebagai *the last check* kah atau *overside* yang terakhir? Atau pun dia mahu menarik diri daripada tanggungjawab di peringkat awal kerana kalau mereka berperanan di peringkat syarikat, sudah tentu perkara-perkara penyelewengan dan sebagainya, salah guna kuasa ataupun pelaburan yang tidak menentu dapat dicegah daripada awal. Ya, kalau selepas daripada itu baru hendak dinilai maka peranan Bank Negara sudah tidak tepat. Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya guna pakai ucapan Yang Berhormat sebagai ucapan kandungan sayalah. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Satu pandangan yang sangat bagus. Kalau sedemikian Bank Negara yang mohon, saya rasa *they have gone the wrong step, totally foolish, totally very silly move, uncalled for, unprofessional*. Sebenarnya dalam keadaan iklim masa sekarang di mana keraguan kepada organisasi-organisasi kerajaan, organisasi GLC, lebih-lebih lagi peranan Bank Negara perlu ada di sana. *They should be the big brother looking at all financial and finance of this country*. Ya, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat, Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat, saya hendak alih pandangan sedikit kepada pindaan seksyen 58. Saya baca Tuan Yang di-Pertua, "*Pertubuhan boleh mentadbir apa-apa rancangan keselamatan sosial yang lain jika pentadbiran bagi rancangan itu diberikan kepada pertubuhan oleh mana-mana undang-undang bertulis*". Soal saya dan minta pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat ialah, adakah ini bermaksud bahawa kerajaan sekarang ataupun SOCSO khususnya boleh membentuk satu dana ataupun satu SOCSO baru untuk pekerja-pekerja yang tidak *organize*? Akan tetapi yang lebih khusus ialah *for taxi drivers*.

Saya bangkit isu ini sebab saya telah bangkit isu berkaitan SOCSO dengan *taxi drivers* ini untuk beberapa lama. Saya telah diberitahu oleh kerajaan menerusi beberapa jawapan daripada pihak kerajaan bahawa kajian telah dijalankan untuk menengok *cost benefit* untuk adakan SOCSO untuk pekerja-pekerja teksi ataupun *taxi drivers*, atau pengusaha teksi. Semalam kita nampak bahawa ada satu protes di Kuala Lumpur yang di mana banyak pekerja teksi terlibat.

Adakah masa ini sekarang pihak kerajaan boleh mengatakan ya, kita akan membuat satu dana untuk menolong pekerja-pekerja – pengusaha-pengusaha teksi, *taxi drivers* dan juga pekerja-pekerja yang tidak berorganisasi ataupun *unorganized workers*. Satu kajian telah dibuat dan *answer* yang – *the most recent answers I had last year* di mana boleh dikatakan kerajaan

telah membuat semua— telah habiskan rancangan, *waiting for announcement*. So, is this the moment for that announcement? Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Satu niat seksyen tersebut. Saya rasa daripada pembacaan saya, saya pun kluatir kalau ia boleh disalahgunakan. Sebenarnya niat jahat kalau unsur-unsur ini di pecah dengan dalam. Saya rasa itu perlu satu penerangan dari Yang Berhormat Menteri.

Kedua mengenai SOCSO. Saya rasa betul Yang Berhormat Klang. Yang Berhormat telah membangkitkan satu perkara yang sangat mustahak yang berkaitan dengan pihak pembawa kereta teksi. Kerumitan mereka, kesusahan mereka patut di – kita pun perlu mengambil perhatian dan memberi pertolongan. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa semua pekerja atau pembawa teksi perlu diliputi atau dirangkumi di bawah akta ini dan kita perlu jalan supaya ia diusahakan ke arah tersebut.

Akan tetapi yang lebih mustahak Yang Berhormat Klang adalah saya bersependapat bahawa kalau kita tengok di UK sekarang, apabila seorang mula bekerja dia – saya ada cadang ini pada semasa saya menjadi ahli dalam *Public Accounts Committee* kepada SOCSO board semasa Datuk Salwa yang datang itu, saya telah cadangkan ikut apa yang sedia ada di UK, dasar dan sistem dia di mana semua orang diberi satu kad SOCSO, *everyone has got one SOCSO card* macam *EPF card*. Kad itu kalau mana-mana dia pergi kerja kad itu yang sama digunakan supaya diliputi dengan insurans dan sebagainya. Ia akan merangkumi semua dan juga dalam keadaan sedemikian akan memberi *appropriate benefits*.

■1600

Seperti Yang Berhormat Klang kata, saya setuju bahawa saya pun hairan kenapa kerajaan ragu-ragu, sangat susah membuat satu keputusan untuk menolong orang miskin, untuk menolong pekerja-pekerja atau pemandu teksi walhal kita tahu pendapatan mereka sangat kurang atau rumit dalam keadaan ini.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat*]

Bila-bila kita memanggil teksi, mereka kerap kali membuat aduan. Saya tidak hairan semalam satu demonstrasi yang besar yang berlaku di Bukit Bintang, *the whole Bukit Bintang was paralyzed* kerana kerajaan enggan mendengar, *deaf and dumb*. Bila kerajaan *deaf and dumb*, inilah *people take to the street rightly so and the Minister should have been there yesterday rather it was hot, maybe they should have taken the jacket out and go back to realize why they're protesting because this other fundamental issues* pekerja-pekerja di negara ini.

Kita tidak boleh lupa apa yang mereka telah sumbangkan kepada negara, mereka menghadapi masalah yang teruk. Pandangan Yang Berhormat Klang ini bukan perkara yang baru, pada pengetahuan saya *maybe already four years you've been articulating and fighting*. *Maybe what you should do, you bring all the taxi drivers ask them to park it and prevent from*

entering Parliament. Maybe there is a good idea then when the Speaker, Deputy Speaker, Menteri-menteri cannot come, then they will do something.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu bertentangan dengan peraturan Yang Berhormat, menghalang lalu lintas.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu tidak apa. Itu jam kita tengok itu jam *we look at it and then we take action.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya hendak tanyalah daripada segi teksi ini *basically* mereka membuat satu bantahan terhadap persaingan dengan Uber ini dan juga GrabCar dan sebagainya. Kita melihat seolah-olah macam ada satu gelombang di peringkat dunia sebab di UK pun pemandu teksi juga membuat bantahan yang besar. Di Indonesia baru-baru ini begitu juga. Jadi kita risau walaupun kita hendak buka supaya ada *competition* ini bagi memastikan pengguna mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Akan tetapi dalam konteks di Malaysia ini, bersetuju tidak dengan saya bahawa sebenarnya apabila kita membuka pintu untuk Uber dan juga *GrabCar* dan syarikat besar ini untuk bersaing dengan pemandu teksi, kebanyakan menyewa kereta dan mereka perlu *survive* dengan LRT dengan perkhidmatan awam. Bersetuju tidak mesti ada satu langkah yang holistik bagi menyelesaikan masalah ini supaya kita harap dalam masa yang sama jaminan keselesaan kepada pengguna tidak digadaikan dan dalam masa yang sama juga jaminan kepada pemandu teksi juga tidak kita ketepikan. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Sepang, saya hairan kerajaan tidak dengar kepada rintihan-rintihan yang dibuat oleh Yang Berhormat Klang *is not now, more one thousand days ago, one thousand days ago when people were suffering but we have deaf and dumb government. When not listen on this, that's why people gets to the street.* Satu di antara perkara untuk menyelesaikan, bukan perkara yang baru. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sepang bahawa Uber dan *grab taxi* menjadi yang terbaru, ini satu perkara yang perlu diambil alih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Pencerahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, bersetuju tidak kalau polis yang terlibat dengan risiko yang tinggi juga perlu dicarum SOCSO ini? Setakat ini saya difahamkan tidak ada, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau tengok *risk, Deputy Speaker* pun *risk* juga. Sebenarnya, *if you see the* akta undang-undang pekerja kerajaan, dia ada beberapa sebab di mana tidak merangkumi SOCSO. *There is some factor* kerana pada asasnya SOCSO ditubuhkan untuk pekerja swasta. Untuk pekerja kerajaan, dia ada sistem yang *"in builder"* dia jadi itu adalah sebab– macam pekerja teksi ataupun pemandu teksi, kalau dia pergi ke hospital dia perlu bayar.

Macam *orderly* kita atau *Deputy Speaker*, dia pergi ke hospital *all free* kerana dia berkait dengan kerajaan dan sebagainya. *So they got special benefit*, itulah sebab di antaranya kerana ia tidak *look at* atau serupa juga dengan *armed forces*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada *medical board* dan *SOCSCO board* dan sebagainya. Apa peranan *the basic principal of panel board, medical board* dan sebagainya? Hendak melawan semua pekerja? *Make the life difficult* pekerja, itulah *that is why they're suffering*. Apabila pekerja sudah diliputi, sudah *diapproved three specialist* dari *government hospital*, *SOCSCO appeal* katakan *not proper*, hantar kepada *private sector*. *'Hello my friend, what is the basis of SOCSCO?' 'Who are you?' You are for the workers. You must protect the workers. You must be all time with the workers not make their life difficult.*

Akan tetapi sekarang bila saya pergi baru-baru ini, ramai di antara mereka kesian. *They don't have the lawyers, not as lucky as you and I*, Yang Berhormat Menteri. *We can employ lawyer, we can hire lawyers, take on an appeal* dan sebagainya tetapi untuk pekerja-pekerja ini.

Pertama *you should not allowed the basis of appeal must be rational* Tuan Yang di-Pertua. *Why you appeal? Are you a commercial organization.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak masuk akallah. *You are not a commercial organization, you are a social organization. Obligasi, the primary purpose of SOCSCO is for this, for workers. You must fight for the workers, not fight against the workers.* Itu sebab saya kata Yang Berhormat Menteri, *you must the Minister of Labor not Minister of 'anti-labor'.* *This other undang-undang must change, this is outlive. The purpose on this undang-undang was setup was, don't have the workers not to have you directors, the other workers.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, jangan marah Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya bukan marah Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri, enam, tujuh tahun *before* ini pun seorang bernama Kutty. *He made mistake a blonder, we are all friend* bila saya masuk sebagai seorang peguam 30 years ago dia *officer of SOCSCO*. Dia sebagai *SOCSCO officer then SOCSCO* bagi dia, *you* hendak bagi pencen atau EPF bayar. Dia kata lebih baik EPF lah, saya ingat tidak akan ingat lama hidup, saya akan mati dan saya pilih EPF. Okey, dia pergi EPF *and suddenly medically unwell.*

Wah *mandatory unwell not SOCSCO take action against other workers you know. Against their own workers you know, they got shame now. This is one Kutty. Today* tidak ada gaji, tidak ada apa *depend on the wife in the house because why? They appeal, fourth doctor say okay, they're not happy. They're acting* Tuan Yang di-Pertua *like a private organization in the interest to save money, to go rich - hei 'dey' semua salahlah. Got it wrong bro. You got it wrong, what are you setup for? Not setup for the workers. That is the basis on decision's made!*

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri jawab nantilah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat Menteri jawab nantilah. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *I know, I know, I'm required to response. At the end of the debate but the way my friend Yang Berhormat Ipoh Barat said those things angers me. So, you please improve.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh senyum juga Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat jangan marah Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *You* jangan marah macam itulah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apakah itu?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Cara *you* marah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Cakap...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, *I tell you this one. You go and find out.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You own worker.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat, tidak payah tunjuk macam itu Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Privileges, because you're using that sections.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Be fair, you don't know...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Sorry?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlu tunjuk Yang Berhormat Menteri macam itu Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *That's is why I appeal you put it down.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Listen, okay listen lah ini. I already got out of three lah. No, you must take me on the factors, if you angry hot lah this not potluck you know.*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, no. I'm not angry, honestly* Yang Berhormat Menteri, *I'm not angry. You see I'll can give the name Kutty.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Okay, you call him brother, he call you my dear, okeylah. Settle* Yang Berhormat ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No* Yang Berhormat, *I'm not finished this* Kutty. Dia sekarang lebih kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat Ipoh Barat itu memang ada logiknya lah seolah-olah macam kita ini tidak memberikan pembelaan kepada pekerja dan isu yang dibangkitkan saya percaya isu yang betul sebab mungkin nama yang disebut Kutty mungkin dia mengadu dengan Ahli Yang Berhormat.

■1610

Boleh tak Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, berapa banyak kes-kes yang seperti mana Yang Berhormat bangkitkan hendak dibandingkan berapa banyak pula kes yang Yang Berhormat dengar yang mendapat pembelaan daripada PERKESO ini? Adakah yang tidak dibela itu lebih banyak daripada yang dapat pembelaan? Kalau boleh, Yang Berhormat dapatkan angka-angkalah, fakta. Janganlah sebab seorang, Yang Berhormat hendak marah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Tanjong Karang, nombor satu, saya tidak mahu tunjuk tangan, jari semua, Yang Berhormat.

This is not democratic principle of SOCSO. It is a medical purpose, my friends. That the number again. It is not the cases of satu orang. Oleh kerana satu dua orang sahaja atau seratus orang, maka SOCSO ada hak untuk membuat sedemikian? No, the reason is not, bad.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, sekejap. *Why I am big upset Tuan Yang di-Pertua, this not— all the time bila saya debate SOCSO last time, I forgot to bring this particular issue. Because saya kata Tuan Yang di-Pertua, if it can happen to worker working in the SOCSO Department, what more you and I? What more about our taxi driver? What about ordinary people? Making what? Dari Ipoh, he is already medically unfit, go to Taiping, go another medical board. What is the rational?*

You are in business kah to save money? To save money, so your organization grow big, you menjadi kaya-raya, diplomate, big-big for what? What is the asas? Where is the safety net? If you cannot put a safety net to help your own workers, then you unfit to run an organization. You are unkind. Ada orang kata tiada perut tiada hati. I don't know what it means. Dalam mahkamah orang kata, "Hei, ini orang cakap banyak kuat-kuat, tiada hati tiada perut".

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *"Hati perut",* Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *"Hati perut", one more dear.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Oh? *I don't know* lah. Itulah saya cakap tak ada hati, tak ada perut. *I go to more* lah.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa yang dia cakap itu memang saya bersetujulah, berjuang untuk rakyat. Tapi, satu Yang Berhormat kata yang tidak memberi pembelaan kepada staf kita sendiri. Itu sebab kita bercakap kena ada fakta, Yang Berhormat. Saya percaya undang-undang ada, peraturan ada dan kita juga faham, ditubuhkan untuk membela kepada pekerja. Tetapi kalau ada satu dua kes yang mungkin Yang Berhormat bangkit, mesti ada sebab, mesti ada sebab-sebab yang saya harap Menteri selepas ini kena jawablah.

Apa sebab *particular case* yang dibangkit ini sampai menimbulkan kemarahan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat ini? Tetapi yang ini memang saya bersetujulah, Yang Berhormat Menteri kena jawab mengapa *this particular case* ini, kes ini dianggap sebagai luar biasa daripada biasa. Tetapi saya minta daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, janganlah sebabkan satu kes, dua kes hendak dijadikan satu isu. Tengok yang besarlah sedikit.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Tanjong Karang. *For once we can agree. Most of the time we agree, he disagree.*

Tetapi bukan satu kes, dua kes Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi asas *like this. If it can happen in your own organization, and the beauty of this* Tuan Yang di-Pertua, semasa saya mula sebagai peguam yang dia pun *presiding officer, he was presiding officer of SOCSO. Can you imagine? He know the whole section. I just bringing up. I spoke to, you know,* apa yang saya boleh buatlah.

Tetapi rasional dia macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Bila satu repot perubahan telah diberi oleh kerajaan, *you don't challenge it. That's what I am trying to say, Minister. I am not pinpointing fingers. Sorry, my fingers,* Yang Berhormat. *I try to tell that don't— your officer or whatever it is. You must be fair. I always say this. I went to ketua jenayah, itu hari saya tanya, you hendak tahan orang ini, okey, you hendak empat hari kenapa? If your own son, your brother, boleh detaining like that? You think lah. One day, what goes around will come around. Don't think you are above. It will come.*

So like this particular person, to me, the irrationality is saya rasa SOCSO berpandangan menghalau jauhlah. *Thinking very far ahead. If they want to grow big, become international organization all that, fantastic. But at the end of the day, let's not forget, yang bawah, akar umbi itu, the basic is you must have safety net for the workers. That is the primary factor.* Itu saya setuju kepada Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa ya, satu dua kes *that doesn't matter, but* itu adalah kes yang sedemikian, dan ada banyak kes. Hari itu Yang Berhormat Menteri cakap akan jawab lambat dan bagi jawapan.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh mencelah? *Just* satu soalan berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Tanjong Karang tadi. Adakah ini merupakan *first and foremost, satu isolated incident?* Sekiranya ia satu *isolated incident,* adakah itu memadai untuk *ignore* perkara

ini atau mengabaikan perkara ini? Atau pun, adakah lebih baik kita menangani perkara ini sekarang walaupun ia merupakan satu *isolated incident* agar kita mengelakkan ia berlaku lagi di masa hadapan? Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya setuju. *Evan isolated one or two, it doesn't really matter.* Yang mustahak ialah ia sepatutnya tak jadi. Kerana, bila satu atau dua, *we are talking about* keluarga mereka, anak-anak mereka. Kerana satu keputusan yang dibuat oleh SOCSO— ini tidak boleh dibenarkan. *We cannot condone this. Not allowed condone.*

Itu saya ada kata, Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Schedule 2(5)* di mana— lagi satu, walaupun jawapan telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri, pun saya rasa perlu satu pemikiran baru. Saya tak dapat *Schedule 2 but never mind, I just* nak bagi tahu. Itu senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Ada satu *schedule* di mana mengatakan orang-orang ini tidak diakui sebagai pekerja di bawah Akta SOCSO. Siapa itu? Dari tentera, pekerja kerajaan— *all that doesn't matter.* Lagi satu, *which I do not know until the case came to me, I see,* kalau dia adalah seorang isteri atau suami atau isteri bekerja dengan suami di syarikat yang sama, kalau dia membayar SOCSO tetapi oleh kerana suami adalah pemegang syarikat tersebut, isteri tak ada hak untuk mendapat pampasan. Ada masuk akalkah ini? *Number one, why you discriminate against the women? It doesn't make sense at all.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Now, I just want to say this we cannot settle this by Tuan Yang di-Pertua saying 'I did not say it'. We cannot...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Tuan Yang di-Pertua...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita *finish* dengan dia dahulu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *The only way we can settle it properly in objectively is by Tuan Yang di-Pertua conducting your own enquiry by examining the CCTV and give us the ruling. That's all we ask. And I think that what Yang Berhormat Ipoh Barat asking, that's all.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You see, you listen to the keputusan. Saya buat keputusan, sit down please. Saya buat keputusan I ruled that it is unparliamentary to do that sign melalukan sign itu unparliamentary. Saya katakan tadi siapa buat itu tidak betul. Sebab itu saya tanya Yang Berhormat Kanowit, because dia accuse Yang Berhormat Kanowit sebab orang yang membuat. Saya yakin Yang Berhormat Kanowit orang yang ada integriti. Kalau dia tidak buat, dia tidak buat.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mana boleh macam itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebab kita tidak nampak.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah tanya. Selepas itu dia tidak perlu *go further* mengatakan bahawa *you resign, I resign*. Itu tidak ada dalam *standing order you resign, I resign*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tanya... nantilah. Ya Yang Berhormat Kanowit, kalau Yang Berhormat Kanowit melakukan *sign* sedemikian yang saya katakan *unparliamentary* boleh minta maaf kepada Dewan. Itu sahaja Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Tidak ada, saya tunjuk *sign you sit down, you sit down* itu sahaja. Apa yang dia nampak tidak tahulah. *You never sit down*, itu dia *[pembesar suara ditutup]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlulah Yang Berhormat. *I ruled that it is unparliamentary to do that sign in Parliament. I also ruled bastard and stupid are unparliamentary.* Okey, tidak apa. Jadikan ini sebagai satu pengajaran.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan buat itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua punya *ruling* berkenaan bahawa *sign* itu adalah *unparliamentary we accept it, no problem*. Tetapi Tuan Yang di-Pertua menyelesaikan masalah ini dengan menyatakan bahawa kita tanya dahulu kepada Yang Berhormat Kanowit, kalau dia buat minta tarik balik. Kalau tidak buat kita akan *stop* di sini. Tetapi masalahnya dia kata dia tidak buat. Itu kita boleh terimalah dia kata. Tetapi masalahnya ada saksi-saksi yang melihat dia buat. Jadi kita mesti melanjutkan perkara ini dengan membuat *enquiry* supaya keadilan dapat dipertengahkan. *Just because he denies doesn't mean* dia tidak buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: CCTV...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ada CCTV ke tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: CCTV kita Yang Berhormat cuma rekod apabila *mike* di *on* Yang Berhormat. Yang lain daripada itu tidak rekod. So, kita *settle*. *No one can do that anymore*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *I'm not too sure. I think there is CCTV.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *We try first*. Kita tengok dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling belum cukup, Yang Berhormat Baling belum berjawab lagi.

■1650

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, terima kasih saya harap tenanglah, selesai lah. Tadi saya sebut berkaitan dengan PERKESO insurans di atas gaji RM3,000. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian semakin besar pendapatan bulanan mereka, semakin besar tanggungan dan perbelanjaan mereka. Maka sekiranya mereka turut di insuranskan sekurang-kurangnya sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini, mereka juga dilindungi di bawah akta ini. Namun begitu, apa yang membimbangkan saya ialah rasa keterpaksaan majikan kerana jika sebelum ini majikan hanya mencarum untuk pekerja yang bergaji di bawah RM3,000 kini majikan harus mencarum untuk kesemua pekerjanya.

Oleh itu sudah semestinya sudah kos yang perlu ditanggung majikan akan meningkat. Saya juga amat khuatir jika majikan mengambil langkah menyemak semula gaji pekerja atau memotong mana-mana pendapatan pekerja hanya kerana mereka perlu memperuntukkan dana untuk caruman PERKESO. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap kepada Kementerian Sumber Manusia, pindaan yang dibuat ini dan disokong oleh undang-undang yang menjaga dan menjamin hak serta kebajikan pekerja, saya berharap dengan pindaan ini kementerian dapat memantau, memastikan majikan memenuhi kehendak pindaan ini.

Kementerian juga boleh membuka kaunter-kaunter aduan sekiranya pekerja yang mempunyai aduan tentang majikan boleh terus membuat laporan. Tuan Yang di-Pertua, apabila pindaan ini dibuat maka semakin ramailah pencarum yang mencarum dengan PERKESO. Oleh itu alangkah baiknya jika lebih banyak klinik-klinik swasta turut sama menjadi panel-panel PERKESO. Oleh itu saya ingin bertanya apakah garis panduan yang telah ditetapkan untuk melayakkan sesebuah klinik untuk berdaftar sebagai klinik panel PERKESO dan mohon kementerian menyatakan statistik klinik panel PERKESO di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin dan percaya Akta Keselamatan Sosial PERKESO yang selama ini telah melindungi semua rakyat kita, saya percaya kebajikan pekerja-pekerja swasta dan badan berkanun sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini kepada

mereka akan dibela dalam erti kata sebenarnya kerana *track record* kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia begitu amat baik sekali. Ada beberapa kes, saya pun ada perkara yang saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat tadi. Saya juga ingin mengesyorkan kepada kementerian, khususnya kepada PERKESO. Saya ada beberapa kes yang saya sendiri pernah mengalami berjumpa dengan mangsa-mangsa ini.

Contohnya, PERKESO insurans yang dibayar, dia *point to point*. Contohnya saya pulang bekerja, sepatutnya balik ke rumah saya. Saya bekerja contohnya di kawasan Sungei Way, saya hendak balik ke Subang Jaya, contohnya. Tetapi dalam pada yang sama saya dapati ada saudara atau keluarga ada *emergency*, kemalangan dan sebagainya, saya terus lencong pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur atau Hospital Selayang contohnya. Akan tetapi pada hari itu malangnya saya sudah dapat kemalangan tetapi bila ditimpa kemalangan dan bila pergi ke PERKESO kerana *red tape* tersebut mereka tidak bayar dia kata kerana *you are out of the range* dalam radar PERKESO.

Ini di antara faktor perkara yang harus PERKESO teliti. Saya tahu PERKESO *is strength the extreme best* di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk membantu rakyat *and* saya harap kita juga ada banyak ruang untuk memperbaiki. Jadi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi ke semuanya tidak betul ataupun tidak tepatlah. Dia ada banyak juga yang PERKESO buat. Kita kena menghargai mereka di bawah Kementerian Sumber Manusia dan ada juga kekurangan. Kekurangan ini kalau kita dapat bincang, macam Yang Berhormat Sungai Siput tadi, rakan-rakan lain, kita beri pandangan yang berhemah dalam Dewan yang mulia ini untuk *enhance the situation*.

Saya yakin dan percaya PERKESO dapat memberi lebih banyak manfaat di bawah kerajaan Barisan Nasional untuk membantu rakyat yang khususnya yang menghadapi kemalangan. Jadi saya harap semua pihak, belah sini dan belah sana dapat berganding bahu memberi kesedaran kepada semua para majikan dan pekerja khususnya. Kita sebagai Ahli Parlimen, kita masuk kawasan, *every week we go back to our* kawasan. Di antara slot ucapan kita, *why can't we educate* dengan izin, kita memberi sedikit taklimat kepada mereka-mereka, pekerja-pekerja ini. Kita *why don't we start* sampai 1 Mei, Hari Pekerja. Kita semua boleh memberi maklumat kepada rakyat khususnya pekerja-pekerja dan kita boleh beri tahu berkaitan dengan bagaimana hari ini, akta ini dipinda untuk kebaikan khususnya mereka di atas gaji RM3,000 dan sebagainya.

Akhir sekali saya harap perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja demi meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja dapat dimanfaatkan dan dimartabatkan. Oleh itu saya Ahli Parlimen Baling mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akah habiskan perbahasan pada 5.30 petang Yang Berhormat. Selepas dua orang ini, elok nanti Yang Berhormat Menteri akan jawab. Yang Berhormat Subang.

4.56 ptg.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan untuk berkaitan rang undang-undang untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Sebelum saya teruskan izinkan saya sekali lagi hendak minta maaf pada Tuan Yang di-Pertua tadi, bila saya tinggikan suara saya, itu tidak patut dibuat dan dibuat dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun minta maaf Yang Berhormat. Tapi memang betul isu dia *signs* begitu tidak boleh digunakan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya memang. Okey terima kasih. Saya pergi terus kepada tajuk pindaan rang undang-undang ini. Memang kita mengakui ada cadangan yang baik yang perlu dialu-alukan dalam rang undang-undang ini. Pertama ialah bila skopnya diperluaskan dalam dua aspek. Satu aspek angka dulu RM3,000 sekarang dinaikkan kepada RM4,000 dan skopnya diperluaskan kepada semua pekerja. Dua aspek ini memang kita alu-alukan. Pada masa yang sama saya ingin cadangkan kepada pihak kerajaan, kita perlu sekarang membuat dan menilai akta ini dengan pendekatan yang lebih menyeluruh dan lebih besar daripada kerangka yang sekarang dipakai.

Akta ini telah ditubuhkan pada tahun 1971. Pada masa itu kita ialah satu negara yang membangun dan sekarang kita tengah dalam perjalanan sudah akan sampai ke status negara maju dalam beberapa tahun lagi. Itulah matlamat kita. Pada tahun 2020 kita patut sampai ke tahap negara maju. Kalau kita hendak bandingkan negara kita dengan negara-negara maju yang lain, kita pun perlu juga ambil teladan daripada cara mereka memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja mereka dan cuba juga sampai ke tahap atau *standard* yang sama. Di aspek itu saya nampak akta kita ini masih kebelakangan walaupun dengan tambahan sekarang yang dicadangkan dalam pindaan ini.

Skop kita masih terhad sangat. Kalau kita benar-benar hendak beri perlindungan begini kepada pekerja, skop kita sekarang Tuan Yang di-Pertua, skop perlindungan sekarang hanyalah di tempat kerja. Tempat kerja satu aspek dan satu lagi ialah masa perjalanan ke tempat kerja kita. So, ini pendekatan yang sekarang dipakai. Ada kes-kes dan saya rasa rakan-rakan lain telah tadi berbahas. Ada kes-kes di mana pekerja itu kalau pada masa dia pergi bekerja, dia pergi melawat ibu atau *parents* dia atau buat satu perjalanan yang lain, itu akan menjejaskan tuntutan dia kalau apa-apa terjadi.

So, sekatan macam ini tidak seharusnya dikekalkan dan kalau kita banding dengan negara-negara lain mereka cuba bagi perlindungan yang lebih luas dan lebih menyeluruh. Dari segi ini saya ingin mencadangkan sudah sampai masa bahawa kita buat satu skim yang bagi perlindungan yang lengkap 24 jam. Itu yang terbaik dan juga dengan jumlah duit yang kita kutip dari setiap pekerja termasuk majikan, kita lihat dalam Jadual 4, jumlah yang dikutip setiap bulan adalah bagi saya cukup untuk kita bina satu skim di mana perlindungan yang menyeluruh boleh dibayar. Oleh sebab kita kutip jumlah-jumlah macam hampir RM100 sebulan.

▪ 1700

Kalau kita kirakan dua-dua sumbangan daripada pekerja dan daripada majikan. Jadi bagi saya inilah cadangan kepada kerajaan. Sudah sampai masa kita rangka satu skim, kita kata dengan izin *think out of the box*. Kita tidak boleh teruskan macam cara yang lama ini. Hanya perlindungan di tempat kerja dan dalam perjalanan. Marilah kita berfikir satu skim dapat bantuan dan input daripada *actuaries* dan pakar-pakar yang berkenaan. Marilah kita buat satu skim 24 jam *protection* kepada pekerja-pekerja. Jadi tidak ada isu teknikal sama ada mereka dalam perjalanan, sama ada mereka di tempat kerja dan begitu juga. Itu cadangan pertama saya.

Skop untuk semua pekerja itu bagus. Sudah lama ditunggu tetapi sekarang dibuat. Itu kita mengalu-alukan walaupun disekat pada had RM4,000 itu. Baik, saya difahamkan dulu ada cadangan. Ini sudah dibuat dulu. Pada masa, pada era Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Hasan bin Malek masa itu, ada cadangan dan ada perbincangan untuk membuat perlindungan 24 jam, *complete protection* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi pada masa itu saya difahamkan bangkangan datang daripada syarikat-syarikat insurans. Mereka risau tentang *business* mereka akan terjejas. Akan tetapi pada hemat saya, pertimbangan itu tidak begitu relevan atau penting untuk mengatasi persoalan utama itu perlindungan untuk pekerja yang dengan izin *that is the whole riding paramount consideration. The workers protection, safety and health*. Itu yang kita perlu bagi keutamaan dan harus jadi keutamaan kerajaan juga.

Jadi, dari segi duit saya tegaskan, duit yang kita kutip cukup besar dan patut cukup untuk membiayai skim yang saya cadangkan ini dan saya harap kerajaan boleh mempertimbangkan ini dan mula melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kedua yang saya ingin kemukakan kepada kerajaan ialah kita juga perlu memperluaskan skop skim ini sekarang juga untuk memasuki pekerja-pekerja asing. Alasannya adalah begini. Sekarang, pekerja asing tidak ada perlindungan Skim PERKESO ini. Mereka tidak dilindungi oleh SOCSO dan mereka hanya bergantung kepada skim insurans sahaja. Skim swasta. Itulah *arrangement* sekarang. Bagi saya, kita ada beberapa alasan yang kukuh kenapa skim ini harus diperluaskan kepada pekerja-pekerja asing. Satu ialah jumlah pekerja asing. Kita sudah tahu sekarang adalah dalam jumlah berjuta-juta. Bukan 10,000, 100,000, 200,000. Kita tahu dalam negara kita sekarang data yang rasmi sudah mencecah lebih dua setengah juta. Ada juga lebih kurang mungkin dua atau tiga juta lagi yang belum didaftar dan ini adalah satu jumlah yang sangat besar kalau dibandingkan dengan *work force* daripada warga Malaysia. Alasan yang terbaik kita masuk mereka ialah dana untuk PERKESO akan bertambah besar dan itu pun akan jadi satu aset besar untuk negara. \

Kedua, perlindungan untuk mereka juga akan jadi lebih lengkap dan daripada segi kemanusiaan, *for humanitarians and points*, itu pun adalah bagus dan dari segi itu, kita pun akan mematuhi tuntutan daripada ILO. *The International Labor Organization* yang sudah bangkitkan isu ini. Mereka melihat ini satu aspek diskriminasi, keadaan di Malaysia berkenaan dengan *work condition* in Malaysia.

Ketiga, bagi saya adalah satu alasan yang cukup kukuh dan saya harap boleh diambil kira oleh kerajaan ialah masalah yang terbesar dengan pekerja asing di negara kita ialah dokumentasi. Setiap kali dan ini selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional juga dan rakan-rakan saya di sini, daripada pembangkang ialah kenapa kita ada jumlah besar pekerja asing yang tidak didokumentasikan ataupun bila kita tanya, Kementerian Dalam Negeri juga, Kementerian Sumber Manusia selalu kata susah untuk bagi angka-angka yang tepat untuk industri atau sektor-sektor yang berkenaan. Kita juga ada dapat banyak kes pelanggaran peraturan di mana pekerja datang untuk kerja di satu sektor tetapi selepas itu dipindahkan secara tidak sah kepada sektor yang lain. Akhirnya kerajaan tidak dapat tahu, tidak ada gambaran yang tepat manakah pekerja-pekerja daripada negara ini atau negara sana dan sektor mana, siapakah majikan sebenarnya dan macam itu.

Jadi kalau kita memerlukan mereka pinda undang-undang kita, memerlukan semua majikan yang gunakan pekerja asing diberi *coverage* di bawah SOCSO. Perubahan terbesar yang akan berlaku ialah mereka terpaksa didokumentasikan dengan lengkap semacam EPF. Kalau kita wajibkan EPF dan SOCSO untuk semua pekerja asing, *in one stroke*, Tuan Yang di-Pertua, *we will ensure that* semua dokumentasi untuk setiap pekerja ini akan jadi lengkap. *We will know where they work, we will know for which employer they will have SOCSO number, they will have EPF number and we will not have this problem which we are grappling it for years and years* dengan izin. Kita tidak tahu mana mereka.

Silakan, Yang Berhormat Sungai Siput.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Subang. Setakat ini pekerja asing dia dilindungi oleh *workmen's compensation* tetapi masalah *workmen's compensation* ialah dia tidak ada hilang upaya sementara. Katakan dia sakit, katakan dia kemalangan, dia hilang satu tangan, dia akan dapat sesuatulah. Itu pun tidak dapat banyak. Akan tetapi jika dia ada MC, katakan patah tangan, tiga bulan tidak boleh kerja, tidak ada MC pun dia duit tidak ada dalam *workmen's compensation*.

So ini saya rasa ada satu masalah untuk mereka. Akan tetapi saya mahu tanya, jika mereka bayar PERKESO, PERKESO ini ada dua. Satu, untuk Ilat dan satu untuk kemalangan. Jika dia kerja sini, dia balik ke negara mereka selepas lima atau enam tahun, apa dia bayar untuk Ilat itu, dia tidak akan dapat. So itu macam kita *over charging them*. So apakah cara kita kendalikan itu?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, mula-mula saya setuju dan saya minta ucapan Yang Berhormat Sungai Siput dimasukkan dan saya akan komen. Memang itulah kelemahan dalam *coverage* pada pekerja asing yang lemah kalau dibandingkan dengan Skim SOCSO. Sebab itu cadangan saya yang utama ialah masukkan semua dalam Skim SOCSO tetapi Yang Berhormat Sungai Siput bangkitkan aspek mereka bayar untuk beberapa tahun selepas itu mereka kembali ke negara mereka. Jadi macam mana dengan duit yang mereka sudah sumbangkan.

Baik, di sini saya rasa bukan masalah besar. Ini kita perlu input daripada pakar-pakar, *actuaries* dan sebagainya dalam hal ini. Kita boleh untuk kategori pekerja asing sahaja. Kita boleh fikirkan apakah jumlah yang mungkin mereka boleh ambil keluar dan ambil balik kepada negara mereka. Tidak ada masalah. *It is actually* dengan izin *the matter of calculation*. Macam EPF. Kita sumbang kepada EPF, sampai umur 55 tahun, kita akan dapat balik EPF kita dengan dividen. So, begitu juga bagi saya bukan satu cabaran besar, satu halangan besar untuk kategori pekerja asing sahaja, kita bagi mereka sebahagian atau apa-apalah yang kita anggap sesuai. Duit mereka yang mereka telah sumbang. Akan tetapi main *point* ialah mereka dapat perlindungan yang jauh lebih baik dan bagi saya ialah kebaikan yang terpenting ialah dokumentasi mereka itu lengkap. Kita tahu dan inilah masalah utama kita sekarang dalam Skim Pekerja Asing sekarang yang diuruskan oleh Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia.

Silakan, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang, tadi dalam perbincangan saya, saya ada menyatakan bahawa ada perbezaan antara SOCSO dan KWSP, *in the sense that* tidak semua wang yang kita carum, yang kita layak carum ini kita akan mesti dapat di akhirnya. Contoh kalau kita tidak sakit, tidak apa-apa sebab dia *base* kepada konsep *solidarity fund*. Jadi tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi, bagi saya kalau hendak kata *over charging*, kita juga boleh mengatakan kepada pekerja-pekerja Malaysia.

■1710

Cuma, yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Subang setuju tidak kalau ambil KWSP kita menyimpan dan hasil daripada pelaburan wang itu kita akan dapat dividen tetapi dalam kes yang melibatkan SOCSO ini saya tidak rasa ada satu dividen yang akan dibayar kepada penyumbang. Jadi, setuju tidak kalau kita boleh memikirkan satu kaedah supaya ada satu macam juga balasan kepada orang-orang yang menyimpan ini walaupun mereka mungkin tidak buat *claim* ilat atau apa-apa pun tetapi apabila mereka berhenti bekerja, mereka dapat sesuatu macam *one off payment* yang kita boleh fikirkan. Apa pandangan Yang Berhormat Subang?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang atas pandangan itu. Secara dasar saya setuju. Saya kata bukan satu masalah besar, kita kira satu jumlah yang sesuai. Bukan sebahagian semua yang mereka sumbang tetapi sebahagian boleh dikembalikan kepada mereka. Itu bukan masalah besar. Jadi, itulah untuk pekerja asing. Jadi, saya ingin cadangkan lah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional sudah sampai masalah kalau kita hendak huraikan negara kita sebagai negara maju dalam empat tahun daripada sekarang kita perlu bertindak sebagai negara maju dan tidak menggunakan skim-skim yang agak kebelakangan. Mungkin boleh dikatakan agak mundur juga. *We have to keep up* dengan izin *with the develop world if you want to call out self as develop country* dan inilah pendekatan yang kita harus ambil.

Dengan dokumentasi yang saya cadangkan untuk semua pekerja asing, masukkan mereka dalam SOCSO, juga dalam EPF. Itu tidak ada masalah. Dengan itu kita boleh *regulate* dengan izin pekerja asing dengan jauh lebih baik daripada sekarang dengan cara yang adil pada mereka dan terbaik untuk negara kita.

Tadi saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua kita kena *enlarge*, memperbesarkan, memperluaskan skop SOCSO kepada 24 jam. *Complete round the clock protection*. Bukan sahaja pada tempat kerja. Dengan pendekatan begitu kita pun boleh tangani isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi bila dia kata lepas mereka bersara. Dia kerja sampai 60 tahun, lepas itu bersara, lepas itu dapat penyakit yang teruk memerlukan bantuan kewangan tetapi tidak boleh dapat. So, kita kena fikir macam itu juga. Macam mana kita dapat sumbangan semua dan kita bagi mereka *coverage* yang akan berterusan selepas mereka berhenti kerja atau pun bersara. *We have to think about that's so of protection* dengan izin.

Akhirnya, inilah cadangan-cadangan saya. Saya harap kita boleh dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri dan ini ialah isu yang sangat penting. Ini ada *effect* pada kebajikan berjuta-juta. Bukan sahaja warga kita tetapi juga berjuta-juta pekerja asing yang ada di dalam negara kita. Akhirnya, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri kita nampak dana yang besar yang berpuluhan bilion ringgit yang ada di dalam tangan SOCSO, juga dalam EPF tetapi hari ini kita tumpu pada SOCSO. Adakah dana yang besar ini digunakan untuk memberi pinjaman yang murah kepada kerajaan? Maksud saya, dana ini patutnya digunakan dengan cara yang terbaik, dilaburkan di tempat yang terbaik untuk mendapatkan hasil atau untung yang maksimum untuk membantu pekerja-pekerja untuk tuntutan mereka. Mereka ada kemalangan, mereka hilang keupayaan dan sebagainya dan bantuan itu.

Akan tetapi, adakah duit ini tidak dilaburkan dengan sebaik-baiknya tetapi adakah kala diberi pinjaman, balik kepada kerajaan? Kalau ada berapakah pinjaman? Saya ingin tahu apakah jumlah yang dipinjamkan balik kepada kerajaan daripada SOCSO dan apakah faedah yang diterima oleh SOCSO dengan pinjaman-pinjaman itu. Dengan itu, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. 10 minit seorang Yang Berhormat, 10 minit seorang ya.

Seorang Ahli: Lima minit cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Bayan Baru dahulu. Selepas itu Yang Berhormat Ipoh Timur.

5.14 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya punya pendek sahaja. PERKESO ini ditubuhkan sejak tahun 70an dan sekarang dia telah memperluaskan skopnya termasuk Yang Berhormat Menteri tadi kata ada *self employ* dan juga semua pekerja. Ini menimbulkan banyak persoalan. *I think is a good initiative*. Saya pun sokong

terhadap inisiatif ini tetapi saya datang daripada golongan generasi muda dan juga pekerjaan sekarang generasi muda yang lebih muda lagi, lagi berbeza.

Mereka mungkin ada satu *laptop* dan mereka pergi *Starbuck* bekerja. Mungkin gaji mereka mungkin RM3,000, RM2,000 dan apabila mereka termasuk dalam itu, apabila kemalangan terjadi kepada mereka bagaimana *define the work place*. Itu menjadi persoalan. *Work place* itu akan di mana-mana. *Starbuck* pun menjadi *work place*. *Then*, bagaimana *pay out* tersebut kalau berlaku kemalangan? Mungkin kakitangan penyiasat kata kalau berlaku kemalangan mungkin boleh dikatakan dia masa itu tengah dengar radio, tengah dengar muzik sambil bekerja. Jadi, dia bukan bekerja. *So, this other issue new generation of working work place has become*. Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri beri takrifan boleh kah *be a bit more updated to new kind of work place*.

Kedua adalah saya sokong Yang Berhormat Subang yang ingin memperluaskan PERKESO ini kepada pekerja asing. Ini adalah satu *humanitarian way* sebab kalau kita tidak perluaskan kepada pekerja asing, *protection* mereka tidak mencukupi. Saya hendak mengambil satu pengalaman saya sendiri apabila saya pernah bekerja di US. Saya pun boleh mencarum *social security* untuk saya sendiri di mana saya pun diberi *protection*. Jadi, tidak jadi masalah kalau kita boleh perluaskan. Kalau kita kata mungkin skim ilat itu tidak *apply* kepada pekerja asing apabila seseorang jatuh sakit dan tidak boleh bekerja, dia perlu balik ke negara asal. Akan tetapi *at least* skim bencana kerja itu boleh *apply* kepada mereka apabila berlaku bencana pada tempat kerja atau semasa pergi bekerja itu bolehlah kita minta mereka mencarum skim bencana kerja. Jadi, ini adalah sesuatu yang perlu kita *think out of the box*. Saya memang setuju Yang Berhormat Subang...

Tuan Manivannan a/l A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dia membantu mendaftarkan pekerja asing juga. *One stone cure many birds*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bayan Baru, tentang pekerja asing.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey boleh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru, rata-ratanya di negara kita ramai pekerja asing yang masuk dalam golongan yang separa mara atau tidak mahir. Kalau kita hendak menggalakkan pekerja yang mahir tentunya dia akan tengok spesifikasi-spesifikasi sebegini di mana ada jagaan, ada kualiti, ada caruman PERKESO dan sebagainya.

So, kalau kita hendak menarik pekerja-pekerja mahir yang agak kurang di negara kita sekarang. Pekerja asing yang mahir memang kurang. So, untuk menggalakkan mereka ini juga adalah satu cadangan yang perlu diteliti oleh kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya setuju dan saya masukkan cadangan Yang Berhormat Kapar ke dalam ucapan saya. Kerana ini adalah zaman baru, *work place* baru dan

kita hendak *attract talent* yang baru ke negara kita, maka cara kita kena mengikuti zaman, harus *up to date*. Jadi, saya difahamkan ada ramai pekerja IT yang sekarang diimport masuk ke Malaysia kerana kita tidak mempunyai pekerja IT yang cukup. Ada ramai datang dari Indonesia, datang dari Filipina, datang dari sejak Afghanistan pun datang tetapi mungkinlah mereka boleh diperluaskan kepada pekerja asing dari segi PERKESO ini. *At the end of the day* dia *a large the full of the fund*. Dia akan membantu kerana saya sudah pasti PERKESO sudah membuat *calculation* yang mencukupi bahawa yang mencarum itu akan lebih daripada *pay out anywhere*.

■1720

Setakat ini kita ada Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan. Cadangan ketiga saya adalah kita harus *thinking or venture into* Skim Pemberhentian Kerja Sementara, *Unemployment Benefit*, sebab saya rasa dalam keadaan ekonomi global yang banyak berubah dan keadaan pekerjaan yang sangat dinamik sekarang, ramai pekerja dia akan diberhentikan kalau *company* tidak mendapat keuntungan atau kurang kontrak, dia akan hentikan pekerja. Pekerja itu akan kehilangan kerja. Tidak bermaksud bahawa ekonomi tidak baik. Mungkin *company* itu menghadapi masalah tetapi pekerja dia akan *retrenchment*. Katakanlah sebuah kilang ditutup, dan pekerja itu terpaksa dibuang. Akan tetapi saya rasa pekerja-pekerja itu akan diserap balik ke dalam pekerjaan tidak lama lagi, mungkin tiga bulan, mungkin dua bulan.

Jadi, kita perlu ada *social safety net* untuk pekerja-pekerja macam ini. Kalau boleh saya hendak cadangkan Skim Pemberhentian Kerja Sementara, *Unemployment Benefit* ini. Tambahkan satu caruman, *increase the* caruman untuk skim tersebut supaya pekerja-pekerja ini mempunyai dalam dua tiga bulan kalau dia kena *retrenchment*, *at least* dia tidak akan menyebabkan keluarga mereka sengsara. Sebab, kita tahu bahawa kalau *the breadwinner* kalau tiba-tiba diberhentikan kerja, mereka satu keluarga akan dalam keadaan susah.

Saya selalu tengok ada pekerja yang dibuang kerja memang bermasalah hendak bayar bil elektrik, hendak beli makanan, bayar bayaran persekolahan dan sebagainya, memang bermasalah. Jadi kalau kita ada *unemployment benefit* dalam PERKESO, kita akan membina satu *social safety net* yang membantu mereka sementara beberapa bulan. Tidak payah panjang, mungkin tiga bulan sehingga enam bulan. *It depends on the planning*. Jadi saya hendak cadangkan kepada kerajaan adakan skim yang baru iaitu Skim Pemberhentian Kerja Sementara.

Last sekali saya hendak tanya. Kita ada RM25 bilion dalam PERKESO. Di mana duit tersebut? Bagaimanakah ia dilaburkan? Saya minta Menteri bagi *breakdown* di mana mereka laburkan. Dalam pasaran saham, dalam pasaran bon, di luar negara, di dalam negara? Apakah projek-projek *special* yang telah dilaburkan oleh kerajaan?

Saya ingin bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa *this is a social organization*, ini bukan *company making huge profit*. *It is not a commercial entity to make huge profit*. Kita harus ada *compassionate*. Jangan *expose social organization* kepada *the cruel world of capitalism* di mana *dog eat dog* yang di pasaran saham...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan tadi tentang pelaburan, *I mean* pendekatan sekarang di mana SOCSO nampak macam dibawa masuk ke dalam perniagaan, *they are going into a business*.

Pada pandangan saya, ada beza yang besar dengan pendekatan macam EPF atau KWSP. Mereka tidak melakukan satu *business*. Mereka melabur dalam *business*. Itu satu perbezaan yang sangat penting. Jadi mereka tidak ada *conflict of interest*. Mereka hanya ambil caruman melabur, dapat untung dan sumbang balik kepada pekerja.

Jadi, adakah pendekatan itu yang sepatutnya diikuti dan bukan di mana PERKESO membeli syarikat-syarikat, membeli *business-business* dan cuba menjalankan *business* itu secara terus? Itu perbezaan yang sangat penting dan kita kena faham dan *maintain* perbezaan itu. Minta pandangan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Subang ke dalam ucapan saya. Itulah persoalan sekarang kerana kita nampak kerajaan telah ingin *venture to the business* dengan menggunakan PERKESO. Ini kerana ada *investment* panel, wakil Bank Negara telah ditarik balik. Jadi ini adalah nampaknya kerajaan beria-ia hendak masuk ke dalam *business* dari PERKESO dengan duit pekerja sendiri. *That really worries me*. Pada pendapat saya, PERKESO ini *has to be as conservative as possible* kerana dia melibatkan pekerja, *the benefit and the welfare of the* pekerja.

Itulah ucapan daripada saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Ipoh Timur.

5.25 ptg.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk berbahas pindaan Rang Undang-undang PERKESO ini. Saya cuma ada dua isu yang saya hendak bangkitkan di sini.

Pertamanya saya hendak mengatakan pindaan ini adalah satu langkah atau inisiatif yang positif terutamanya pindaan kepada Jadual Ketiga yang mana ia akan memperluaskan skop perlindungan kepada pekerja-pekerja di negara kita.

Akan tetapi apa yang berbangkit daripada perkara itu adalah saya cuma hendak tahu bagaimana kesediaan pihak PERKESO untuk menangani masalah di mana Jemaah Rayuan ini – berapakah Presiden Jemaah Rayuan yang kita ada? Adakah mereka boleh *handle* kes-kes yang akan bertambah dengan lebih ramai pekerja di bawah perlindungan PERKESO?

Ini kerana setahu saya, seperti di Perak, kami ada seorang pengerusi yang terpaksa juga *cover* di negeri-negeri di utara seperti Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi, juga semasa Jemaah Rayuan dijalankan, kadang-kadang tidak ada *interpreter* langsung. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan ambil untuk memastikan kes-kes tidak akan tertunggak dan melambatkan lagi apabila banyak lagi pekerja yang akan membuat tuntutan-tuntutan dalam kes ini?

Tadi saya dengar penghujahan atau perbahasan Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya memang setuju bahawa PERKESO, SOCSO ini perlu melindungi pekerja. Saya bagi satu contoh di mana seksyen 23 dalam undang-undang sedia ada memberi satu anggapan dengan izin, "*Anggapan tentang kemalangan yang terbit dalam masa pekerjaan*". Di bawah seksyen 23 bagi maksud ini, dengan izin saya membaca dengan singkat, "*Bagi maksud Akta ini, sesuatu kemalangan yang terbit dalam masa pekerjaan seseorang berinsurans hendaklah dianggap, jika sekiranya tiada apa-apa keterangan yang berlawanan, sebagai telah terbit daripada pekerjaan itu*".

Ia nampak singkat dan ringkas tetapi masalah yang berlaku ialah apabila laporan perubatan dikeluarkan, ia akan menunjukkan sebab-sebab kecederaan tersebut dan selalunya—sebagai satu contoh, saya baru-baru ini ada mengendalikan satu kes. Pekerja itu mengalami strok semasa pekerjaan dan di dalam tandas. Beberapa jam kemudian baru ditemui.

Malangnya, dalam laporan perubatan tersebut, dia hanya ditulis *hemorrhage of the brain*, maknanya pendarahan dalam otak. Jemaah Rayuan ini, tangan mereka terikat sebab bagi pekerja ini, dia tiada maksud untuk membuktikan bahawa *hemorrhage of the brain* maknanya pendarahan dalam otak ini disebabkan oleh masa pekerjaan. Tuntutan beliau ditolak. Ini adalah tidak adil.

Jadi apa yang saya hendak cadangkan adalah seksyen-seksyen seperti ini perlu dikukuhkan lagi untuk membantu pekerja...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Inilah yang saya kata Yang Berhormat dan juga kepada Menteri bahawa posisi yang perlu diambil oleh SOCSO adalah bagi pihak pekerja. *You must think like a worker*. Apabila dia *injured* dalam masa kerja, apakah sebabnya? *You must be together with the worker rather than look at commercial entity*. Itu Yang Berhormat, yang perlu diambil dan mungkin perkara itu Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan jasa baik supaya *bring back the case, so that we do equity, we do fairness to this kind of people*. Thank you, terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Benar. Saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat. Memang, seperti kes tersebut, beliau telah terlantar dalam keadaan koma empat tahun tetapi tuntutan untuk pencen ilat tidak dapat dibenarkan sebab *medical report* tersebut di mana ditulis *hemorrhage of the brain* yang mana seperti dalam akta ini, dia perlu tunjuk bahawa *hemorrhage of the brain* itu disebabkan oleh kemalangan bencana kerja. *I think this is not friendly to the worker*, dengan izin.

Jadi, saya setuju sekiranya Menteri dengan kuasa yang ada boleh lihat balik kes seperti begini dan buat satu keadilan kepada mereka. Keluarga dia, sekarang sudah empat tahun dan keluarga dia perlu menjaga beliau tanpa pencen dan ini bukan satu kes di mana beliau ditimpa kemalangan di luar tapi di dalam *factory*, dalam kilang tersebut. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, saya setuju bahawa PERKESO patut mengabaikan, tolak ansur, jangan terlampau ketat dengan *technicalities*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja.

Saya cuma hendak sebut saya pun ada menghadapi kes-kes sebegini. Jadi apabila saya bertanya kepada pegawai PERKESO, sebenarnya tangan mereka juga terikat kerana mereka ada peraturan-peraturan dan *guidelines* untuk bila boleh bagi dan dalam keadaan bagaimana.

Jadi ia sekarang ini terpulang, saya ingat daripada kesungguhan politik dari pihak Menteri untuk mengarahkan supaya pindaan-pindaan perubahan— ini semua adalah di peringkat peraturan, ia bukan di peringkat undang-undang begitu. Jadi saya juga ingin supaya soalan ini ditujukan kepada Menteri supaya perkara ini dapat dilihat semula supaya kes-kes yang kita bawa ini tidak— saya rasa tidak memadai kita tengok balik kes *and then* kita bantu kes ini secara *exception* kerana kita suarakan dalam Parlimen. Bagaimana dengan kes-kes yang banyak lagi yang tidak dapat pencen ilat dan sebagainya dan juga kes-kes yang akan datang? Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ya, benar. Saya terima apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja dan dimasukkan dalam perbahasan saya.

Dengan itu, saya hendak akhirkkan dengan mengatakan saya harap kerajaan mengambil kesempatan ini untuk mengkaji undang-undang ini dengan lebih teliti dan membuatkan ia benar-benar satu, dengan izin, *social legislation* yang menjaga dan melindungi hak pekerja-pekerja di dalam negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu perbahasan. Esok selepas Q&A, Menteri akan mula menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 31 Mac 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang]